

**MAJLIS MESYUARAT NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BAGI TAHUN 2025**

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN BAGI JAWAB TULIS

PT01/21/2025

1

No. Soalan: PT2

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI
MOHAMED**

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan kadar sebenar pengangguran dalam kalangan rakyat tempatan tanpa mengambil kira program sementara seperti skim perantis. Apakah langkah jangka panjang bagi memastikan pekerjaan yang stabil, berpendapatan mampan, serta sejajar dengan kemahiran tenaga kerja tempatan bagi mengurangkan kebergantungan kepada penyelesaian sementara.

JAWAPAN:

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

- i. Kaola terlebih dahulu mengucapkan terima kasih di atas pertanyaan dan terima kasih jua di atas keprihatinan Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed yang telah menyuarakan persoalan mengenai dengan **kadar pengangguran yang sebenar tanpa mengambil kira program atau skim perantisan dan langkah jangka masa panjang untuk memastikan pekerjaan yang stabil, pendapatan yang mampan dan sejajar dengan kemahiran.**
- ii. Sebagaimana yang kita sedia maklum, perkiraan statistik tenaga buruh di negara ini, termasuk kadar pengangguran, adalah berdasarkan kepada kajian tenaga buruh yang menggunakan kaedah persampelan yang sistematik dan

metodologi yang digunakan oleh *International Labour Organisation* (ILO). Maka berasaskan kepada ini, perkiraan kadar pengangguran tanpa mengira skim perantisan sepertimana yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat, perlulah dikaji bersama agensi-agensi yang berkenaan, mengambil kira kadar pengangguran menggunakan metodologi ILO mengira perantis sebagai sebahagian daripada golongan yang bekerja (*employed*).

iii. Berhubung dengan langkah dalam memastikan pekerjaan yang stabil dan berpendapatan mampan sejajar dengan kemahiran tenaga kerja tempatan, Kerajaan terus melaksanakan **langkah-langkah jangka panjang**, antaranya:

- Pertama, mengutamakan **penjanaaan pekerjaan dalam sektor swasta**, termasuk melalui kemasukan dan pertumbuhan pelaburan langsung asing (FDIs), spin-offs daripada FDIs, dan menggalakkan keusahawanan.

Seiring dengan pertumbuhan sektor swasta termasuk melalui pertumbuhan FDIs dan projek-projek utama dalam sektor hiliran minyak dan gas, jumlah pekerja di Sektor Swasta telah meningkat sebanyak 4 peratus pada tahun 2024 menjadikan peratus tenaga kerja dalam Sektor Swasta meningkat kepada 70 peratus pada tahun 2024 bersandarkan Laporan awal Kajian Tenaga Kerja 2024 berbanding 53 peratus tenaga kerja dalam kajian yang sama tahun 2014. Peningkatan ketara dicatatkan dalam lima sektor iaitu Perdagangan Borong dan Runcit; Pembuatan (Petrokimia); Perkhidmatan Sokongan; Perkhidmatan Makanan dan Penginapan; dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi bersandarkan kajian suku tahun perniagaan tahun 2024.

Selaras dengan usaha memajukan keusahawanan di kalangan anak-anak tempatan, kategori bekerja sendiri telah juga meningkat didorong oleh peralihan tren ekonomi ke arah ekonomi gig yang dipacu oleh platform digital. Perkembangan positif ini menggambarkan anak-anak tempatan tidak lagi bergantung kepada sektor kerajaan dan menjadikan sektor swasta sebagai pilihan pekerjaan mereka. Dalam perkara ini, pihak kerajaan akan terus bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan termasuk sektor swasta dalam usaha bersepadu untuk menghasilkan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan yang stabil dan berpendapatan mampan bagi anak-anak tempatan.

- Kedua, menggalakkan **upskilling dan reskilling** tenaga kerja tempatan terutamanya bagi mereka yang berkelulusan peringkat menengah dan ke bawah agar sentiasa relevan kepada keperluan industri. Kerajaan akan terus memberi keutamaan dalam memperkukuh pembangunan

model insan melalui latihan yang inovatif di semua peringkat dengan menumpukan peningkatan kemahiran dan kebolehan pasaran anak-anak tempatan terutamanya golongan belia. Ini termasuk penyelarasan usaha-usaha dengan keperluan industri, perkembangan ekonomi dan badan profesional ke arah memastikan tenaga kerja dilengkapi dengan kemahiran dan pengalaman untuk menghadapi cabaran semasa dan masa depan. Baru-baru ini, Program Skim Perantisan Perkhidmatan Awam (SkiPPA) telah diperkenalkan bertujuan untuk memberikan pengalaman pekerjaan kepada graduan dalam mana setakat ini, seramai 794 perantis sedang menjalankan program ini di kementerian dan jabatan kerajaan.

Program *upskilling* dan *reskilling* tenaga kerja tempatan seperti *SkillsPlus* akan diteruskan pada tahun 2025 dengan beberapa kursus baharu mengikut keperluan industri. Ini didokong oleh pemberitaan berterusan melalui *platform mini recruitment drive*, *employability workshop*, pesta kerjaya, mukim *connect* dan Pusat Pekerjaan Brunei (PPB) *Open Day* di mana pencari kerja akan berpeluang untuk memahami lebih lanjut mengenai program-program yang ditawarkan oleh PPB, berinteraksi secara langsung dengan agensi-agensi yang ikut serta, meningkatkan pengetahuan mengenai persediaan menghadiri ujian, temuduga dan sebagainya bagi meningkatkan kebolehpasaran para pencari kerja.

Kerajaan akan terus bekerjasama dengan sektor-sektor industri di negara ini untuk membangunkan program-program dan latihan-latihan vokasional bagi memastikan tenaga kerja dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan selaras dengan keperluan pasaran pekerjaan.

Selain pihak Kerajaan, Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government Linked Companies*) turut mendukung pembangunan modal insan dan menyediakan pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Peruntukan sejumlah **BND 19.21 juta** disediakan di bawah Pusat Pekerjaan Brunei, Jabatan Perdana Menteri bagi mengendalikan program-program pembangunan kapasiti seperti SkiPPA, Skim TVET, *Skillsplus*, *SPIN in Accountancy* dan *Tradeskills* dalam usaha berterusan Kerajaan menyediakan tenaga kerja tempatan yang berdaya maju agar sejajar dengan keperluan bidang pekerjaan dan industri semasa dan juga masa hadapan, dan seterusnya memastikan pendapatan yang mampan selaras dengan kemahiran yang diperolehi.

Para belia di negara ini diseru untuk merebut peluang meningkatkan kemahiran masing-masing melalui pelbagai platform yang telah disediakan oleh pihak kerajaan mahupun sektor swasta dan pelbagai agensi-agensi yang berkepentingan.

- Ketiga, **mengurangkan ketidakselarasan (*mismatch*)** melalui perancangan tenaga manusia (*manpower planning*), termasuk penyelarasan di antara keperluan lima (5) sektor keutamaan di bawah *Economic Blueprint* dan bidang-bidang kursus yang diutamakan di bawah Kementerian Pendidikan. Langkah ini adalah untuk memastikan program latihan dan pembangunan kemahiran sejajar dengan keperluan pasaran kerja.
- Keempat, **menguatkan latihan dan pensijilan**. Usaha terus dijalankan dalam memperkukuh pensijilan dan pengiktirafan kemahiran melalui badan-badan yang diiktiraf bagi memastikan tenaga kerja tempatan memiliki kelayakan yang kompetitif. Beberapa program latihan di bawah Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan, seperti Clinical Supervisory Programme (CSP) dan HSE program adalah diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan dan *Safety, Health and Environment National Authority* (SHENA) selaku pengawalselia dan industry player yang membolehkan anak tempatan untuk menjadi practitioner di bidang-bidang tertentu;
- Kelima, memberi **dokongan kepada pekerjaan berkualiti** dengan menggalakkan pertumbuhan sektor yang menawarkan pekerjaan bernilai tinggi, seperti ekonomi digital dan tenaga hijau, agar peluang pekerjaan yang diwujudkan lebih stabil dan berdaya tahan;
- Keenam, memberi **dokongan bagi rakyat untuk menjadi bakat bertaraf global** dengan menerokai peluang penempatan dan pekerjaan di arena antarabangsa bagi memperolehi pengalaman dan pengetahuan kerja, termasuk pendedahan kepada teknologi terkini, amalan kerja terbaik, dan jaringan profesional antarabangsa yang akan meningkatkan keupayaan dan kepakaran mereka untuk memacu kemajuan Negara. Ini sememangnya bukan hanya memberi sekadar peluang pekerjaan, tetapi adalah satu pelaburan bagi modal insan yang berkualiti dan bertaraf global; dan
- Ketujuh, pengenalan **Perintah Pekerjaan (Upah Minimum)** yang menetapkan gaji minimum BND500 sebulan atau BND2.62 sejam bagi pekerja sambil secara berfasa sebagai usaha bagi pekerja-pekerja di sektor swasta menerima gaji yang berpatutan dan mampan sejajar

dengan kemahiran mereka, serta menggalakkan amalan pekerjaan yang adil (*fair employment practices*).

Setakat ini, Perintah Pekerjaan (Upah Minima) 2025 meliputi tujuh (7) industri yang telah dikenal pasti iaitu: (i) Perbankan dan Kewangan; (ii) Teknologi Info-Komunikasi; (iii) Sekuriti; (iv) Pelancongan dan Penginapan (v) Arkitek, Kejuruteraan Professional, Ukur Bahan dan Ukur Tanah; (vi) Perubatan dan Pergigian; dan (vii) Pendidikan Tinggi Swasta.

- iv. Pihak Kerajaan akan terus menilai dan menambah baik inisiatif yang sedia ada dengan mengambil kira keadaan pasaran kerja dan maklum balas daripada pihak berkepentingan bagi memastikan keseimbangan antara penawaran dan permintaan tenaga kerja di negara ini. Usaha ini akan memerlukan komitmen dan usaha sepadu dari semua pihak, sama ada individu, Kerajaan, mahu pun sektor swasta.
- v. Dengan kerjasama pelbagai pihak dan pendekatan *whole-of-nation*, ianya diharapkan dapat mewujudkan tenaga kerja yang berdaya saing serta mengurangkan kebergantungan kepada penyelesaian sementara, sejajar dengan aspirasi pembangunan negara.

Sekian saja yang dapat Kaola sampaikan. Terima kasih.

No. Soalan: PT7 & PT39

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM [PT7]

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF [PT39]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI PERTAHANAN KEDUA** menyatakan inisiatif-inisiatif yang telah, sedang, dan akan dilaksanakan bagi mengukuhkan urustadbir (governance) secara menyeluruh. Perkara ini mengambilkira urustadbir dalam pengurusan dasar-dasar Kerajaan sebagai prasyarat dalam meningkatkan ekosistem ekonomi, dengan fokus kepada ketelusan, integriti, dan akauntabiliti serta bertindak sebagai 'check-and-balance,' mengelakkan 'conflict of interest' dan memastikan keputusan lebih objektif, rasional, dan impartial.

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan keberkesanan JPM selaku leading dan coordinating dalam mensejajarkan dan mengimplementasikan dasar-dasar Kerajaan seperti ease of doing business. Ini bertujuan bagi memastikan sealiran terutama sekali bagi memudahcara dan menyegerakan semua proses permohonan agar lebih mudah, efektif dan efisien dalam memastikan kelancaran dan kejayaan sesuatu dasar atau perancangan yang dikenalpasti dalam merealisasikan kaedah pendekatan whole-of-government-approach.

JAWAPAN:

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

1. Kaola memohon keizinan untuk menyantumkan dua pertanyaan bagi jawab tulis yang diajukan oleh **Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri**

Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim mengenai dengan inisiatif-inisiatif yang telah, sedang, dan akan dilaksanakan bagi mengukuhkan urustadbir (*governance*) secara menyeluruh, dan yang diajukan oleh **Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** mengenai dengan keberkesanan JPM selaku *leading* dan *coordinating* dalam mensejajarkan dan mengimplementasikan dasar-dasar kerajaan.

2. Terlebih dahulu Kaola mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim** dan **Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** di atas pertanyaan-pertanyaan berkenaan.
3. Pihak Kerajaan sentiasa dan secara berterusan melaksanakan pelbagai inisiatif yang difikirkan dapat membantu dalam mengukuhkan urustadbir secara menyeluruh, dengan menekankan kepada ketelusan, integriti, akauntabiliti dan pensejajaran.
4. Jabatan Perdana Menteri sebagai agensi utama Kerajaan sentiasa terus mempergiatkan usaha dalam mengukuh urustadbir perkhidmatan awam serta menyelaraskan dan mensejajar dasar kerajaan dalam memastikan kementerian dan jabatan kerajaan sepenuhnya mendukung dan melaksanakan tugas di bawah bidang kuasa masing-masing ke arah mencapai sasaran-sasaran yang dihasratkan. Inisiatif-inisiatif utama yang telah dan terus dijalankan termasuklah:
 - i. Pertama, **usaha pendekatan senegara** ke arah mencapai hasrat Wawasan Brunei 2035. Wawasan Negara menekankan pendekatan secara menyeluruh dan inklusif melibatkan kerjasama antara pihak kerajaan, sektor swasta, badan bukan kerajaan (NGO), dan masyarakat awam. Kerjasama ini penting dalam memastikan dasar dan usaha-usaha yang diungkapkan mencerminkan hasrat rakyat dan penduduk di negara ini dan mencapai sasaran strategik dan berkeutamaan tinggi negara.

Penyelarasan di peringkat tertinggi diterajui oleh Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 yang dipengerusikan sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan keahliannya terdiri oleh semua Menteri-Menteri Kabinet, adalah merupakan landasan utama *Whole of Government* dimana dengan adanya keahlian semua Menteri Kabinet, akan menyatukan isu-isu dan juga penyelesaian sebarang cabaran, dan seterusnya membawa kepada perubahan besar yang berimpak tinggi

dan transformatif ke arah menjana kesejahteraan rakyat dan penduduk serta memastikan kemakmuran negara dipertahankan.

Di peringkat tindakan kementerian dan jabatan, usaha-usaha mengukuhkan pelaksanaan dan pensejajaran strategik dan pelan-pelan tindakan yang menjurus kepada Wawasan utama matlamat-matlamat mencapai dilaksanakan melalui *Manpower Blueprint* bagi Matlamat Pertama Wawasan yang diterajui oleh Kementerian Pendidikan dan Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPTMP); *Social Blueprint* bagi Matlamat Kedua Wawasan yang diterajui oleh Jabatan Perdana Menteri dan Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS); dan *Economic Blueprint* bagi Matlamat Ketiga yang diterajui oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Penguatan urustadbir yang lebih efisien juga dicapai melalui **Mesyuarat Setiausaha Tetap-Setiausaha Tetap** yang memainkan peranan penting dalam memastikan koordinasi antara kementerian, penyelarasan dasar, peningkatan kerjasama yang lebih erat, dan strategi dan inisiatif kerajaan adalah selaras dan sejiar dengan matlamat dan dasar negara yang memerlukan keputusan yang kolektif dan tindakan kerjasama '*Whole of Government*' daripada semua kementerian untuk mencapai keputusan yang holistik dan berkesan, melalui penetapan agenda yang memuatkan inisiatif strategik yang dikaitkan dengan Petunjuk Prestasi Utama di peringkat Kementerian dan Jabatan, dan juga peneraju *blueprint-blueprint* Wawasan secara menyeluruh dan berkeutamaan tinggi, dan juga berkaitan dengan Hasil-Hasil Pencapaian Kebangsaan yang ditetapkan di bawah Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035.

Jabatan Perdana Menteri telah mengendalikan satu **kaji selidik** pada bulan Januari 2025 ke atas semua Setiausaha-Setiausaha Tetap yang bertujuan bagi mendapatkan maklumbalas, cadangan penambahbaikan dan pembaharuan ke arah **memperkesakan lagi Mesyuarat Setiausaha-Setiausaha Tetap**.

Hasil kajian ini akan dijadikan sebagai *input* penting dan memberikan nilai tambah kepada usaha-usaha memperkukuhkan lagi Mesyuarat Setiausaha-Setiausaha Tetap dalam mencapai objektif mesyuarat, di samping mengukuhkan urustadbir kerajaan yang menjana kepada perkhidmatan awam yang lebih cemerlang, berintegriti, berdaya saing dan berwawasan, ke arah memenuhi keperluan rakyat dan mendukung pembangunan negara bagi mencapai Wawasan Brunei 2035.

- ii. Kedua, inisiatif-inisiatif berskala *civil service wide* yang giat dijalankan sebagai usaha untuk meningkatkan Perkhidmatan keberkesanan Awam sekaligus memperkukuhkan urustadbir dan pentadbiran awam.

Penubuhan **Jawatankuasa Perkhidmatan Awam (JTPA)** dihasratkan sebagai sebuah platform utama dalam menerajui hala tuju transformasi sektor awam negara. JTPA akan memainkan peranan penting dalam merangka dasar, strategi dan inisiatif pembaharuan yang bertujuan untuk meningkatkan kecemerlangan sektor awam. Pendekatan *Whole-of-Government* (WOGA) dan *Whole-of-Nation* (WONA) diterapkan untuk memastikan penyelarasan dasar secara rentas sektor, bagi mendukung Wawasan Brunei 2035 serta Wawasan Perkhidmatan Awam Abad ke-21 (WPA21).

Bagi memperkukuh koordinasi dasar kerajaan, JTPA akan menjadikan aspek dasar pro-bisnes, pemerkasaan tadbir urus digital, serta integrasi sektor swasta dan NGO sebagai agenda utama dalam mesyuaratnya. Melalui pendekatan ini, JTPA akan berperanan dalam menilai keberkesanan inisiatif sedia ada, mengenal pasti jurang pelaksanaan, dan mempercepatkan transformasi perkhidmatan awam.

JTPA akan turut menyokong usaha ini dengan mengukuhkan mekanisme penyelarasan antara kementerian dan agensi, memastikan dasar yang diperkenalkan konsisten, seiring dan selari dengan perancangan pembangunan sosio-ekonomi negara.

- iii. Ketiga, dalam memastikan urus tadbir kerajaan yang lebih berintegriti dan profesional, Kerajaan telah menekankan pematuhan terhadap **Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam** sebagai garis panduan utama dalam membentuk budaya kerja yang beretika.

Sebagai sebahagian daripada usaha pengukuhan integriti, Institut Perkhidmatan Awam (IPA) telah menyediakan kursus-kursus khas bagi warga perkhidmatan awam untuk memperkukuh kefahaman mereka mengenai akhlak kerja, keberkesanan penyampaian perkhidmatan, komunikasi berkesan, serta nilai-nilai kepimpinan yang cemerlang.

Selain itu, pematuhan kepada **General Orders (GO)** serta pelbagai peraturan lain turut menjadi asas kepada tadbir urus yang adil dan bertanggungjawab, sekali gus memastikan setiap keputusan yang dibuat adalah rasional, objektif, dan bebas daripada konflik kepentingan.

iv. Keempat, melalui Surat Keliling JPM Bilangan 05/2022, Kerajaan telah melaksanakan pengemaskinian ke atas sistem Audit Dalam, termasuk penubuhan **Jawatankuasa Audit Dalam dan Unit Audit Dalam secara berpusat (*centralised*)**. Antara objektif utama pelaksanaan audit ini adalah:

- Memastikan kawalan dalaman dan mekanisme 'check-and-balance' wujud dan mencukupi dalam semua pengurusan kewangan.
- Mencegah serta mengawal kejadian pecah amanah, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, serta pemborosan sumber kerajaan.
- Memperkukuh prinsip ketelusan dan akauntabiliti dalam pentadbiran awam.

Sebagai usaha untuk meningkatkan akauntabiliti dalam Perkhidmatan Awam jua, Surat Keliling JPM bilangan 4/2024 mengenai pengemaskinian kuasa menandatangani dan garis panduan am kontrak-kontrak bagi semua kementerian dan jabatan bertujuan untuk meningkatkan ketelusan dalam penandatanganan kontrak-kontrak bagi pihak Kerajaan.

Dengan wujudnya mekanisme ini, sistem pentadbiran negara dapat terus beroperasi dengan cekap, bersih dan beramanah, serta mendukung matlamat kerajaan yang berfungsi secara efektif dan bertanggungjawab.

v. Kelima, berhubung usaha bagi memastikan **kualiti penyampaian perkhidmatan awam yang tinggi**, Jabatan Perdana Menteri secara berterusan melaksanakan dan sentiasa menambahbaik inisiatif sedia ada bagi memantau kecekapan organisasi Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya seperti **Program Penggredan Prestasi Sektor Awam (3PSA)**, **Kaji Selidik Tumpuan Pelanggan (KSTP)**, dan **Pemantauan Pencapaian Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR)**.

Turut dirancang ialah bagi mewujudkan sistem flagship **e-pemedulian pelanggan** atau e-PP, sebagai inisiatif digital berimpak besar dalam usaha transformasi perkhidmatan menerusi pemantauan dan penilaian bersistematik terhadap keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam. Ianya akan berfungsi sebagai satu platform yang akan memudahkan pengumpulan data dan penganalisan ke atas trend-trend

berkaitan dengan penyampaian perkhidmatan yang mana daripadanya akan membolehkan agensi-agensi kerajaan mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan ke arah tahap yang menjurus kepada sasaran-sasaran yang outcome-based.

Anugerah Inovasi Perdana (AIP) turut diadakan setiap tahun untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada agensi-agensi kerajaan yang berjaya melaksanakan usaha-usaha penambahbaikan dan pembaharuan (inovasi) dalam tadbir urus baik (good governance) dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam. Penyertaan AIP menumpukan kepada bidang-bidang tertentu iaitu peningkatan penyampaian perkhidmatan awam melalui aplikasi teknologi, Inovasi, peningkatan integriti, ketelusan, akauntabiliti, serta penambahbaikan kualiti proses dalam perkhidmatan awam yang menyumbang kepada mempercepatkan urusan yang berkaitan dengan *Ease of Doing Business* (EODB).

Sepertimana jua yang dimaklumi, Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD) melaksanakan **Program Penggredan Prestasi Sektor Awam (3PSA) Melalui Penarafan Bintang** sejak tahun 2015, yang berfungsi sebagai mekanisme untuk memperkukuh urustadbir agensi kerajaan melalui penilaian aspek seperti Perancangan dan Pembaharuan Strategik, Penambahbaikan, Pengurusan Sumber Manusia, serta Pemedulian Pelanggan. 3PSA turut berperanan dalam membantu pensejajaran dan penyelarasan rancangan Strategik Kementerian-Kementerian dengan Wawasan Brunei 2035.

5. Kerajaan akan terus memantapkan sistem tadbir urus melalui pendekatan berstruktur dan menyeluruh, dengan memperkukuh penyelarasan dasar, pemerkasaan integriti serta mempercepatkan transformasi perkhidmatan awam.
6. Melalui usaha bersepadu antara JTPA, JPM, kementerian- kementerian dan semua pihak berkepentingan, Negara Brunei Darussalam akan terus berada di landasan yang kukuh dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035, ke arah pentadbiran yang telus, cekap dan berorientasikan hasil demi kepentingan rakyat dan negara.

No. Soalan: PT28

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA HAJI
AWANG SUYOI BIN HAJI OSMAN**

SOALAN:

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA HAJI AWANG SUYOI BIN HAJI OSMAN meminta **MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan jumlah pekerjaan yang akan dapat diwujudkan dengan belanjawan 2025 dan dalam sektor sektor mana. Ini mengambilkira kebimbangan pada masa ini ialah untuk mendapatkan pekerjaan.

JAWAPAN:

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

- i. Kaola terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman di atas pertanyaan mengenai dengan jumlah pekerjaan yang akan dapat diwujudkan dengan belanjawan 2025 dan sektor-sektor yang terlibat serta kebimbangan untuk mendapatkan pekerjaan.
- ii. Untuk makluman Yang Berhormat Pehin, fokus-fokus utama penyediaan peruntukan Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 (RKN12) antaranya adalah seperti berikut:
 - Pertama, bagi mendukung kestabilan sosio-ekonomi Negara;
 - Kedua, bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam terjaga;
 - Ketiga, bagi meningkatkan kemahiran dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan aktiviti ekonomi baharu; dan
 - Keempat, bagi meningkatkan pembangunan teknologi digital untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan.

- iii. **Pelaburan dalam projek-projek RKN12** ini akan dapat merangsang pertumbuhan ekonomi dan menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan dalam **industri-industri baharu** bagi anak-anak tempatan, seperti dalam projek-projek akuakultur, pertanian, pelancongan, kesihatan, pekerjaan hijau (*green jobs*) dan juga melalui **projek-projek enablers** seperti projek-projek pembinaan prasarana bagi persediaan industri-industri seperti jalan raya, bekalan air dan elektrik, pengangkutan dan dalam bidang-bidang Infokomunikasi dan reformasi digital.
- iv. Selain daripada projek RKN12, pelbagai usaha terus dipertingkatkan dalam mewujudkan peluang-peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan. Ini termasuk mengutamakan **penjanaan peluang-peluang pekerjaan di sektor swasta, seperti melalui kemasukan dan pertumbuhan pelaburan langsung asing (FDIS), spin-offs** daripada FDIs, dan menggalakkan keusahawanan.
- v. Jabatan Perdana Menteri melalui Pejabat Perancangan Tenaga Manusia sedang melaksanakan **usaha pengumpulan unjuran keperluan tenaga kerja (*manpower forecasting*)** secara berterusan daripada pelbagai agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan. Usaha ini menganggarkan peluang pekerjaan sebanyak 5 ribu pekerjaan setahun yang mana jumlah ini akan dikemaskini mengikut status projek and pengisian jawatan semasa.
- vi. Dalam pada itu, dikongsikan bahawa terdapat sebanyak lebih dari **4,000 jawatan kosong** di sektor swasta yang sedang aktif diiklankan di **Portal Pusat Pekerjaan Brunei (JCB)** setakat 31 Januari 2025. Oleh itu, para pencari kerja adalah diseru untuk merebut peluang pekerjaan yang tersedia pada ketika ini. Peluang pekerjaan yang tersedia bukan sahaja di dalam pelbagai sektor, seperti penginapan dan perkhidmatan, wholesale and retail, mining and quarrying dan lain-lain, namun juga ditawarkan di pelbagai tahap kelayakan dan peringkat kemahiran.
- vii. Insya Allah, pihak Kerajaan akan terus bekerjasama dengan pihak industri dan agensi-agensi berkaitan untuk memperluaskan lagi peluang pekerjaan sejajar dengan perkembangan sektor-sektor ekonomi negara.

Sekian saja yang dapat Kaola sampaikan. Terima kasih.

No. Soalan: PT8

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH
BINTI SHEIKH HAJI ABD SALAM**

SOALAN:

YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD SALAM meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan strategi pengawalan dan pemantauan anasir-anasir serta kegiatan-kegiatan negatif yang menyasarkan generasi muda dan masyarakat pedalaman serta langkah memastikan strategi tersebut disebarluaskan untuk pengetahuan awam bagi menanganinya. Ini mengambil kira kebimbangan mengenai isu sosial dan kegiatan beragama yang bertentangan dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah memberikan kesan negatif kepada umat Islam di negara ini termasuk kegiatan beragama yang dijalankan secara tertutup.

JAWAPAN:

Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) memainkan peranan penting dalam mengawal dan memantau penyebaran anasir-anasir negatif dan kegiatan beragama yang bertentangan dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah (ASWJ) yang menyasarkan ke dalam kalangan generasi muda dan masyarakat pedalaman. Amnya, Negara Brunei Darussalam telah meletakkan sistem pendidikan ugama yang kukuh. Pendidikan ugama yang formal diwajibkan kepada semua kanak-kanak Islam dan menjadi sebahagian daripada usaha kerajaan dalam memelihara akidah ASWJ serta membentuk generasi berilmu, berakhlak mulia dan membudayakan amalan dan ajaran Islam dalam kehidupan.

Dalam memastikan ia tetap teguh, strategi-strategi yang dilaksanakan oleh KHEU adalah antaranya; melalui Pusat Da'wah Islamiah (PDI). PDI sebagai sebuah institusi yang berperanan dalam penyebaran, pengembangan dan pemantapan ajaran Islam adalah sentiasa mempelbagai dan memperkemaskan pelaksanaan rancangan-rancangan bagi memperkasa dan mempergiatkan penglibatan belia dalam pengendalian program-program dan latihan-latihan bercorak keugamaan. Sehingga kini terdapat 62 buah kumpulan yang berdaftar di bawah Program Keugamaan Belia, KHEU. Dalam menangani isu sosial, PDI juga bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di kalangan penuntut-penuntut sekolah dan kanak-kanak di Kompleks Rumah Kebajikan serta Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi mereka yang berada di pusat-pusat tahanan. Manakala bagi masyarakat pedalaman yang terdiri daripada kalangan muallaf, orang-orang tua, orang kurang upaya dan tidak berkemampuan untuk

menghadirkan diri ke Pusat Da'wah Islamiah daerah-daerah terdapat skim khas untuk sesi pembelajaran. Ini juga termasuk membuat lawatan, bimbingan dan sebagainya.

Selain itu, KUPU SB sebagai institusi pendidikan yang berfokus kepada pengajian Islam dan pendidikan perguruan agama, juga turut memainkan peranan mereka. Antaranya penganjuran program-program perkuliahan seperti tadabbur al-Quran, pengajian kitab di masjid-masjid dengan sasaran kepada penduduk kampung, beliawanis, muallaf dan Jemaah masjid. Begitu juga penganjuran Program dakwah ke pendalaman dengan menjelajah keempat-empat daerah untuk mendekati dan membimbing penduduk kampung, golongan muallaf dan murid-murid sekolah rendah.

Bagi memastikan anasir-anasir serta kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan aqidah dan sosial terus dapat ditangani dengan berkesan, Bahagian Penguatkuasa Ugama serta Bahagian Kaunseling dan Kefahaman Agama, Jabatan Hal Ehwal Syariah dengan kerjasama padu dari pihak-pihak berkepentingan di Negara Brunei Darussalam telah melaksanakan pengawalan dan pemantauan yang berstrategi dan berkesan. Antaranya melalui penguatkuasaan undang-undang khususnya kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kanun Hukuman Jenayah Syariah, Penggal 275. Bahagian ini juga menganjurkan program-program kesedaran seperti program-program Makarimal Akhlak, Tanbih wa Tahsin, Al-Wa'yu termasuk kesedaran tentang penyebaran maklumat melalui media sosial. Program-program rehabilitasi dan sesi pemulihan akidah bagi individu-individu yang terlibat dalam kegiatan yang bertentangan dengan hukum Syara' juga adalah dititikberatkan bagi menghindari ancaman yang lebih besar yang melibatkan keselamatan dan kesucian agama rasmi negara dari sebarang unsur fahaman ekstrem, radikal dan pemikiran liberal.

Secara keseluruhannya, pendekatan yang bersepadu dan melibatkan semua pihak dalam pengawalan dan pemantauan anasir-anasir serta kegiatan negatif ini amat penting dalam memastikan kesejahteraan dan keharmonian masyarakat Brunei Darussalam terjamin. Selain itu, program-program kesedaran masyarakat memelihara akidah ASWJ dan menjauhi ajaran sesat serta penyebarannya terus dikembangkan melalui ceramah, forum, dialog dan pameran, penerbitan buku-buku dan termasuk melalui platform media sosial dan laman web rasmi dan sebagainya. Melalui strategi-strategi ini, adalah memastikan masyarakat umum termasuk generasi muda dan masyarakat pendalaman keseluruhannya akan mendapat maklumat yang tepat untuk menangani isu-isu tersebut.

No. Soalan: PT13

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH
BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN**

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk memastikan pengurusan waqaf dipermudahkan dan dipercepatkan serta diberigakan untuk menarik lebih ramai rakyat Brunei berwaqaf dalam negeri. Pengurusan waqaf dirasakan perlahan dan perlu lebih mengutamakan peningkatan kecekapan pengurusan zakat, aset-aset waqaf, dan baitulmal. Masalah ini telah menyebabkan ramai rakyat memilih untuk berwaqaf di luar negara.

JAWAPAN:

Waqaf di Brunei Darussalam adalah mudah dilaksanakan dan terjamin. Pewaqaf boleh menyumbang dalam bentuk harta tanah, bangunan, wang tunai, dan aset lain.

Pengurusan wakaf di Negara Brunei Darussalam adalah di bawah bidang kuasa Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) berdasarkan peruntukan dalam Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77. Dengan tertubuhnya Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB) yang telah dirasmikan pada 19 Julai 2023, Jabatan ini bertanggungjawab mengurus, memantau dan memastikan aset waqaf dimanfaatkan secara optimum.

Menurut catatan rekod dalam daftar statistik harta waqaf yang diamanahkan, dari tahun 1989 hingga tahun 2024, seramai 104 waqif (pewaqaf) telah berwaqaf dalam bentuk wang tunai dengan jumlah yang diterima adalah sebanyak BND4,266,188.62. dan 87% dari niat waqaf tunai tersebut adalah bagi kegunaan pembinaan / penambahan / memperbaiki masjid, membantu institusi tertentu dan menolong golongan yang memerlukan. Catatan juga merekodkan, seramai 338 waqif (pewaqaf) telah mewaqafkan harta-harta mereka, seperti (a) Kereta Jenazah; (b) Perkakas Elektronik; (c) Pelbagai Peralatan bagi kegunaan keugamaan dan pendidikan serta; (d) Projek pengumpulan dana waqaf bagi pembinaan projek kemaslahatan masyarakat.

Dalam pada itu, satu rang undang-undang telah digubal dan siap dibincangkan oleh Majlis Ugama Islam dengan harapan agar Negara ini mempunyai akta waqafnya tersendiri yang lebih komprehensif dan sesuai dengan perkembangan semasa. Penguatkuasaan perintah/undang-undang ini nanti antara lain bertujuan bagi memberikan nilai tambah yang signifikan seperti berikut:

- (a) **Meningkatkan Ketelusan:** Memperkenalkan langkah-langkah untuk meningkatkan ketelusan dalam pengurusan aset waqaf, termasuk pelaporan kewangan yang lebih terperinci dan audit berkala.
- (b) **Pengukuhan Institusi Waqaf:** Mengukuhkan institusi yang bertanggungjawab mengurus waqaf, termasuk peningkatan kapasiti dan kemahiran kakitangan serta membuka peluang pekerjaan bagi rakyat Negara Brunei Darussalam yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang waqaf, kewangan Islam, pelaburan dan sebagainya.
- (c) **Pembangunan Aset:** Meningkatkan pembangunan dan penggunaan aset waqaf untuk memaksimumkan manfaat kepada masyarakat, termasuk menarik minat pelaburan dari dalam atau luar negara seperti Islamic Development Bank (IsDB) dalam projek-projek yang berpotensi tinggi.
- (d) **Penyertaan Masyarakat:** Mendorong penyertaan aktif masyarakat dalam pengurusan waqaf, termasuk melalui pendidikan dan kesedaran tentang kepentingan waqaf.
- (e) **Pengawalan dan Pengawasan:** Memperkenalkan mekanisme pengawalan dan pengawasan yang lebih ketat untuk memastikan pengurusan waqaf yang adil dan berkesan.

Begitulah harapan kita, dengan penubuhan JUZWAB dan pelaksanaan undang-undang ini nanti ianya akan dapat memperkemaskan lagi pengurusan waqaf di Negara ini dengan lebih teratur dan efisien serta memastikan pewaqaf merasa sumbangan dan harta-harta yang mereka waqafkan itu ditadbir urus dan dikelola dengan terbaik dan dilindungi oleh undang-undang.

No. Soalan: PT18**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH
ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN****SOALAN:**

YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan hasil penilaian dan perubahan telah dibuat setelah dibangkitkan dalam sesi MMN 2023 dan bagaimana PROPAZ dapat ditingkatkan untuk memastikan matlamat membantu asnaf dapat dicapai dengan lebih berkesan. Program PROPAZ bertujuan memperkasa asnaf zakat agar berdikari dan keluar dari kemiskinan. Keberkesanannya program perlu dinilai bagi penambahbaikan dengan mengambil kira amalan terbaik dari negara-negara lain.

JAWAPAN:

Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB) melalui Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ) adalah secara berterusan memperkasa lagi penggunaan dan pengagihan wang zakat melalui usaha mengupayakan kapasiti diri asnaf fakir miskin dan mendorong mereka untuk berdikari dan berusaha. Agihan zakat produktif seumpama ini berupa pelaburan jangka masa panjang yang berorientasikan pembekalan ilmu dan kemahiran dalam bidang teknikal dan vokasional menerusi program-program berdaya tahan dan komprehensif sekaligus menjadikan mereka terlatih dan mahir dalam bidang yang dipilih dalam tempoh program yang ditetapkan.

Pasca penubuhan JUZWAB, program-program berbentuk Latihan Kemahiran seperti Program PROPAZ-PBB (Pusat Pembangunan Belia); Program PROPAZ-Perantis; Program Pembangunan Diri; Program anjuran BIBD iaitu BIBD SEEDS adalah masih diteruskan hingga sekarang. Manakala Program PROPAZ-Azzira'ah dan Program PROPAZ-IKB (Institut Kemahiran Baitulmal, MAIWP Kuala Lumpur) sedang dikemaskini format latihannya dan dinilai keberkesanan serta objektif penyertaannya. Selaras dengan hala tuju PROPAZ, program-program yang diadakan bukan setakat membentuk asnaf zakat terlatih dan berkemahiran bahkan turut menjadi keutamaan adalah program-program yang direka diselitkan dengan kursus bimbingan ugama dan pembangunan diri sebagai pemacu mereka untuk berdikari atau sekurang-kurangnya mewujudkan kesedaran positif akan kewajipan untuk bekerja dan menjana sumber pendapatan.

Alhamdulillah, salah satu program berdaya tahan yang baharu diperkenalkan oleh JUZWAB melalui PROPAZ ialah Program Kemahiran Keusahawanan Asnaf Zakat,

sebuah program kolaborasi bersama Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD). Program ini dijalankan bersama dengan BIBD di Inkubator Pusat Kecemerlangan dan Pengupayaan BIBD dan juga di Pusat Kemahiran Asnaf yang sedang dalam kerja-kerja pengubahsuaian bangunannya pada masa ini.

Program baharu ini dilaksanakan dalam 03 modul latihan berkonsepkan *work-based learning*. Modul Pertama menghendaki peserta mengikuti Modul Latihan Bengkel selama tiga (3) bulan dan diberikan pendekatan asas keilmuan budaya keusahawanan dan kemahiran seperti *Business Startups*, *Business Plan*, *Entrepreneurship Clinic* dan Aliran Tunai, Pembentukan dan Penjenamaan Produk, Jualan & Ujian. Peringkat latihan ini mereka akan dibekalkan dengan *training equipment* (kemudahan peralatan/ perkakas) mengikut pilihan bidang kemahiran yang ditawarkan di Pusat Kemahiran Asnaf.

Seterusnya Peserta Asnaf akan mengikuti Modul Latihan - *Coaching* selama tiga (03) bulan bagi latihan praktikal iaitu menjalankan perniagaan/keusahawanan, pemasaran dan urusniaga dengan khidmat *Mentorship* di Pusat Kemahiran Asnaf. Setelah tamat latihan, peserta akan menjalani modul Evaluasi iaitu bagi penilaian tahap kejayaan dan keberkesanan latihan serta memastikan usaha mereka untuk menjadi usahawan asnaf tidak terhenti di pertengahan jalan serta objektif bagi usaha mengeluarkan peserta asnaf dari lingkaran kemiskinan menjadi kenyataan. Pada fasa ini, usahawan terlatih dan mahir serta berkelayakan akan dipertimbangkan bagi penganugerahan agihan modal berusaha berjumlah tidak melebihi BND20k dari Kumpulan Wang Zakat Bahagian Fakir Miskin.

Alhamdulillah Program Keusahawanan Asnaf ini telah mula dijalankan pada 20 Februari 2025 dengan Program Bootcamp iaitu peringkat saringan dan latihan intensif selama enam (6) hari kepada 20 peserta asnaf yang mendedahkan ekosistem perniagaan dan ekonomi Islam serta motivasi diri agar komited mengikuti program latihan. Di sepanjang mengikuti program, peserta akan menerima pelbagai kemudahan seperti elaun latihan, pengangkutan, makan dan minum, penginapan (jika perlu) dan perkakas/peralatan kemahiran di sepanjang latihan.

Semoga Program Kerjasama bersama BIBD ini akan dapat memastikan lebih ramai Asnaf terkeluar daripada lingkaran kemiskinan melalui keusahawanan.

No. Soalan: PT23

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN

SOALAN:

YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak Kementerian dalam memastikan reka bentuk “masjid sebagai tempat ibadah dan pusat perkumpulan keugamaan” diterapkan dalam projek pembinaan masjid di negara ini. Masjid menunjukkan keberadaan orang Islam di tempat tersebut. Selain mencerminkan nilai-nilai Islam, pembinaannya perlu menitikberatkan reka bentuk Melayu Islamik.

JAWAPAN:

Jabatan Hal Ehwal Masjid mengambil maklum dan perhatian akan saranan yang ditimbulkan mengenai rekabentuk masjid di negara ini. Alhamdulillah, sukacita dimaklumkan bahawa KHEU mempunyai Garis Panduan Pembinaan Masjid Tahun 1991 yang telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan telah dibuat pindaan pada tahun 2014.

Garis panduan ini bertujuan supaya pembinaan masjid itu menepati seni bina Islam dan mempunyai unsur-unsur kebruneian. Selain daripada itu, garis panduan ini disediakan bertujuan supaya reka bentuk masjid itu dapat menambat hati umat Islam serta menjadi syiar dan mercu tanda utama negara.

Selain daripada itu juga, di dalam garis panduan ini menetapkan bahawa setiap pembinaan masjid baharu perlu dilengkapi dengan fasiliti yang diperlukan oleh semua golongan masyarakat termasuk golongan kurang upaya. Ditambah lagi, kemudahan-kemudahan tersebut bukan sahaja menumpukan kepada fasiliti untuk melaksanakan ibadah, akan tetapi turut menyediakan fasiliti yang menjurus kepada peningkatan ilmu pengetahuan dan aktiviti kemasyarakatan seperti bilik kuliah, perpustakaan, ruang yang boleh digunapakai bagi pembayaran Pencen Tua dan sebagainya.

No. Soalan: PT41

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF

SOALAN:

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan langkah-langkah strategik dalam menangani cabaran dalam era digital dan platform sosial media yang semakin berkembang maju dan canggih tanpa sempadan. Cara ini adalah yang lebih berkesan dalam bersama-sama menghindarkan terpengaruh atau merosakkan malahan juga dihasratkan memantapkan lagi pegangan aqidah Ahli-Sunnah Wal-Jamaah mengikut Mazhab Syafie' yang diamalkan di negara ini.

JAWAPAN:

Dalam menghadapi cabaran era digital yang semakin berkembang pesat, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Pusat Da'wah Islamiah telah mengambil pelbagai langkah strategik untuk memantapkan pegangan Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah mengikut Mazhab Syafi'e di Negara Brunei Darussalam. Peningkatan penggunaan media sosial dan platform digital yang semakin canggih telah memberi kesan besar terhadap penyebaran maklumat agama, baik yang sahih mahupun yang tidak tepat. Oleh itu, usaha memantau kandungan dakwah, meningkatkan kesedaran masyarakat melalui media sosial, serta penguatkuasaan undang-undang yang berkuatkuasa, adalah langkah penting untuk memastikan pengamalan agama yang betul.

Berkaitan perkara itu, antara langkah-langkah strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam menangani cabaran era digital dalam memantapkan pegangan Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah di Brunei Darussalam adalah seperti berikut:

1. Pemantauan dan Penguatkuasaan:

- a. Memantau kandungan dakwah di media sosial untuk memastikan keselarasan dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah.

- b. Menguatkuasakan undang-undang seperti Akta Kanun Hukuman Jenayah Syariah, Penggal 275 terhadap penyebaran ajaran yang tidak sah.

2. Pendidikan dan Kesedaran melalui Media Sosial:

- a. Menggunakan platform media sosial seperti *Facebook*, *Instagram*, *Tiktok* untuk menyebarkan ilmu agama yang sah dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai pengamalan agama yang betul.
- b. KUPU SB juga aktif mengadakan siaran langsung di Instagram dan Facebook untuk perkongsian ilmu kepada masyarakat.

3. Peningkatan Kualiti dan Penyebaran Maklumat Agama:

- a. Penerbitan e-poster dan infografik mengenai perkhidmatan agama dan khutbah untuk memudahkan pemahaman isu keagamaan.
- b. Pemantauan berkala media sosial untuk mengenal pasti dan menangani ajaran atau maklumat yang tidak selari dengan Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

4. Kerjasama dengan Radio dan Televisyen:

- a. KHEU memperkenalkan segmen "Perkhidmatan Agama" di Radio Televisyen Brunei untuk mendidik masyarakat tentang pengamalan agama yang betul.
- b. Menyediakan segmen khusus yang memberi penerangan tentang perkhidmatan agama dan menangani penyebaran maklumat salah.

5. Penggunaan Aplikasi dan Platform Digital:

- a. Penggunaan aplikasi seperti Mushaf Brunei dan platform media sosial lain untuk menyebarkan maklumat agama yang tepat dan diiktiraf.

Sebagai kesimpulan, langkah-langkah strategik yang diambil oleh Kementerian Hal Ehwal Agama dalam menghadapi cabaran era digital dan platform sosial yang berkembang pesat, adalah amat penting dalam memastikan masyarakat di Negara Brunei Darussalam terus kukuh pegangan Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah mengikut Mazhab Syafi'e. Dengan memanfaatkan media sosial dan platform digital secara bijak, serta melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan yang berkesan, ia diharapkan dapat mencegah penyebaran maklumat yang merosakkan dan

memastikan masyarakat sentiasa terpelihara dari pengaruh yang menyimpang. Pendekatan ini bukan sahaja memberi manfaat dalam pendidikan dan kesedaran beragama, tetapi juga memperkukuhkan kefahaman agama yang sahih dalam kalangan umat Islam di negara ini, seterusnya membina masyarakat yang berpengetahuan, berilmu, dan berpegang teguh kepada prinsip-prinsip ajaran Islam yang sebenar.

No. Soalan: PT9

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD SALAM

SOALAN:

YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD SALAM meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan strategi bagi meningkatkan kesedaran awal bagi semua peringkat masyarakat berkenaan demensia sebagai penyebab kematian ketujuh dunia, dengan 1,574 kes di Brunei pada 2019 dijangka meningkat 365% menjelang 2050. Adakah Kementerian merancang untuk saringan pengesanan awal demensia dan sistem sokongan jangka panjang yang berdaya tahan.

JAWAPAN:

Demensia adalah gangguan yang menjejaskan fungsi otak, termasuk ingatan, pemikiran, komunikasi, dan keupayaan menjalani kehidupan seharian. Ia bukan sebahagian daripada proses penuaan yang normal, walaupun risikonya meningkat dengan usia.

Tanda-tanda utama demensia termasuk:

- Kesukaran mengingat maklumat, terutamanya ingatan jangka pendek
- Kekeliruan mengenai masa, tempat, atau identiti orang lain
- Kesukaran berkomunikasi dan mencari perkataan yang sesuai
- Masalah dalam membuat keputusan dan menyelesaikan masalah
- Perubahan tingkah laku dan emosi

Demensia bukan sekadar cabaran kesihatan, tetapi juga isu sosial yang memberi kesan kepada individu, keluarga, dan masyarakat. Oleh itu, pendekatan *whole-of-nation* dan pelbagai agensi amat diperlukan bagi memastikan penjagaan holistik dan sokongan menyeluruh dapat diberikan kepada pesakit dan keluarga demensia.

Kementerian Kesihatan memainkan peranan utama dalam pencegahan, rawatan, dan sokongan kepada pesakit demensia melalui pelbagai inisiatif berikut:

1. Kempen Gaya Hidup Sihat - Menggalakkan langkah pencegahan dengan mengurangkan faktor risiko demensia, melalui program kesihatan seperti *Brunei on the Move* bagi mempromosikan aktiviti fizikal, program saringan kesihatan bagi mengesan faktor risiko yang sama seperti faktor risiko penyakit tidak berjangkit yang lain, seperti hipertensi dan diabetes dan juga

mengendalikan program kesihatan warga emas di beberapa buah Pusat Kegiatan Warga Emas dan Pertubuhan Wargamas di Negara ini dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan;

2. Perkhidmatan Klinik Memori - Penyediaan klinik khusus yang dikendalikan oleh pakar geriatrik, neurologi, dan psikiatri untuk diagnosis dan pengurusan pesakit demensia;
3. Sokongan pelbagai disiplin - Rawatan dan rehabilitasi pesakit turut disokong oleh pasukan pelbagai disiplin termasuk Fisioterapi, Terapi pekerjaan (*occupational therapy*), Psikologi, Pekerja sosial (*Social worker*) bagi membantu pesakit dan keluarga mendapatkan bantuan yang diperlukan;
4. *Dementia Support Group Activities* - Program rintis berskala kecil bagi pesakit terpilih. Kementerian Kesihatan juga bekerjasama dengan Universiti Brunei Darussalam dalam menyesuaikan pendekatan WHO iSupport. Ianya adalah program kemahiran dan latihan, serta alat bantu diri untuk penjaga pesakit demensia;
5. Latihan ICOPE: Penjagaan Holistik untuk Warga Emas - Latihan ICOPE (*Integrated Care for Older People*) adalah inisiatif WHO yang bertujuan memperkukuh penjagaan warga emas secara menyeluruh. Program ini masih dalam fasa Latihan (training) dan akan diperluaskan ke peringkat komuniti. Fokus Utama:
 - Saringan awal dan pengurusan kemerosotan kesihatan seperti fungsi kognitif, mobiliti, pendengaran, penglihatan, serta kesihatan mental.
 - Mencegah kemerosotan fungsi tubuh dan mengekalkan keupayaan hidup berdikari.
 - Menyokong penuaan sihat dan meningkatkan kesejahteraan warga emas agar mereka dapat terus menikmati kualiti kehidupan yang lebih baik.
6. Kerjasama dengan Persatuan Demensia Brunei – antara lain mengadakan kempen kesedaran awam bagi meningkatkan pemahaman tentang demensia, Latihan penjaga (*carer's training*) bagi membantu ahli keluarga dan sukarelawan memahami cara terbaik menjaga pesakit demensia. Selain itu, pelbagai aktiviti dan jerayawara telah diadakan bersama Persatuan Demensia Brunei, di antaranya seperti berikut:

- Sesi ceramah kesihatan bagi warga emas di semua cawangan PKWE dan Pertubuhan WARGAMAS secara berjadual; Alhamdulillah Program Kesihatan tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada warga emas di seluruh Negara;
- Kempen media massa melalui radio dan media sosial berkaitan demensia;
- Pada tahun 2023 yang lalu, satu persidangan antarabangsa demensia dengan kerjasama Alzheimer's Disease International telah diadakan, dimana peserta daripada dalam dan luar negara telah berkongsi ilmu mengenai isu; dan
- Sesi taklimat media dan pengagihan poster dan banner sempena Sambutan Hari Demensia 2023 di jabatan-jabatan Kerajaan, pasaraya-pasaraya, Syarikat-syarikat swasta yang terpilih dan tempat awam lain.

7. Perancangan Masa Depan:

- Meningkatkan latihan penjagaan (*carer's training*) bagi memastikan penjagaan yang berkualiti;
- Meningkatkan sokongan di peringkat komuniti dengan menerapkan pendekatan *social prescribing* dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. *Social prescribing* merupakan mekanisme di mana pesakit akan dihubungkan dengan pelbagai perkhidmatan sosial dan komuniti dalam meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan mengikut keperluan individu tersebut;
- Menambahbaik persekitaran dan infrastruktur di tempat awam agar ianya kondusif bagi pesakit dan penjaga demensia melalui *Program Age-Friendly Communities and Environment* dengan kerjasama WHO;
- Menyediakan prasarana yang sesuai bagi Pusat Penjagaan Harian Dewasa (*Adult Day Care centre*) yang menfokuskan kepada warga emas yang lemah (*frail*), termasuk mereka yang menghidap penyakit demensia, dengan memberikan pendekatan holistik termasuk rawatan perubatan, terapi fizikal, dan aktiviti sosial; dan
- Meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai demensia melalui platform yang bersesuaian serta bersempena dengan sambutan Hari Demensia setiap tahun.

-
8. Pendekatan *Whole-of-Nation*: Ke Arah Sokongan Lebih Holistik - Demensia bukan hanya tanggungjawab sektor kesihatan, tetapi memerlukan sokongan bersepadu daripada seluruh masyarakat. Dengan pendekatan ini, kita dapat memastikan pesakit demensia dan keluarga mereka mendapat sokongan yang komprehensif, meningkatkan kesedaran masyarakat, serta memperkuat sistem penjagaan warga emas di negara ini. Kesedaran awal dan tindakan bersepadu adalah kunci utama dalam memastikan pesakit demensia dapat terus menjalani kehidupan dengan kasih sayang, dan kualiti hidup yang lebih baik.

No. Soalan: PT16

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH
BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN**

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berkenaan kes-kes penyakit kritikal yang sering melawat di hospital tetapi lambat mengesan, terlepas pandang atau ada salah diagnosis. Dalam kes terminal, diagnosis lewat membawa cabaran dalam rawatan pemulihan. Berapakah kes-kes seumpama and apakah mekanisme yang digunakan untuk menilai kelemahan dalam proses diagnosis awal bagi mengelakkan kes yang boleh dirawat menjadi lebih serius.

JAWAPAN:

Sebahagian besar daripada kes-kes yang lambat dikesan, terlepas pandang atau tersalah diagnos, berkemungkinan akan diadukan atau dilaporkan melalui saluran-saluran tertentu di Kementerian Kesihatan, seperti aduan kepada Jabatan yang berkaitan, aplikasi MOH Care, Bahagian Perhubungan Korporat, atau melalui laporan insiden (*incident reporting*).

Bagi sebahagian penyakit-penyakit kronik, salah satu cara untuk mengelakkan kelambatan dalam pengesanan, adalah melalui Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan ataupun *National Health Screening Programme* (NHSP) yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Kesihatan sejak tahun 2019.

Penyaringan kesihatan ataupun "*screening*" membolehkan kita untuk mengesan penyakit atau faktor risiko pada peringkat awal iaitu sebelum terdapat sebarang tanda-tanda atau simptom penyakit. Penyakit yang dikesan pada peringkat awal adalah lebih mudah untuk dirawat dan dikawal serta boleh mengelakkan atau mengurangkan komplikasi penyakit yang memudaratkan.

Di bawah Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan ini ada terdapat empat (4) program saringan iaitu saringan bagi faktor risiko penyakit kardiovaskular termasuk obesiti, tekanan darah tinggi, kencing manis dan kolesterol tinggi; dan 3 jenis kanser iaitu kanser kolorektal, payudara dan serviks.

- Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan ini dikendalikan oleh jururawat-jururawat terlatih di Pusat-Pusat Kesihatan termasuk di Klinik-Klinik Kesihatan Ibu dan Anak. Bagi program pemeriksaan kanser payudara, pemeriksaan mamogram dijalankan di Pusat Pengimejan Payudara yang

terletak di hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. Kementerian Kesihatan juga telah bekerjasama dengan *Early Detection and Prevention Services* (EDCPS), Jerudong Park Medical Centre yang turut merekrut peserta bagi program pemeriksaan kanser payudara terutamanya mereka yang mempunyai sejarah keluarga dan mereka yang telah dirujuk daripada Pusat Kanser Brunei (*The Brunei Cancer Centre*);

- Hasil dapatan daripada Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan sejak ianya dilancarkan sehingga penghujung tahun lepas (November 2024) adalah seperti berikut:

- Pemeriksaan faktor risiko penyakit kardiovaskular:

Dari jumlah peserta yang telah menjalani pemeriksaan tersebut, kira-kira hampir 1 dalam 3 orang (30%) didapati mempunyai indeks jisim badan (BMI) melebihi 30 iaitu di dalam kategori obes; kira-kira 1 dalam 2 orang (54%) telah dikesan menghadapi kadar kolesterol yang tinggi; 18% telah dikesan menghadapi tekanan darah tinggi dan hampir 1 dalam 12 orang (7%) telah dikesan menghadapi paras gula dalam darah yang tinggi.

- Pemeriksaan kanser kolorektal:

Dari jumlah peserta yang telah menjalani pemeriksaan tersebut, sebanyak 7.5% (1075) dari mereka yang telah menjalani pemeriksaan saringan telah didapati positif bagi sampel darah dalam najis, dan telah dirujuk bagi pemeriksaan lebih lanjut (kolonoskopi).

- Pemeriksaan kanser payudara:

Dari jumlah peserta yang telah menjalani pemeriksaan tersebut, sekurang-kurangnya 1% wanita mendapat keputusan mammogram yang tidak normal dan telah dirujuk.

- Pemeriksaan kanser serviks:

Sejak pemeriksaan saringan bagi kanser serviks diperkenalkan pada tahun 2011, kira-kira 3% wanita didapati mempunyai keputusan pap smear yang tidak normal. Manakala, bagi ujian HPV yang baru diperkenalkan pada bulan Ogos 2024 sehingga November 2024, kira-kira 6.5% wanita telah didapati mempunyai keputusan tidak normal.

-
- Mengenai penyakit kanser, tidak dinafikan terdapat sebahagian daripada pesakit-pesakit kanser hanya dikesan pada peringkat akhir (*late stage*). Mengikut data yang diperolehi daripada *Brunei Darussalam Cancer Registry Report 2002-2021*, kira-kira 54% pesakit kanser didiagnos pada tahap '*regional*' dan '*distant*', yang menunjukkan bahawa kanser telah menular daripada tempat asalnya (*primary site*).
 - Keadaan ini mungkin disebabkan oleh pesakit yang kurang peka atau tidak tahu mengenai simptom kanser (*low health literacy*), takut untuk berjumpa dengan pihak kesihatan, atau berada dalam keadaan penafian '*in denial*' (tidak mahu/takut menerima kenyataan) mengenai keadaan diri mereka.
 - Dalam menangani isu-isu tersebut dan sebagai langkah pembaikan bagi Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan (NHSP), Kementerian Kesihatan sedang merancang beberapa aktiviti pemasaran dan pemberitaan, termasuk mengadakan jerayawara dan kempen media bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai program ini. Satu lagi langkah pembaikan adalah untuk melaratkan pendaftaran NHSP melalui aplikasi BruHealth, yang dikenali sebagai ciri Penilaian Risiko. Antara manfaat pendaftaran melalui aplikasi BruHealth ini ialah:
 - Slot perjanjian boleh ditempah secara langsung
 - Keputusan ujian saringan boleh didapati melalui aplikasi ini
 - Jika ingin mendapatkan pandangan tambahan, Kementerian Kesihatan tidak ada halangan jika individu ingin merujuk kepada doktor lain, sama ada di sektor kerajaan atau swasta.

No. Soalan: PT19

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN

SOALAN:

YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah yang perlu diambil untuk meningkatkan kesiapsiagaan kesihatan termasuk mengenalpasti infrastruktur yang boleh diubah suai (adaptive), peruntukan, dan kepakaran untuk pandemik. Kesiapsiagaan hendaklah dimasukkan ke dalam National Crisis Management Plan dan mengambilkira pengajaran yang boleh diambil dari COVID-19, yang menunjukkan pentingnya persediaan awal dan sistem kesihatan kukuh, walaupun Brunei menangannya dengan baik.

JAWAPAN:

Kementerian Kesihatan telah dan sedang mengambil langkah-langkah bagi memperkukuhkan kesiapsiagaan dan respons terhadap pandemik di Brunei Darussalam. Pandemik COVID-19 telah memberikan kita banyak pengajaran yang berharga. Dari sudut kesihatan awam, ia menuntut keupayaan kita untuk bertindak pantas, berasaskan sains, serta berdaya tahan dalam menghadapi ketidakpastian dan cabaran baharu. Oleh itu, Kementerian Kesihatan telah mengambil beberapa langkah proaktif untuk memastikan kita bukan sahaja lebih bersedia, tetapi juga dapat menyumbang secara aktif kepada keselamatan kesihatan serantau dan global.

Semasa persidangan Kesihatan sedunia pada May 2024, Kementerian Kesihatan telah dilantik menjadi Ahli Lembaga Eksekutif WHO atau 'WHO Executive Board' dan seterusnya menjadi ahli bagi 'WHO Strategic and Technical Advisory Group for Health Emergency Preparedness and Response (SCHEPPR)'. Dengan lantikan ini, Negara Brunei Darussalam sedang memainkan peranan yang lebih besar dalam landskap kesihatan global. Kita bukan sahaja memperkukuhkan suara dan sumbangan negara dalam perbincangan strategik, tetapi juga berpeluang membantu membentuk polisi global berkaitan kesiapsiagaan pandemik dan kecemasan kesihatan awam. Kementerian Kesihatan juga sedang bergiat aktif dalam proses perangkaan '*Pandemic Treaty*' yang bertujuan untuk mengukuhkan kesiapsiagaan, pencegahan dan respons global terhadap ancaman pandemik. Manakala diperingkat serantau termasuk ASEAN dan Western Pacific, Kementerian Kesihatan juga bekerjasama rapat bersama agensi-agensi kesihatan lain bagi meningkatkan kesiapsiagaan dan tindak balas kecemasan kesihatan melalui pertukaran maklumat dan pembangunan kapasiti seperti latihan, bengkel dan sebagainya.

Di peringkat negara pula, salah satu inisiatif utama Kementerian Kesihatan dalam meningkatkan kesiapsiagaan pandemik adalah penubuhan '*MOH Epidemic Intelligence Hub*' pada tahun 2022, sebuah pusat yang berfungsi sebagai sumber maklumat strategik dalam pengawasan penyakit dan tindak balas kecemasan kesihatan awam. Ianya mampu menyediakan maklumat yang lebih cepat dan tepat dengan menggabungkan data epidemiologi, memantau tren penyakit berjangkit secara real-time, membolehkan pengesanan awal peningkatan kes dan perancangan tindak balas yang lebih pantas. Disamping itu, sebagai sebahagian daripada usaha memperkuat kesiapsiagaan pandemik, Kementerian Kesihatan telah mempertingkatkan '*Influenza Surveillance*', yang bertujuan untuk memantau tren influenza di Negara ini bagi mengenal pasti sebarang peningkatan kes atau kemunculan varian baru, di samping menyumbang kepada sistem pemantauan influenza diperingkat global. Selain itu juga, Kementerian Kesihatan menjalankan penilaian secara berkala beberapa kapasiti teras (*Core Capacities*) bagi memenuhi keperluan *International Health Regulation* (2005), iaitu satu peraturan antarabangsa bagi memastikan kesediaan dan respons terhadap ancaman Kesihatan yang boleh merentas sempadan termasuk pandemik.

Pada tahun 2024 juga, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan *After Action Review* bagi COVID-19 dan telah menjemput semua pihak berkepentingan di Negara Brunei Darussalam untuk menilai keberkesanan tindak balas negara terhadap COVID-19 dan mengenalpasti kejayaan, cabaran dan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan. Perlu juga ditekankan, kesiapsiagaan pandemik tidak boleh hanya tertumpu kepada sektor kesihatan semata-mata, tetapi memerlukan kerjasama erat antara pelbagai sektor termasuk kesihatan manusia, haiwan, dan persekitaran melalui pendekatan *One Health (One Health Approach)*.

Pihak Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kesiapsiagaan dalam menangani apa jua bencana dan kecemasan kesihatan dengan mengadakan serta mengikuti latihan-latihan kemahiran dan bengkel-bengkel yang berkaitan bagi semua peringkat pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan terutamanya *emergency responders* dan *frontliners* di dalam dan juga luar negara yang dianjurkan oleh negara-negara yang berpengalaman dalam menangani bencana dan kecemasan kesihatan dalam skala yang besar.

Pihak Kementerian Kesihatan juga sentiasa bekerja rapat dengan agensi-agensi Kerajaan yang berkepentingan dalam pengurusan kecemasan dan bencana untuk menyediakan dan mengemaskinikan SOP dan garis panduan yang berkaitan mengikut peranan serta tugas dan tanggungjawab setiap agensi bagi memastikan pengurusan adalah lebih bersepadu dan teratur. Di samping itu, pihak Kementerian Kesihatan juga secara berterusan ikut serta dalam latihan-latihan bersepadu yang diadakan melalui kaedah *table-top* dan latihan simulasi agar setiap agensi memahami akan peranan masing-masing dan memperkuat lagi tindakan-tindakan yang

perlu diambil dalam menangani apa jua kecemasan dan bencana. Ianya juga akan memberi peluang bagi pihak Kementerian Kesihatan untuk menguji cuba dan memperbaiki lagi SOP yang sedia ada.

No. Soalan: PT20

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN

SOALAN:

YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil MOH untuk memastikan perkhidmatan klinik swasta berkembang sambil mengekalkan standard perkhidmatan yang tinggi dan seimbang. Ini adalah sejajar dengan pengenalan insurans kesihatan bagi warga asing dan pertumbuhan pesat klinik-klinik swasta di negara ini. Kementerian juga perlu memantau standard perkhidmatan dan memastikan ia menyumbang kepada ekonomi negara serta memberi peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

JAWAPAN:

Klinik perubatan swasta yang pertama di Negara Brunei Darussalam mula beroperasi pada tahun 1976 dan diikuti dengan klinik kedua yang beroperasi pada tahun 1978. Sehingga awal tahun 2025, sejumlah 54 buah klinik perubatan swasta di tiga buah daerah di Negara Brunei Darussalam telah didaftarkan. Peningkatan dalam jumlah klinik perubatan swasta di negara ini telah menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan pada tahun 2024 di mana terdapat peningkatan sebanyak 15% iaitu daripada 47 buah kepada 54 buah klinik perubatan swasta.

Melalui akta dan peraturan yang berkuatkuasa serta dasar yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan, klinik-klinik perubatan swasta dapat dipantau penubuhannya. Sejalan dengan perkembangan pesat penubuhan dan kepelbagaian perkhidmatan yang diberikan, Kementerian Kesihatan telah menghasilkan satu draf undang-undang iaitu *Private Healthcare Institutions Order* (PHIO). Perintah ini bertujuan untuk mengawal penubuhan, perlesenan dan kualiti perkhidmatan yang diberikan di semua institusi-institusi kesihatan swasta di Negara Brunei Darussalam. Bagi melaksanakan perintah ini, sebuah unit telah ditubuhkan pada Jun 2020, iaitu Unit Institusi-Institusi Kesihatan Swasta di bawah Pejabat Pengurusan Lembaga-Lembaga, Kementerian Kesihatan. Sementara menunggu perintah ini diwartakan, pendaftaran secara pentadbiran telah dilaksanakan oleh unit ini bagi setiap institusi kesihatan swasta yang baru ditubuhkan.

Pengamal-pengamal perubatan yang bertugas di klinik swasta mestilah berdaftar dengan badan-badan regulatori profesional di bawah Kementerian Kesihatan. Setiap badan regulatori profesional mempunyai syarat-syarat, standard dan kriteria yang

tertentu bagi memastikan setiap pengamal layak didaftarkan dan dibenarkan untuk memberikan perkhidmatan kesihatan di negara ini.

Pengambilan pekerja tempatan di sektor swasta hendaklah melalui proses yang ditetapkan oleh Pusat Pekerjaan Brunei. Mana-mana pekerjaan yang didaftarkan dan diiklankan melalui Pusat Pekerjaan Brunei adalah berpandukan kepada penyesuaian pekerjaan yang diperlukan oleh majikan. Pekerja warga asing hanya akan dipertimbangkan jika tidak ada warga tempatan yang berkecukupan untuk mengisi kekosongan jawatan tersebut. Kepentingan sektor swasta dan sumbangannya menunjukkan KDNK Brunei bagi perkhidmatan Kesihatan dilaporkan sebanyak BND\$105,464,000 juta pada September 2024. Ini mencatatkan peningkatan daripada jumlah sebelumnya iaitu BND\$64,686,000 juta bagi Jun 2024.

No. Soalan: PT24

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN

SOALAN:

YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan keberkesanan rancangan Kementerian untuk penambahbaikan program kesejahteraan mental yang bertujuan untuk mengurangkan bilangan orang yang menghadapi isu ini. Terdapat beberapa program yang telah dilaksanakan oleh Kementerian dalam menangani isu kesihatan mental and program ini merupakan aspek penting dalam kualiti hidup masyarakat.

JAWAPAN:

Secara kesimpulannya, melihat bilangan orang yang mempunyai isu kesihatan mental mungkin bukan parameter yang terbaik untuk mengukur kemajuan atau keberkesanan program kesihatan mental. Angka-angka ini berkemungkinan akan terus meningkat dalam jangka masa pendek hingga sederhana, disebabkan oleh beberapa faktor sosial termasuk tekanan ekonomi global, kos sara hidup yang meningkat, tahap pengangguran, penyalahgunaan dadah serta sifat media sosial yang berleluasa dan ketagihan. Peningkatan dalam bilangan orang yang mempunyai isu kesihatan mental juga disebabkan meningkatnya kesedaran dan kurangnya stigma mengenai dengan isu mental tersebut dan ini telah mendorong dan menggalakkan lebih ramai mendapatkan bantuan.

Yang lebih penting untuk dipantau adalah peningkatan tahap literasi kesihatan mental dan pengurangan stigma dan diskriminasi. Walaupun ini akan meningkatkan sikap mencari bantuan (*help seeking behaviour*), dan dengan itu bilangan orang yang akan mengakses perkhidmatan kesihatan mental juga akan meningkat, tetapi dalam jangka masa panjang dengan sokongan dan rawatan bersepadu secara biologiikal, psikologiikal, sosial dan kerohanian pihak Kementerian berharap ianya akan membuatkan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang lebih berdaya tahan dengan kesihatan mental secara keseluruhan yang lebih baik tanpa mengira bilangan individu yang didiagnosis dengan keadaan kesihatan mental.

Sebagai sebahagian daripada usaha Kementerian Kesihatan untuk menyebarkan kesedaran tentang kesihatan mental dan isu-isu berkaitan dengannya, Jabatan Perkhidmatan Psikiatri, Jabatan Perkhidmatan Psikologi Klinikal dan Masyarakat serta Unit Strategi Kesihatan Mental di Pusat Promosi Kesihatan sentiasa giat menjalankan beberapa program-program kesihatan mental. Sasaran program ini terdiri dari pelbagai kumpulan masyarakat, terutamanya penuntut dan tenaga kerja

sekolah serta institusi pengajian tinggi, tempat-tempat kerja dan masyarakat umum. Program-program ini dijalankan disepanjang tahun setiap tahun bagi meningkatkan lagi tahap literasi dan kesedaran kesihatan mental di kalangan orang ramai, agar mereka lebih peka terhadap masalah kesihatan mental dan kesejahteraan diri, lebih yakin dalam mengenalpasti tanda-tanda awal masalah kesihatan mental pada diri mereka, mengambil tahu akan perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan mental yang tersedia ada di Negara Brunei Darussalam dan dan seterusnya diharapkan akan sedikit sebanyak dapat menghapuskan stigma mengenai kesihatan mental dan kecelaruan mental di kalangan masyarakat.

Setakat ini, di bawah Unit Strategi Kesihatan Mental, Pusat Promosi Kesihatan terdapat 3 program utama yang dipertanggungjawabkan untuk mempromosikan kepentingan kesihatan mental dan kesejahteraan di kalangan masyarakat. Program – program ini adalah:

1. Program Brunei Bebas Buli yang disasarkan untuk semua pelajar-pelajar, dan warga sekolah-sekolah rendah dan menengah, serta institusi-institusi pengajian tinggi termasuklah guru-guru, pekerja-pekerja am dan para ibu bapa. (Pada saat ini, program yang sebelumnya dijalankan bersama pihak Kementerian Pendidikan ini sedang disemak dan diolah untuk penambahbaikan).
2. Program i-Mind pula yang bermatlamat untuk meningkatkan kefahaman orang ramai khususnya pekerja-pekerja di tempat kerja, sama ada di kalangan tempat-tempat kerja kerajaan mahupun swasta, akan kepentingan kesihatan serta kesejahteraan mental, dan jua platform perkongsian cara-cara mengamalkan penjagaan kesihatan mental dan menamai persekitaran tempat kerja yang beraura ceria, positif dan berdaya tahan. Beberapa tempat kerja kerajaan dan swasta telahpun bekerjasama dengan pihak Unit Strategi Kesihatan Mental di bawah Program i-Mind dan berjaya melaksanakan inisiatif memfokuskan penjagaan kesihatan mental dan kesejahteraan secara berterusan di tempat kerja masing-masing, seperti Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), Baiduri Bank Sdn Bhd., Brunei Gas Carriers dan AITI. Antara pencapaian yang positif dan amat membanggakan bagi tempat-tempat kerja ini ialah adanya inisiatif-inisiatif penggalakkan dan sokongan kewangan untuk mendapatkan bantuan kesihatan mental (di klinik-klinik swasta) yang diberikan untuk semua tenaga kerja (bila-bila diperlukan) di bawah organisasi-organisasi tersebut.
3. Program Mind Your Mind, yang juga bermatlamat sama seperti program-program yang lain untuk meningkatkan literasi kesihatan mental di kalangan masyarakat dan penduduk negara ini. Program yang mana dimulakan sebagai satu kempen kesedaran kesihatan mental pada tahun 2014

ini, sekarang telah menjalani beberapa transformasi, termasuklah dalam megembang-luaskan “*community engagement*” melalui platform media-sosial, khususnya capaian Instagram “@mindyourmind_brunei”.

Selain daripada program-program yang ditawarkan di atas, Jabatan Perkhidmatan Psikiatri, Jabatan Perkhidmatan Psikologi Klinikal dan Masyarakat serta Unit Strategi Kesihatan Mental di Pusat Promosi Kesihatan juga sering kali dijemput dan dipelawa untuk bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan bagi menganjurkan sesi taklimat, forum dan jerayawara yang bertemakan penjagaan kesihatan mental. Bilangan jemputan dari pihak-pihak berkepentingan lain ini telahpun meningkat secara berterusan, iaitu sebanyak 182% dalam tempoh 4 tahun kebelakangan ini – sejajar dengan peningkatan perhatian dan minat orang ramai terhadap topik kesihatan mental. Pada tahun 2023, sejumlah 152 aktiviti kesihatan mental telah diungkayahkan oleh ketiga-tiga jabatan dan unit ini. Pada tahun 2024 pula, jumlah aktiviti yang sama meningkat kepada 203.

Antara aktiviti-aktiviti khusus yang telah dijalankan pada tahun 2023 dan 2024 adalah termasuk:

1. Kerjasama Kementerian Kesihatan dengan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) dalam menjalankan sesi taklimat, forum, pameran dan jerayawara kesihatan mental ke Pusat-Pusat Tingkatan Enam dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi di ke-empat daerah.
2. Mengadakan Jerayawara Kesihatan Mental di tempat kerja “Kesihatan Mental Satu Hak Asasi” secara bergilir-gilir di setiap kementerian di Negara Brunei Darussalam, di mana setiap kementerian telah berpeluang menjadi ‘tuan rumah’ untuk program tersebut pada setiap bulan, merentas tempoh satu tahun bermula Oktober 2023 sehingga Oktober 2024.
3. Penglibatan Kementerian Kesihatan sebagai penganjur bersama Majlis Ilmu 2024 yang membawa tema “Menangani Gejala Mental”. Kementerian Kesihatan juga diberikan kepercayaan dan dipertanggungjawabkan sebagai kurator utama pameran dan mengelolakan acara Forum Majlis Ilmu 2024.
4. Kerjasama Kementerian Kesihatan dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam menjalankan “Kursus Latihan Asas Kesihatan Mental bagi Pemimpin Masyarakat” selama 12 minggu untuk 20 orang Imam, Ustaz dan Daie yang terpilih.

Maklum balas yang telah diterima dari peserta-peserta program dan para hadirin acara-acara kesihatan mental yang diungkayahkan, telahpun menunjukkan trend yang memuaskan, dimana lebih dari 80% para hadirin dan peserta program

merasakan objektif-objektif program tersebut telah tercapai. Maklum balas yang diterima dari pameran kesihatan mental yang dianjurkan pada acara Majlis Ilmu bulan September 2024 yang lalu juga menunjukkan bahawa lebih dari 86% para hadirin memperoleh pemahaman yang lebih baik, pandangan baharu dan pengetahuan lanjut tentang kesihatan mental selepas menghadiri pameran tersebut.

Tambahan pula, maklum balas yang diterima daripada pemimpin masyarakat yang telah ikut serta dalam Kursus Latihan Asas Kesihatan Mental yang dijalankan dari bulan Julai sehingga Oktober 2024, telah menunjukkan 70-80% dari mereka merasa yakin dan mampu untuk mengenalpasti akan kecelaruan dan masalah kesihatan mental, faham mengenai dengan faktor-faktor yang menyumbang kepada kesihatan mental, boleh menggunakan strategi penjagaan diri dalam menguruskan cabaran kesihatan mental dan tahu tentang akses kepada perkhidmatan-perkhidmatan rawatan dan penjagaan kesihatan mental yang tersedia ada di Negara Brunei Darussalam.

Alhamdulillah, susulan daripada kursus latihan ini, ada dikalangan para pemimpin masyarakat tersebut telah mengadakan inisiatif sendiri dan menjalankan “kursus asas bimbingan dan kaunseling bagi guru-guru bimbingan dan kaunseling di sekolah Arab dan sekolah Ugama di Jabatan Pengajian Islam”. Selain daripada mengajar mengenai dengan isu-isu kesihatan mental di kalangan guru-guru, warga sekolah dan murid-murid, ia juga adalah satu peluang untuk seterusnya menyebarkan lagi kesedaran mengenai dengan kesihatan mental.

Selain daripada program kesihatan mental yang telah disebutkan tadi, pihak Kementerian Kesihatan bersama dengan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) telah menerbitkan sebuah buku bertajuk “Amalan Penjagaan Kesejahteraan Minda dan Emosi, Buku Panduan Doa dan Zikir”. Inisiatif ini telah dibuat sebagai kesinambungan usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam menjunjung Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai dengan kepentingan salah satu rawatan kesihatan mental hendaklah berpandukan dengan Al Quran. Buku ini telah dilancarkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa acara Majlis Ilmu 2024. Penerbitan buku ini telah disambut baik oleh orang ramai dan ianya telah mula diedarkan kepada para hadirin yang menyaksikan pameran Majlis Ilmu 2024. Insya Allah, buku ini akan diterjemahkan kepada Bahasa Inggeris untuk kegunaan orang ramai yang lebih luas.

Pada tahun 2025 ini, Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Psikiatri, Jabatan Perkhidmatan Psikologi Klinikal dan Masyarakat serta Unit Strategi Kesihatan Mental di Pusat Promosi Kesihatan seperti biasa, akan terus berusaha untuk menjalankan program kesihatan mental. Di antara program yang telah dijalankan adalah kursus refresher untuk kakitangan yang bertugas di dalam bidang Kesihatan Mental yang telah dijalankan selama 5 minggu dari bulan Januari 2025. Ini menunjukkan keprihatinan Kementerian Kesihatan kepada warga tenaga kerja kementerian sendiri mengenai dengan kepentingan penjagaan kesihatan mental dari segi emosi dan kerohanian diri sendiri. Langkah ini diharap boleh mengurangkan risiko stres dan burnout di kalangan kakitangan di tempat kerja.

Turut dijalankan sekarang adalah “Kursus Latihan Asas Kesihatan Mental untuk Perawat Islam (Perantis SkiPPA)” yang ditempatkan di hospital-hospital di bawah Kementerian Kesihatan. Kursus ini adalah merupakan kesinambungan kursus latihan yang dilaksanakan sebelum ini dan diadakan sebagai platform untuk menyebarkan kepentingan menangani isu-isu kesihatan mental dengan menggunakan cara rawatan bersepadu, iaitu menggunakan terapi perubatan dan terapi keagamaan (termasuk terapi Zikir, Al-Qur'an dan Sembahyang).

Pada tahun ini juga, insya Allah satu program kesihatan mental “S.T.A.R REACH” yang khususnya disasarkan untuk para anak – anak dan orang muda yang sedang atau/dan akan mengalami peralihan kehidupan (*life transition stage*), sebagai contoh untuk pelajar sekolah menengah yang akan ke memasuki Universiti, atau alam pekerjaan, dan seterusnya. Program ini diharapkan akan dapat membantu anak-anak muda menyiapkan diri mereka untuk menempuh apa pun cabaran kehidupan, menyesuaikan diri dan ekspektasi mereka, serta membina kepercayaan diri dan kedayatahan diri.

Pihak Kementerian Kesihatan akan sentiasa memantau maklum balas dari apa-apa program dan inisiatif yang dijalankan. Dengan ini, diharap ianya akan memberi pandangan dari segi tahap literasi kesihatan mental orang ramai, penilaian keberkesanan program-program dan inisiatif-inisiatif yang dijalankan in, serta tidak kurang pentingnya untuk mendapatkan cadangan-cadangan penambahbaikan dari orang ramai. Sepertimana yang ditegaskan sebelum ini, *Mental Health is Everyone's Business*, justeru itu pendekatan “*Whole of Nation*” dalam memastikan keberkesanan apa jua usaha dan inisiatif Kementerian Kesihatan untuk menjadikan masyarakat dan penduduk Negara Brunei Darussalam mempunyai kesihatan mental yang optima dan berdaya tahan adalah sangat penting dan diambil berat.

No. Soalan: PT34

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan Kementerian Kesihatan untuk mempertimbangkan peruntukan sumber-sumber untuk membangunkan dan mengekalkan platform maklumat farmaseutikal berpusat yang akan mengandungi peraturan semasa, senarai ubat-ubatan yang komprehensif, prosedur pelesenan, serta lokasi farmasi-farmasi. Ini adalah bagi memastikan para profesional kesihatan dan orang awam mempunyai akses kepada maklumat yang sahih mengenai pilihan farmaseutikal yang tersedia di dalam negara.

JAWAPAN:

Kementerian kesihatan mengendalikan perkhidmatan-perkhidmatan permohonan pengimportan, permohonan untuk pemasaran dan pemantauan semasa di pasaran bagi produk kesihatan seperti produk farmaseutikal, produk kosmetik, produk ubat tradisional dan produk suplemen kesihatan. Ini termasuk juga mengendalikan permohonan bagi kebenaran untuk membuka premis-premis perniagaan kesihatan seperti farmasi-farmasi swasta dan pemantauannya. Kementerian Kesihatan mengakui kepentingan pembangunan platform maklumat produk - produk kesihatan berpusat yang komprehensif untuk memastikan akses kepada maklumat yang sahih dan terkini mengenai perkhidmatan dan produk farmaseutikal di Negara Brunei Darussalam.

Antara inisiatif Kementerian Kesihatan dalam perkara ini termasuk memuat naik maklumat-maklumat berkenaan di Laman Web rasmi Kementerian Kesihatan. Walaubagaimanapun, Kementerian Kesihatan akan terus berusaha dan komited untuk memantapkan dan menaiktaraf lagi platform laman web berkenaan untuk lebih komprehensif, lebih mesra pelanggan dan boleh diakses dan dipercayai untuk memenuhi keperluan semua pihak berkepentingan. Dengan jadual pembangunan untuk menaiktaraf laman web secara berperingkat, peruntukan sumber yang mencukupi, dan penglibatan semua pihak berkepentingan, Kementerian yakin bahawa platform laman web ini akan menjadi platform penting dalam menyumbang kepada hasil kesihatan yang lebih baik untuk rakyat dan penduduk di negara ini.

No. Soalan: PT35

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan Kementerian dalam mempertimbangkan bagi penubuhan atau menyokong secara rasmi Persatuan Ahli Farmasi Kebangsaan. Perkara ini boleh membantu memperkukuhkan kerjasama antara sektor farmaseutikal awam dan swasta untuk memastikan penyelarasan peraturan, membuka peluang pembangunan profesional, serta penyatuan wakil bagi ahli farmasi di seluruh industri.

JAWAPAN:

Kementerian Kesihatan mengambil maklum tentang kepentingan bagi penubuhan Persatuan Ahli Farmasi Kebangsaan, dimana ianya sama pentingnya dengan penubuhan bidang profession kesihatan yang lain. Kementerian menghargai peranan penting yang boleh dikendalikan oleh persatuan profesional dalam memperkukuhkan profesion farmasi dan memajukan standard amalan, memupuk pembangunan profesional, dan menyediakan representasi bersatu bagi ahli-ahli farmasi di setiap sektor. Sehubungan dengan itu, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa perancangan untuk penubuhan Persatuan Ahli Farmasi Kebangsaan telah pun dimulakan dan kini berada pada peringkat penelitian ke atas draf perlembagaan untuk persatuan itu nanti.

Untuk memastikan persatuan NGO ini dapat direalisasikan dengan asas yang kukuh, Kementerian Kesihatan akan terus komited untuk menyokong bagi penubuhannya; dan seterusnya memberi sokongan dalam aktiviti persatuan itu nanti seperti aktiviti Pembangunan Profesional Berterusan (*Continue Professional Development*) bagi ahli farmasi di seluruh negara. Satu lagi bidang di mana persatuan yang dicadangkan ini nanti dapat memainkan peranan penting adalah dalam mempromosikan standard etika dan profesionalisme dalam amalan farmasi. Menurut statistik pada Tahun 2024, jumlah ahli farmasi yang bertugas di sektor awam adalah seramai 60 orang, manakala yang bertugas di sektor swasta adalah seramai 46 orang. Kementerian Kesihatan mengakui bahawa penubuhan persatuan profesional yang berdaya maju memerlukan sokongan berterusan dan penglibatan aktif ahli-ahli profesion tersebut. Oleh itu, Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Farmasi dan Lembaga Farmasi Brunei Darussalam akan terus bekerjasama rapat dengan komuniti farmasi baik di dalam dan di luar negeri untuk memastikan persatuan yang akan ditubuhkan ini nanti benar-benar mewakili kepentingan dan aspirasi ahli farmasi di Negara Brunei Darussalam, dan dapat menyumbang secara berkesan kepada peningkatan amalan farmasi dan penjagaan kesihatan secara umum. Dengan

kerjasama dan komitmen semua pihak berkepentingan, Kementerian yakin bahawa Persatuan Ahli Farmasi Kebangsaan akan menjadi realiti dalam masa yang terdekat.

No. Soalan: PT37

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN
PENGIRAN HAJI ALIUDDIN**

SOALAN:

YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perkembangan dan tindakan pada masa ini yang diambil oleh pihak Kementerian dalam menangani isu orang awam yang merokok atau menghisap rokok elektronik(vape) di tempat awam terutama di restoran, café dan gerai terbuka, walaupun papan tanda larangan jelas terpampang.

JAWAPAN:

Kementerian Kesihatan memandang dengan penuh keseriusan isu orang awam yang merokok atau menghisap vape di tempat awam walaupun papan tanda larangan jelas terpampang. Dalam menangani isu ini, Kementerian menggunakan pendekatan secara holistik dan sepadu selaras dengan peruntukan perundangan di bawah Perintah Tembakau 2005.

Perlu diketahui bahawa Bab 16 (1) Perintah Tembakau 2005 dengan jelas memperuntukkan tanggungjawab dan kuasa kepada pengurus mana-mana tempat, terutamanya pengurus restoran, untuk:

1. Mengarahkan sesiapa yang didapati merokok untuk berhenti dengan serta-merta;
2. Memberitahu pesalah mengenai hukuman-hukuman yang diperuntukkan di bawah Bab 14 Perintah Tembakau;
3. Jika pesalah enggan mematuhi arahan untuk berhenti merokok, mengarahkan orang tersebut untuk meninggalkan premis dengan serta-merta; dan
4. Jika pesalah masih ingkar dalam mematuhi arahan yang diberikan, pengurus premis hendaklah menghubungi pihak yang berkuasa iaitu Pegawai Polis atau Pegawai Unit Penguatkuasaan Kesihatan (UPK) melalui talian hotline UPK 7192005 untuk bantuan segera.

Penting untuk ditekankan bahawa undang-undang turut melindungi pengurus premis daripada sebarang ancaman atau gangguan. Di bawah Bab 16(6) Perintah Tembakau 2005, sesiapa yang menghalang pengurus daripada menjalankan tanggungjawabnya seperti yang dinyatakan di atas boleh dikenakan denda yang berat tidak melebihi

B\$1,000, atau hukuman penjara bagi tempoh tidak melebihi 6 bulan, atau kedua-duanya sekali.

Dari aspek perundangan, Perintah Tembakau 2005 telah mengalami beberapa pindaan yang diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Salah satu pindaan utama ialah Pemberitahuan Tembakau (Larangan di Tempat-Tempat Tertentu) (Pindaan) 2012, yang mula berkuatkuasa pada 1 Mac 2012. Pindaan ini bertujuan memperkukuhkan penguatkuasaan bagi mengurangkan faktor risiko yang boleh memudaratkan kesihatan awam serta alam sekitar.

Sebagai langkah tambahan dalam mengawal tabiat merokok di tempat awam, pindaan ini telah memperluaskan kawasan larangan merokok dengan memasukkan kawasan kaki lima serta lingkungan 6 meter dari mana-mana bangunan ke dalam senarai tempat yang dilarang.

Di samping itu, Unit Penguatkuasaan Kesihatan (HEU) telah mengemaskini tatacara prosedur kerja, dimana orang ramai boleh menghantar gambar mereka yang membuat kesalahan rokok atau vape kepada Unit Penguatkuasaan Kesihatan (UPK) melalui talian hotline 7192005 sebagai bukti untuk tujuan pendakwaan, sepertimana yang telah dilaksanakan bagi kesalahan membuang sampah secara haram.

Sejak pindaan ini dikuatkuasakan, Kementerian Kesihatan melalui Unit Penguatkuasaan Kesihatan telah mengeluarkan sebanyak \$965,250.00 denda kompaun terhadap individu yang didapati merokok di kawasan larangan, dengan jumlah 3,490 kes direkodkan.

Sebagai sebahagian daripada strategi penguatkuasaan yang lebih komprehensif, Kementerian Kesihatan telah dan akan terus menjalankan beberapa siri operasi sepadu bersama dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain seperti Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan Jabatan Bandaran.

Kementerian Kesihatan akan terus memantau dan memperkukuhkan usaha-usaha penguatkuasaan ini demi memastikan persekitaran yang bebas daripada asap rokok untuk kesejahteraan semua rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

No. Soalan: PT1

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan jumlah FDI sebenar yang berjaya direalisasikan berbanding jumlah pelaburan yang dirancang dalam tempoh lima tahun kebelakangan. Adakah kementerian berpuas hati dengan kadar kejayaan ini atau bercadang untuk menambah baik strategi pengekalan pelabur bagi memastikan pelaburan mampan boleh memberi impak jangka panjang kepada ekonomi negara.

JAWAPAN:

Yang Berhormat Yang Di-Pertua,

Terlebih dahulu, adalah penting untuk memahami bahawa keputusan pelaburan langsung asing (FDI) bergantung kepada beberapa faktor utama, termasuk kestabilan politik, persekitaran dan skala ekonomi, dasar pelaburan, akses kepada tenaga kerja berkualiti, infrastruktur, serta perlindungan perundangan terhadap kepentingan pelabur, perbekalan bahan mentah dan sebagainya.

Alhamdulillah, untuk makluman Yang Berhormat Ahli, setakat ini, terdapat 26 syarikat pelaburan langsung asing (FDI) yang telah mula beroperasi di Negara Brunei Darussalam sejak tahun 2010. Aktiviti-aktiviti pelaburan tersebut merangkumi kelima-lima sektor utama (*priority sector*) yang telah dikenal pasti di dalam *Economic Blueprint* iaitu sektor hiliran minyak dan gas, pemakanan, pelancongan, teknologi dan info-komunikasi dan perkhidmatan.

Sebagai tambahan, sehingga Januari 2025, sebanyak 15 projek FDI sedang dalam fasa pelaksanaan. Projek-projek tersebut merangkumi sektor hiliran minyak dan gas, pemakanan, pelancongan dan perkhidmatan.

Berdasarkan makluman ini, pihak Kementerian ini melihat bahawa jumlah FDI melabur di Negara Brunei Darussalam masih ada peluang untuk ditingkatkan lagi.

Antara langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh kerajaan untuk mengekalkan dan menarik lebih banyak FDI berkualiti termasuk:

1. Peningkatan Kemudahan Pelaburan

Kerajaan, melalui *Strategic Development Capital* (SDC) dan *Brunei Economic Development Board* (BEDB), akan terus bekerjasama dengan pelabur asing secara co-investment dan meneroka peluang pasaran, memudahcara proses berkaitan import bahan mentah serta eksport produk, serta memastikan operasi pelaburan berjalan dengan lancar.

2. Memperkukuhkan Mekanisme Pengekalan Pelabur

- Mekanisme pemantauan FDI dipertingkatkan bagi memastikan projek pelaburan berjalan mengikut jadual yang ditetapkan.
- Kerajaan juga mengadakan sesi dialog berkala dengan pihak pelabur bagi menangani cabaran dan memastikan kelangsungan pelaburan.

3. Pelantikan Referral Agents dan Misi Pelaburan

- Untuk menarik lebih banyak pelaburan berkualiti, kerajaan telah melantik referral agents serta meningkatkan promosi pelaburan secara langsung melalui misi pelaburan ke luar negara dan *Investor Forums*.
- Proses susulan pelabur turut diperkukuhkan bagi memastikan setiap pelaburan mendapat sokongan yang diperlukan.

4. Pembangunan Tenaga Kerja Tempatan

Usaha sedang dijalankan untuk meningkatkan kadar pengisian pekerjaan dalam sektor FDI oleh rakyat tempatan melalui program latihan dan peningkatan kemahiran.

Dengan strategi-strategi ini, kerajaan yakin bahawa kadar kejayaan pelaburan yang direalisasikan dapat terus ditingkatkan bagi memastikan impak jangka panjang yang mampan terhadap ekonomi negara.

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

No. Soalan: PT6

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM

SOALAN:

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan feasibility bagi sebahagian caruman SPK untuk dilabur ke dalam GLCs tempatan yang berprestasi baik dan berisiko rendah (misalnya BIBD, DST, BFI, Petrochemical). Difahamkan caruman banyak dilabur di luar negara bagi meraih pulangan berpatutan dan kemungkinan pelaburan GLC tempatan boleh membantu dalam meningkatkan dividen hasil jualan saham dan sebagai pemangkin menarik FDIs baru untuk merangsang ekonomi domestik.

JAWAPAN:

Yang Berhormat Yang Di-Pertua,

Sepertimana Yang Berhormat Ahli sedia maklum bahawa dana SPK tidak dilaburkan secara langsung dalam Syarikat GLC mengambilkira struktur SPK yang perlu memberikan pulangan yang stabil dan bebas risiko. Sebaliknya dana SPK mulai Tahun Kewangan 2020/2021, simpanan-simpanan Ahli secara terkumpul telah dilaburkan ke dalam pelaburan yang memberikan pulangan tetap dan dijamin oleh pihak Kerajaan. Ini adalah memastikan simpanan ahli SPK adalah lebih terjamin dan tidak terdedah kepada risiko perniagaan.

Kestabilan kadar dividen boleh menjamin pengumpulan dan simpanan ahli-ahli sentiasa bertambah dimasa hadapan kerana simpanan ahli tidak lagi terdedah kepada risiko penurunan nilai disebabkan oleh risiko turun naik pasaran di kala ekonomi pasaran dunia yang semakin tidak menentu (*volatile*) disebabkan oleh tekanan geo politik atau kemunculan pandemik yang tidak dapat dijangka.

Dengan memastikan kestabilan kadar pulangan diberikan kepada ahli juga akan memberi impak peraliran kewangan yang positif serta berdaya tahan terutama sekali bagi pencarum yang bergaji rendah. Kadar pulangan yang konsisten boleh membantu ahli dalam membuat unjuran jumlah simpanan mereka bagi membolehkan mereka membuat perancangan kewangan persaraan dengan lebih teratur.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

No. Soalan: PT29

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA HAJI
AWANG SUYOI BIN HAJI OSMAN**

SOALAN:

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA HAJI AWANG SUYOI BIN HAJI OSMAN meminta **MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan peruntukan belanjawan yang disediakan bagi Kementerian untuk mendokong usaha bagi mempelbagaikan ekonomi negara. Kepelbagaian ekonomi (economic diversification) sering disebutkan sebagai usaha yang perlu dilaksanakan agar tidak terus bersandar kepada hasil minyak dan gas semata mata. Sejauh mana pendekatan 'whole of nation' dan 'whole of government' komited kepada usaha mempelbagaikan ekonomi?

JAWAPAN:

Yang Berhormat Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Ahli, ke arah mempelbagaikan ekonomi (*economic diversification*), Kerajaan telah mengenal pasti sektor utama yang berpotensi untuk menerajui pertumbuhan dan pembangunan ekonomi terutama bagi Sektor Bukan Minyak dan Gas iaitu Sektor Hiliran Minyak dan Gas; Sektor Makanan; Sektor Perkhidmatan; Sektor Pelancongan dan Sektor ICT. Pada masa ini, selain daripada **pengukuhan rantai bekalan perniagaan tempatan (*domestic business value chain*)** dan menarik FDIs, kerajaan juga memprioritaskan **penyediaan ekosistem industri yang lebih kondusif**. Dengan itu, bagi memacu kepelbagaian ekonomi negara dan mengurangkan kebergantungan kepada hasil minyak dan gas, pendekatan '*whole of nation*' dan '*whole of government*' adalah penting melalui kerjasama erat antara kementerian, agensi berkaitan, sektor swasta, dan masyarakat. Sektor swasta turut memainkan peranan penting dalam memperkasa keusahawanan, memperluaskan pasaran, dan membangunkan bakat tempatan bagi memastikan daya tahan ekonomi jangka panjang. Dengan sinergi antara semua pihak, Negara bukan sahaja memperkukuhkan asas ekonomi negara, tetapi juga membentuk masa depan yang lebih lestari, inklusif, dan berdaya tahan.

Antaralain inisiatif untuk mendokong usaha bagi mempelbagaikan ekonomi negara adalah:

- i. **Meningkatkan ketepatan pemeriksaan dan mempercepat proses deklarasi dan pelepasan kastam** di Pelabuhan Muara dengan perolehan dan pembekalan mesin pengimbas berteknologi *Artificial Intelligence* (AI) melalui Jabatan Kastam dan Eksais Diraja bersama Muara Port Company secara *Public-Private Partnership*.
- ii. **Memberi keutamaan kepada kelulusan permit import-eksport bagi syarikat yang diakreditasi**, sambil mengekalkan keselamatan negara melalui Skim Sutera *Lane Merchant* (SLMS).
- iii. **Menyokong perniagaan tempatan melalui bantuan kewangan**, seperti skim *Co-Matching*, membolehkan usahawan memperoleh modal bagi mengembangkan perniagaan mereka serta mendapatkan akses kepada pelaburan, termasuk angel investment.

Sehingga Januari 2025, sebanyak 91 permohonan telah diluluskan. Ini melibatkan geran berjumlah BND1.434 juta di bawah skim *Co-Matching* yang dikendalikan oleh BEBD, bertujuan membantu pertumbuhan Perusahaan Mikro, Kecil, dan Sederhana (PMKS) dalam pelbagai sektor. Antara sektor yang menerima manfaat termasuk industri kesihatan dan kecantikan, makanan dan minuman, pertanian, serta perkhidmatan seperti penghantaran barangan, pendidikan, dan teknologi.

Bagi pemohon yang tidak berjaya, sokongan tetap diberikan melalui bimbingan dalam aspek pengetahuan perniagaan. Ini merangkumi penyediaan pelan perniagaan yang lebih kukuh, penajaan unjuran kewangan yang strategik, serta pembangunan daya tahan perniagaan untuk memastikan kelangsungan dan kejayaan pada masa hadapan.

- iv. **Mengendalikan Program *Elevate*** untuk mengenalpasti PMKS tempatan khususnya dalam sektor makanan yang berpotensi untuk berkembang dalam perniagaan francais di pasaran antarabangsa.
- v. **Menyediakan program latihan bagi PMKS** bagi meningkatkan kemahiran pengurusan, pemasaran, pensijilan antarabangsa dan kewangan melalui program *Brunei Mentors for Entrepreneurs Network* (BMEN).
- vi. Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) terus giat berada di barisan hadapan dalam usaha untuk **menarik minat para pelabur datang ke Brunei melalui kegiatan promosi yang lebih *targeted***; ekspo tempatan, serantau dan antarabangsa; penganjuran misi pelaburan di negara-negara sasaran; kerjasama strategik dengan dewan perniagaan, kedutaan dan persatuan industri di negara-negara sasaran. Disamping itu, pihak BEDB juga telah

melantik ejen dan perunding FDI di pasaran utama seperti India, dengan rancangan untuk berkembang ke wilayah lain.

- vii. Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan, MOFE sentiasa bersedia untuk memudahcarakan **dalam mewujudkan rangka kerja dasar yang berkesan untuk pembangunan industri dan memudahcara bagi pemain industri dalam mengukuhkan perhubungan antara sektor awam dan swasta.**

Selain itu, sebagai penyedia infrastruktur dan perkhidmatan strategik di Negara Brunei Darussalam (NBD), *Darussalam Assets* (DA) juga berperanan dalam menyokong pembangunan negara, mempelbagaikan ekonomi, dan menjana peluang pekerjaan melalui *Government-Linked Companies* (GLCs).

GLCs berfungsi untuk mengisi jurang dalam sektor swasta, terutamanya dalam bidang yang memerlukan pelaburan besar atau kepakaran khusus yang belum dapat ditampung oleh perniagaan tempatan. Mandat DA adalah memastikan kepimpinan dan pengurusan GLCs berasaskan prinsip komersial dengan tadbir urus yang baik, selain mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif bagi menarik pelaburan langsung asing dan memperkukuh sektor swasta.

Contoh kejayaan GLC dalam memacu industri ialah *Royal Brunei Catering Sdn Bhd* (RBC). Pada tahun 1980-an, RBC memainkan peranan penting dalam pembangunan sektor restoran tempatan dengan membawa masuk francais antarabangsa dan membangunkan restoran makanan Cina halal. Pelaburan besar ini, yang sukar ditampung oleh sektor swasta ketika itu, membantu meningkatkan kepelbagaian pilihan makanan dan mewujudkan peluang pekerjaan. Kini, dengan industri makanan dan minuman yang semakin matang, RBC telah mengubah strateginya untuk menyokong perniagaan kecil dan sederhana (MSMEs) serta pengusaha tempatan melalui penyediaan perkhidmatan nilai tambah daripada fasiliti mereka, seperti Central Kitchen yang diiktiraf *Hazard Analysis & Critical Control Point* (HACCP).

GLCs juga berperanan dalam meningkatkan infrastruktur penting negara. Dalam sektor telekomunikasi, syarikat GLC telah mempercepat pembangunan infrastruktur digital, menurunkan kos akses dan meningkatkan kualiti perkhidmatan. Contohnya, pakej *broadband* 100Mbps yang dahulunya berharga \$459 kini hanya \$148 untuk 500Mbps. Pelancaran 5G sejak Jun 2023 juga memperkukuh jaringan telekomunikasi negara dengan pelaburan tambahan dalam kabel dasar laut antarabangsa bagi meningkatkan kapasiti rangkaian.

Dalam sektor logistik, *Muara Port Company Sdn Bhd* (MPC) telah mempertingkatkan daya saing Pelabuhan Muara sejak 2017, membangunkan infrastrukturnya serta mengembangkan destinasi perkapalan dari 8 ke 12 laluan. MPC merancang untuk meningkatkan jumlah syarikat perkapalan dan laluan pada tahun 2026, dengan

sasaran mencapai 8 syarikat dan 14 destinasi. Projek ini bukan sahaja akan menaik taraf Pelabuhan Muara, malah turut dikaji bersama konsep "*Port Trade Zone*" bagi menarik pelaburan antarabangsa serta menyokong pembangunan perniagaan tempatan dan ekonomi negara.

Secara keseluruhan, GLCs memainkan peranan penting dalam melengkapkan sektor swasta, memastikan pembangunan infrastruktur kritikal, menarik pelaburan, dan menyokong ekosistem perniagaan tempatan bagi mencapai kepelbagaian ekonomi Brunei. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

No. Soalan: PT36

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YANG BERTHORMAT AWANG MOHAMMAD BIN
ABDULLAH @ LIM SWEE ANN**

SOALAN:

YANG BERTHORMAT AWANG MOHAMMAD BIN ABDULLAH @ LIM SWEE ANN meminta **MENTERI HAL EHWAL LUAR NEGERI** menyatakan langkah-langkah Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri untuk memastikan setiap penuntut dan rakyat negara yang berada di luar negeri sentiasa di dalam landasan Melayu Islam Beraja (MIB) bagi mengekalkan imej negara.

JAWAPAN:

Antara peranan utama Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, melalui Pejabat-Pejabat Perwakilan di luar negeri adalah untuk memastikan kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat termasuk pelajar-pelajar Negara Brunei Darussalam di luar negara sentiasa terpelihara.

Ini termasuk menangani situasi kecemasan seperti kehilangan passport, jatuh sakit semasa di luar negara, kes-kes melibatkan kematian dan pengurusan membawa balik jenazah, bencana alam, serta insiden yang berkaitan dengan ketidakstabilan negara di tempat mereka berada.

Sehubungan itu, Kementerian ini menekankan kepentingan bagi semua rakyat Negara Brunei Darussalam yang berada di luar negara atau merancang untuk ke luar negeri agar mendaftar melalui sistem *e-Register* di laman web Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Selain itu, mereka juga digalakkan untuk mendapatkan insurans perjalanan atau insurans perubatan sebagai langkah perlindungan jika ada perbelanjaan tambahan sepanjang berada di luar negara.

Mengekalkan imej negara yang berlandaskan Melayu Islam Beraja (MIB) dalam kalangan rakyat dan pelajar di luar negeri adalah tanggungjawab bersama yang bermula sebelum mereka meninggalkan negara ini lagi.

Di samping itu, para pelajar dan rakyat Brunei di luar negara sentiasa dinasihatkan agar menjaga tingkah laku dan imej negara, serta mengelakkan sebarang tindakan yang boleh mencemarkan nama baik Brunei.

Usaha ini dilaksanakan dengan pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu melalui *whole-of-government approach*, melibatkan kerjasama antara agensi-agensi Kerajaan dan juga institusi-institusi pendidikan.

Dalam usaha meningkatkan kesedaran mengenai MIB, pelbagai langkah telah dilaksanakan, antaranya:

1. Peranan Pejabat-Pejabat Perwakilan sebagai Fasilitator Utama

- Pejabat-Pejabat Perwakilan berperanan dalam menyelaraskan pelbagai acara pendidikan dan keagamaan seperti taklimat dan tazkirah, yang dikendalikan oleh agensi-agensi Kerajaan khas untuk rakyat dan pelajar Brunei di luar negara.
- Sokongan ini merangkumi penyediaan tempat dan fasiliti bagi memastikan kelancaran program-program tersebut.

2. Program Kesedaran MIB di Luar Negara

- Sebagai contoh, pada tahun lepas, Pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam di Kuala Lumpur membantu menyelaraskan program Generasi BerMIB, anjuran Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja, Kementerian Pendidikan bagi pelajar Brunei di Malaysia.

3. Penglibatan dalam Acara Kebangsaan dan Keagamaan

- Pejabat-Pejabat Perwakilan juga mengadakan acara kebangsaan seperti sambutan Hari Kebangsaan, Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berbuka puasa, serta Hari Raya Aidil Fitri dan Hari Raya Aidil Adha.
- Acara-acara ini melibatkan pegawai dan kakitangan yang berkhidmat serta para pelajar yang melanjutkan pengajian di negara-negara berkenaan.
- Pada lazimnya, acara-acara tersebut juga diselitkan aktiviti keagamaan seperti doa selamat, bacaan surah Yaasin, serta sembahyang berjemaah, terutama di bulan Ramadhan.

4. Mempromosikan Budaya dan Tradisi Brunei

- Pejabat-Pejabat Perwakilan turut mengadakan aktiviti sosial yang memperkenalkan budaya dan tradisi kitani di peringkat antarabangsa, termasuk persembahan kebudayaan, hidangan makanan tradisional Brunei, serta penyertaan dalam acara yang dikendalikan oleh negara tuan rumah.

5. Peranan Ataci Pendidikan dalam Membimbing Pelajar

- Beberapa Pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam seperti di Australia, Malaysia, Singapura, United Kingdom dan Mesir mempunyai Ataci Pendidikan yang bertanggungjawab dalam memeduli kesejahteraan, kebajikan dan keselamatan para pelajar.
- Mereka turut menyelaraskan aktiviti keagamaan seperti kelas ugama dan mengaji, tazkirah, ceramah motivasi serta program sempena hari-hari kebesaran Islam.
- Ini bagi memastikan para pelajar terus memperkukuh jati diri ke-Bruneian dan tidak terpengaruh dengan budaya asing dan elemen-elemen yang bertentangan dengan nilai-nilai MIB.

Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri akan sentiasa bersedia untuk bekerjasama dan membantu agensi-agensi yang berkaitan dalam memperkasakan usaha memperkukuh kefahaman MIB dalam kalangan rakyat dan pelajar di luar negara.

No. Soalan: PT22

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN

SOALAN:

YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan langkah pencegahan bagi isu individu yang melebihi tempoh tinggal di Brunei Darussalam yang melibatkan penguatkuasaan dan pencegahan yang berkesan. Adakah isu melebihi tempoh tinggal berisiko untuk dieksploitasi sindiket perdagangan manusia? Memandangkan negara pernah disenarai hitam oleh Amerika Syarikat pada 2024, apakah usaha-usaha agar tidak disenarai hitamkan lagi?

JAWAPAN:

1. Berhubung dengan isu perdagangan manusia di Negara Brunei Darussalam, perkara ini adalah dipantau di bawah Jawatankuasa Kebangsaan Anti-Pemerdagangan Orang (JKAPO) yang telah ditubuhkan pada tahun 2020 dan dipengerusikan oleh Yang Mulia Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Penguatkuasaan), Jabatan Perdana Menteri, dengan keahlian Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, dan Jabatan Buruh adalah selaku Ahli.
2. Walaubagaimanapun, berkenaan dengan kekhuatiran berkenaan dengan *“tempoh tinggal berisiko untuk dieksploitasi sindiket perdagangan manusia”* ianya bukanlah ditarifikan sebagai kes perdagangan orang dimana Perdagangan orang adalah didefinisikan sebagai pengambilan, pengangkutan, pemindahan, perlindungan atau penerimaan seseorang bagi tujuan eksploitasi melalui penculikan, penyalahgunaan kuasa, penipuan, pemalsuan, sogokan, ancaman, atau paksaan di bawah Akta Anti-Pemerdagangan Orang Penggal 230 (*Anti-Trafficking in Persons Act Chapter 230*).
3. Individu yang melebihi tempoh tinggal di Negara Brunei Darussalam akan diambil tindakan penguatkuasaan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan seperti denda, tahanan, dan pengusiran di bawah Akta Imigresen.

No. Soalan: PT31

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA HAJI
AWANG SUYOI BIN HAJI OSMAN**

SOALAN:

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA HAJI AWANG SUYOI BIN HAJI OSMAN meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan langkah Kementerian dalam mengambil 'affirmative action' untuk membaiki, meroboh atau membangun baru, bangunan bangunan Kerajaan dan rumah rumah pangsa kerajaan yang kosong, terbiar (abandoned) dan dalam tidak selamat untuk di duduki. Bangunan-bangunan ini kebanyakannya duduk ditapak-tapak yang 'prime' dan jika dimajukan akan mempunyai nilai yang tinggi.

JAWAPAN:

1. Mana-mana bangunan Kerajaan yang kosong dan terbiar, dihadapkan dan ditangani di bawah Jawatankuasa Menangani Bangunan-Bangunan Kosong di Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi memastikan bangunan-bangunan tersebut dapat diuruskan dengan baik dan dimanfaatkan sepenuhnya pada mana Jawatankuasa berkenaan adalah dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan.
2. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan-Jabatan di bawahnya, telah menghadapkan senarai bangunan-bangunan yang kosong kepada Jawatankuasa berkenaan pada 10hb., November 2021. Dalam masa yang sama pihak Kementerian ini juga telah mengenal pasti beberapa buah bangunan yang ditukar objektif asal pembangunannya. Sebagai contoh, bangunan flat PWD 169 untuk dijadikan pusat penempatan sementara bagi kegunaan pihak Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB) dalam menempatkan mangsa-mangsa bencana alam. Manakala, Dewan Serbaguna Taman Persiaran Kuala Belait pada masa ini dijadikan pejabat bagi penempatan cawangan penguatkuasaan Kuala Belait.

No. Soalan: PT33

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan perancangan Kementerian untuk mengkaji semula dan mengemas kini Panduan Pekerjaan yang terdapat di laman sesawang bagi memastikan ia selaras dengan peraturan semasa. Ini memandangkan Perintah Pekerjaan (Upah Minimum) yang telah diperkenalkan pada tahun 2023.

JAWAPAN:

1. Buku 'Panduan Undang-Undang dan Peraturan-Peraturan Pekerjaan di Negara Brunei Darussalam' yang dimaksudkan telah diterbitkan oleh Jabatan Buruh pada tahun 2014 dan mengandungi maklumat mengenai peraturan perburuhan termasuklah daripada Akta Pekerjaan, Penggal 278; Akta Pampasan Pekerja, Penggal 74; dan Perintah Keselamatan dan Kesihatan Di Tempat Kerja 2009.
2. Selain daripada Panduan Pekerjaan ini, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan Buruh secara aktif memberigakan maklumat-maklumat yang terkini melalui siaran akhbar dan juga infographik yang telah dikongsikan melalui media sosial rasmi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga Jabatan Buruh dan juga semasa jerayawara atau *roadshow* serta taklimat-taklimat yang diadakan di keempat-empat daerah. Sebagai contoh, pelaksanaan Dasar Perlindungan Insurans Perubatan bagi Penduduk-Penduduk Tetap dan Pemegang Pas-Pas Imigresen, Pelaksanaan Upah Minimum bagi Fasa Pertama dan Kedua dan lain-lain lagi dasar atau peraturan baharu yang diperkenalkan oleh Jabatan Buruh.

No. Soalan: PT42

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF

SOALAN:

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan dan pencapaian dalam memenuhi peranan dan fungsi Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung, bukan sahaja mengukuhkan keberkesanan institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung sebagai teras kepimpinan akar umbi, malahan yang lebih penting lagi dalam memperkasakan dan menaikkan Sosio-Ekonomi kearah kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk Mukim dan Kampung sekaligus bersama-sama mendokong dalam merealisasikan Wawasan Negara 2035.

JAWAPAN:

1. Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) adalah institusi kepimpinan di peringkat mukim dan kampung yang ditubuhkan untuk mengukuhkan peranan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung sebagai teras kepimpinan di peringkat akar umbi yang bertujuan untuk memberi ruang kepada rakyat untuk terlibat sama dalam pembangunan di peringkat mukim dan kampung melalui semangat kerjasama dan saling bantu-membantu antara ahli-ahli majlis manakala Penghulu Mukim dan Ketua Kampung adalah dilantik sebagai Pengerusi MPMK di kawasan masing-masing.

2. Antara langkah penting bagi memperkasa MPMK, adalah:

- 2.1. **Latihan dan Pembangunan Kapasiti:** Program latihan komprehensif perlu dilaksanakan untuk membina kemahiran kepimpinan, pengurusan, dan pentadbiran bagi Penghulu Mukim, Ketua Kampung, dan ahli-ahli MPMK. Dalam masa yang sama, kolaborasi dengan agensi Kerajaan dan swasta juga penting untuk mengadakan taklimat dan latihan yang relevan.

Di antara aktiviti latihan dan pembangunan kapasiti yang pernah diungkayahkan oleh Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung

pada tahun 2024 seperti *First Aid Training*; Taklimat Perkahwinan, Penceraian, Pembatalan dan Ruju' orang-orang Islam; Kursus Latihan *Lifesaver 995*, Kursus *Fire Marshall* dan Bengkel *Program Go Digital*. Sepanjang tahun 2024, sebanyak 5 aktiviti kursus dan 57 lawatan sambil belajar telah dibuat oleh MPMK di keempat-empat daerah dalam usaha ke arah membangunkan kapasiti ahli-ahli MPMK.

- 2.2. Peruntukan Dana untuk Aktiviti MPMK:** Peruntukan dana kepada MPMK perlu disalurkan bagi membantu mereka melaksanakan projek pembangunan seperti aktiviti kemasyarakatan, keagamaan, dan pendidikan.

Pada tahun 2024, 1,370 aktiviti telah dilaksanakan oleh MPMK, dengan Daerah Brunei dan Muara mendominasi sebanyak 914 aktiviti, 56 aktiviti oleh MPMK Daerah Belait, 167 aktiviti oleh MPMK Daerah Tutong dan 233 aktiviti oleh MPMK Daerah Temburong.

- 2.3. Pemerkasaan Sosioekonomi:** MPMK juga berperanan dalam meningkatkan sosioekonomi masyarakat melalui pelbagai inisiatif ekonomi.

Pada tahun 2023, sebanyak 52 aktiviti perekonomian telah diadakan, dan jumlah jualan mencapai lebih \$820,000.00, meningkat kepada \$1,109,192.46 pada tahun 2024 dengan penglibatan seramai 105 orang pengusaha 1 Kampung 1 Produk (1K1P) di seluruh negara.

- 2.4. Budaya Inklusiviti:** Galakan terhadap penglibatan aktif ahli-ahli MPMK dalam perancangan, pelaksanaan, dan pemantauan inisiatif tempatan penting untuk memperkuat peranan MPMK dalam kepimpinan akar umbi. Penyertaan yang lebih inklusif akan meningkatkan keberkesanan MPMK seperti penglibatan golongan belia dan wanita dalam keahlian dan aktiviti MPMK yang turut memastikan penyertaan tidak terhad kepada golongan lelaki atau golongan dewasa sahaja. Sejak 2018, lantikan ahli MPMK, khususnya Ketua Biro, kini melibatkan golongan belia berusia 18 hingga 45 tahun. Setakat Mac 2025, sebanyak 288 orang belia telah terlibat dalam MPMK, dengan jumlah tertinggi di Daerah Tutong seramai 130 orang, Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Belait masing-masing dengan 41 ahli dan Daerah Temburong seramai 76 orang belia. Namun demikian, usaha adalah dipertingkatkan untuk menarik lebih ramai belia dan wanita untuk terlibat dalam perancangan dan pelaksanaan aktiviti. Biro Wanita telah ditubuhkan untuk memastikan golongan wanita juga terlibat dalam pembangunan komuniti. Setakat ini, 280 wanita telah terlibat dalam

MPMK di keempat-empat buah daerah, dengan penglibatan wanita tertinggi adalah di Daerah Tutong.

- 2.5. Penggunaan Teknologi dan ICT:** Integrasi teknologi dan *platform* digital dalam proses pentadbiran akan meningkatkan ketelusan dan akses kepada maklumat untuk penduduk kampung, memudahkan komunikasi dan pengurusan. Memanfaatkan penggunaan media sosial (seperti Instagram) dalam memberigakan maklumat yang perlu kepada penduduk mukim dan kampung serta menyampaikan maklumat aktiviti MPMK kepada penduduk mukim dan kampung adalah inisiatif yang digalakkan oleh pihak Kementerian. Dalam pada itu, taklimat *Program Go Digital* juga ada diadakan oleh MPMK pada tahun 2024 bagi mempertingkatkan kesedaran penduduk dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi.
- 2.6. Kerjasama dengan Pelbagai Pihak:** MPMK perlu memudahkan perkongsian sumber dengan pihak kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), dan sektor swasta. Ini akan memperkasa usaha pembangunan komuniti serta membangunkan kapasiti ahli MPMK melalui pelbagai latihan dan aktiviti seperti kursus-kursus yang diadakan dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang telah dikendalikan pada tahun 2024 sepertimana keterangan di perenggan 2.1 di atas.
- 2.7. Mekanisme Pemantauan dan Penilaian:** Untuk memastikan keberkesanan dan akauntabiliti, pemantauan dan penilaian perlu dilakukan. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Penghulu Mukim dan Ketua Kampung (PMKK) telah dilaksanakan sejak April 2024 untuk memantau kemajuan PMKK serta keahlian MPMK, contohnya KPI 4 iaitu “Peratus Penduduk Mukim/Kampung yang Dipeduli, Dikelinga, dan Ditangani” adalah untuk memastikan kemaslahatan anak buah kampung khususnya bagi golongan yang berkeperluan adalah terjaga.

Salah satu tugas dan tanggungjawab PMKK sebagaimana yang digariskan di dalam Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dibawah Fasal 3 perkara 3 ialah Sebagai Mata, Telinga dan Lidah kepada Kerajaan dan kepada penduduk kampung dalam menjaga serta mengawasi kepentingan, kesejahteraan, kebajikan dan keselamatan kampung.

Selain itu, prestasi PMKK turut dipertingkatkan melalui Pelaksanaan Rangka Kerja Modal Kompetensi Sumber Manusia Penghulu Mukim Dan Ketua Kampung (HRCF PMKK) yang diyakini akan membantu dalam proses pengambilan (*Recruitment*) PMKK pada mana soalan

semasa sesi temuduga akan berasaskan kepada kompetensi (*Competency Based Questions*), Penggubalan program latihan dan pembangunan kapasiti dan Pengurusan prestasi (*performance management*) bagi memperkasakan dan memastikan pemimpin akar umbi yang berkualiti.

Hasil daripada Penilaian Sendiri (*Self-Assessment*) PMKK yang telah dilaksanakan di antara 24hb., Julai, 2024 sehingga 2hb., September, 2024 melalui kajian atas talian untuk menilai tahap kompetensi semasa (*current competency*) PMKK yang bersandarkan Rangka Kerja Modal Kompetensi Sumber Manusia, adalah dirumuskan bahawa seramai 165 orang termasuk mereka yang sedang memangku jawatan daripada 217 jawatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung telah menghadapi borang penilaian tersebut. Dari jumlah berkenaan, seramai 36 orang (22%) Penghulu Mukim dan Ketua Kampung menilai kompetensi mereka adalah pada tahap hampir bersedia; 96 orang (58%) pada tahap berpotensi; dan 33 orang (20%) pada tahap melebihi jangkaan; manakala tiada yang menilai tahap kompetensi mereka pada tahap belum bersedia.

- 2.8. Peranan Penasihat MPMK:** Untuk memperkukuh kepimpinan, MPMK perlu melantik penasihat yang komited untuk memberikan pandangan dan nasihat mengenai perancangan dan isu yang dibincangkan sesuai bidang tugas dan tanggungjawab Penasihat MPMK yang dinyatakan dalam Lembaga Pengelola MPMK, iaitu, menasihatkan berhubung hal ehwal mukim, kampung dan penduduknya serta juga untuk mengadakan perundingan sesama Penasihat MPMK yang lain dari semasa ke semasa mengenai perkara-perkara yang diputuskan oleh Mesyuarat Majlis Perundingan. Penasihat MPMK boleh menasihatkan perkara-perkara berkaitan bidang tugas dan kuasa Penasihat dengan menggunakan pengalaman yang ada seperti menggunapakai pengalaman semasa menjawat jawatan Kerajaan atau swasta.
- 2.9. Kefahaman mengenai MPMK:** Kurangnya kefahaman masyarakat mengenai tujuan penubuhan MPMK adalah satu cabaran. Oleh itu, konvensyen atau perhimpunan MPMK boleh diadakan untuk memberi penjelasan dan meningkatkan penglibatan ahli. Pada tahun 2024, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah mengadakan sebanyak 4 kali sesi muzakarah bersama ahli-ahli MPMK di keempat-empat daerah bagi mengetahui sebarang cadangan mahupun isu yang dihadapi oleh ahli-ahli MPK dan seterusnya membantu meningkatkan kefahaman akan peranan selaku ahli MPMK. Muzakarah seperti ini akan diteruskan lagi pada tahun ini. Di peringkat MPMK pula, sebanyak 206 kali

muzakarah telah dibuat bersama penduduk kampung telah diadakan di keempat-empat daerah pada tahun 2024.

No. Soalan: PT4

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan kadar sara diri negara dalam pengeluaran makanan tempatan, dan sejauh mana keberkesanan dasar sedia ada dalam memastikan ketahanan makanan negara dapat dikurangkan daripada kebergantungan import.

JAWAPAN:

Dalam merangka perancangan dan hala tuju bagi memajukan industri makanan dan seterusnya mengukuhkan *Food Security* di negara ini, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah mengenal pasti enam komoditi utama iaitu **beras, ayam, telur ayam, daging, sayur-sayuran dan ikan**. Dengan meningkatkan pengeluaran komoditi-komoditi tersebut, diharap Negara akan dapat memperkukuh keupayaan sara diri makanan negara serta mengurangkan kebergantungan kepada import; menstabilkan harga dan memastikan bekalan yang mencukupi meskipun dalam situasi krisis global; dan seterusnya meningkatkan keluaran industri pertanian dan perikanan tempatan, yang akan menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar.

Sehubungan ini, sukacita mengongsikan mengenai **pencapaian sara diri** bagi enam komoditi utama bagi keluaran industri pertanian dan perikanan yang **secara purata bagi 3 tahun kebelakangan (2022-2024)** iaitu:

- Bagi sektor padi (beras), negara telah mencapai 8% sara diri;
- Bagi telur ayam adalah 103%;
- Bagi daging ayam adalah 100%;
- Bagi daging kerbau dan lembu sekitar 2.3%;
- Bagi sayur tropika sekitar 72%; dan
- Bagi ikan sekitar 74%.

Berhubung pencapaian purata keluaran sektor makanan yang merangkumi sektor pertanian dan perikanan dalam tempoh tiga tahun kebelakangan meningkat dari \$525 juta pada tahun 2017 kepada purata \$742 juta setahun bagi tiga tahun kebelakangan 2022-2024.

Pihak Kementerian akan terus berusaha untuk meningkatkan keluaran dan memperkukuhkan keupayaan sara diri makanan serta mengurangkan kebergantungan kepada import bagi komoditi-komoditi utama di bawah sektor pertanian dan perikanan ini, terutamanya bagi komoditi yang belum mencapai sara diri penuh seperti daging kerbau dan lembu, sayur tropika dan ikan. Ini bukan sahaja untuk memastikan bekalan makanan di Negara ini adalah terjamin tetapi juga untuk menyumbang kepada peningkatan jumlah dan nilai eksport.

Bagi mendokong usaha ke arah meningkatkan pengeluaran dan menjamin sekuriti makanan Negara di samping itu memajukan industri makanan di Negara ini, beberapa strategi-strategi telah dirangka di bawah *Food Industry Roadmap*. Langkah-langkah strategik ini diharap akan memacu pertumbuhan dan peningkatan keluaran sektor makanan iaitu melalui keluaran dan produktiviti dari aktiviti industri penghasilan primer dan industri pemprosesan dan nilai tambah bagi industri ternakan, tanaman, tangkapan ikan dan akuakultur untuk memenuhi permintaan domestik dan eksport.

Antara inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian ini dalam **meningkatkan hasil sektor pertanian** adalah seperti berikut:

- i) **Menaiktaraf dan menyediakan infrastruktur asas industri bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran dari tapak-tapak pertanian.** Adalah diharapkan semua Kawasan Kemajuan Pertanian dan Perikanan mempunyai bekalan elektrik, air dan saliran yang mencukupi dan kondusif. Ini adalah bagi memudahkan para pengusaha untuk memulakan dan mengembangkan perusahaan dalam menyumbang ke arah *Food Security*.

Usaha-usaha ini bagi memudahkan pengusaha, termasuk belia, memulakan perusahaan dan meningkatkan produktiviti serta mengurangkan kos pengeluaran dalam menyumbang kepada *food security* serta mengukuhkan rantai nilai (*value chain*) industri;

- ii) **Menggalakkan penggunaan teknologi moden dalam pertanian dan perikanan bagi meningkatkan produktiviti ladang.** Ini termasuk teknik perladangan moden serta teknik yang lestari seperti *Regenerative Agriculture* bagi meningkatkan produktiviti keluaran tanaman dengan memulihkan kesuburan tanah melalui penggunaan kompos untuk menghasilkan hasil tanaman berkualiti tanpa menjejaskan sumber semula jadi. Usaha juga diperkukuhkan untuk mempraktikkan pengurusan urustadbir ladang yang baik serta menarik lebih ramai pengusaha baru, terutama sekali para belia, ke sektor ini.

- iii) **Menggalakkan aktiviti nilai tambah tinggi termasuk *Research & Development* untuk menarik penglibatan GLCs dan FDIs** dalam aktiviti-aktiviti nilai tambah tinggi (*high value added*) dan pembangunan & penyelidikan (R&D) dalam mengukuhkan rantai nilai (*value-chain*) industri makanan. Ini termasuklah aktiviti-aktiviti seperti penghasilan makanan ternakan, baja, biji benih, benih anak ikan/ udang, telur berbenih, penghasilan varieti baru dan lain-lain, bagi mengurangkan kos bahan input, memastikan peningkatan hasil yang tinggi, mengukuhkan persaingan dan akses kepada pasaran global, termasuk akses kepada teknologi dan modal.

Sebagai contoh bagi mengukuhkan pengeluaran padi dan beras Negara, Kementerian ini terus menjalankan penyelidikan bagi mengenalpasti varieti padi unggul, berhasil tinggi dan menepati citarasa pengguna. Ini termasuklah cadangan penubuhan *Hybrid Rice Research Centre* dan memudahcara pembekalan benih padi hibrid ke Negara Brunei Darussalam; dan

- iv) Selain daripada Industri Primer, Kementerian ini jua dengan kerjasama agensi-agensi lain seperti Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, melalui *Capacity Enhancement Programme*, giat berusaha untuk **membangunkan industri agrikultanan termasuk melibatkan syarikat-syarikat *homebased***. Usaha ini bertujuan untuk merangkumi seluruh rantai nilai industri makanan supaya dapat diusahakan dan dimanfaatkan di dalam negara ini.

Dalam **sektor perikanan** pula, Kementerian telah merangka Peta Jalan Sektor Perikanan untuk memacu pertumbuhan keluaran serta memperkukuh kestabilan makanan negara dan rantai nilai produk agrikultanan, disamping mempromosikan amalan perikanan yang mampan.

Bagi meningkatkan lagi pengeluaran dari sektor perikanan, beberapa inisiatif telah dilaksanakan, antaranya seperti:

- i) **Program memperkayakan sumber ikan menggunakan takat-takat tiruan** yang dilabuhkan di Zon 1 sehingga Zon 3 perairan Negara Brunei Darussalam bagi meningkatkan produktiviti penangkapan ikan oleh nelayan tempatan;
- ii) **Meluaskan zon penangkapan ikan bagi nelayan kecil-kecilan di Zon 1 dalam usaha untuk meningkatkan keluaran hasil dari nelayan kecil-kecilan** melalui pelaksanaan sistem Zon penangkapan ikan baharu iaitu dari 0 hingga 3 batu nautika kepada 0 hingga 7 batu nautika dari pantai; dan
- iii) ***Restocking Program* udang galah secara berkala ke perairan Brunei** bagi mengekalkan kelestarian populasi udang galah liar dan seterusnya akan dapat menyumbang kepada hasil tangkapan nelayan kecil.

iv) **Pelan Pemulihan Industri Ternakan Udang bagi memperketatkan kawalan biosekuriti dalam mengawal risiko kemasukan penyakit udang** untuk memastikan peningkatan produktiviti industri ternakan udang tempatan:

- Dalam memastikan jumlah benih udang yang konsisten untuk dibekalkan ke ladang ternakan udang tempatan, Kementerian ini membenarkan pengimportan induk udang yang berkualiti tinggi bagi penghasilan benih udang tempatan. Selain itu, Kementerian ini juga membenarkan pengimportan benih udang yang berkualiti dan bebas penyakit daripada syarikat pembekal benih udang yang diiktiraf dalam memastikan bekalan benih udang yang mencukupi.
- Selain itu, terdapat 3 buah syarikat tempatan yang menghasilkan benih ikan di Negara ini untuk dibekalkan ke ladang-ladang ternakan ikan tempatan bagi menyumbang kepada peningkatan keluaran hasil ternakan ikan laut;
- Kementerian ini juga bekerjasama dengan pihak Republik Singapura bagi kajian genetik udang galah sebagai persediaan untuk membangunkan dan melaksanakan program pembangunan induk udang galah di Negara ini untuk dihasilkan oleh syarikat ternakan udang galah.

Pelbagai inisiatif juga turut dilaksanakan bagi meningkatkan keluaran produk pemprosesan dan nilai tambah yang berasaskan produk-produk pertanian dan perikanan melalui penubuhan *Agrifood Taskforce* dalam mendokong pertumbuhan serta peningkatan keluaran dari sektor makanan.

Kementerian ini sentiasa mengutamakan penggunaan bekalan bahan mentah daripada pembekal tempatan untuk dijadikan produk nilai tambah, walau bagaimanapun bersikap terbuka kepada bekalan bahan mentah dari luar Negara bagi menampung keperluan kilang pemprosesan tempatan yang mana produk yang dihasilkan akan dieksport semula ke luar Negara. Sebarang kebenaran bagi pengimportan bekalan bahan mentah untuk kegunaan kilang pemprosesan sentiasa diteliti berdasarkan kepada jumlah bekalan bahan mentah yang dihasilkan di Negara ini bagi mendokong perkembangan syarikat tempatan dan seterusnya meningkatkan ekonomi Negara.

No. Soalan: PT5

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERTHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED

SOALAN:

YANG BERTHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan berapakah jumlah projek pelancongan yang telah diumumkan tetapi masih belum direalisasikan, dan apakah faktor utama kelewatan dalam pelaksanaan projek tersebut.

JAWAPAN:

Setakat ini, pelaksanaan projek-projek infrastruktur di bawah Kementerian ini melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan sedang berjalan seperti sasaran. Pemantauan secara berterusan dibuat oleh pihak Kementerian ini bagi pelaksanaannya. Sebanyak 16 buah projek dijalankan di bawah Projek Rancangan Kemajuan Negara RKN 12, yang mana 1 buah projek telah selesai pelaksanaannya.

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan juga giat berusaha untuk memperkukuh kerjasama dengan sektor swasta bagi melaksanakan projek-projek pelancongan melalui *Public-Private Partnership (PPP)*.

Antara cabaran dalam merealisasikan projek-projek pelancongan melalui kaedah PPP adalah kekurangan pelaburan berskala besar dan pelabur menarik diri disebabkan oleh kos logistik projek yang tidak dijangka, yang mana adalah disebabkan oleh beberapa isu utama:

- i) Saiz pasaran yang tidak mencukupi atau terdapat ketidakseimbangan, pelabur mungkin memikirkan risiko yang gagal memberikan pulangan yang diharapkan;
- ii) Perancangan awal projek mungkin tidak mengambil kira sepenuhnya kos logistik yang tinggi dan berbeza berbanding pelaksanaan projek di negara luar. Contohnya pengangkutan barang atau penyediaan bahan mentah yang diperlukan. Ini menyebabkan pelabur menilai semula kelangsungan projek;
- iii) Pilihan untuk melaksanakan projek secara berfasa berkemungkinan menjejaskan potensi keuntungan kerana produk atau perkhidmatan yang belum tentu cukup untuk menarik minat pelancong terhadap destinasi pelancongan tersebut;

-
- iv) Kos tambahan yang tidak dirancang dengan baik juga memerlukan masa tambahan untuk mendapatkan dana tambahan, dan seterusnya melambatkan lagi proses kemajuan projek.

Oleh itu, bagi memastikan kejayaan pelaksanaan *Public-Private Partnership (PPP)* dalam sektor pelancongan, pendekatan yang strategik dan menyeluruh perlu diambil. Dengan usaha bersepadu ini, diharapkan kerjasama antara sektor awam dan swasta dapat diperkukuh, sekaligus mempercepat pembangunan industri pelancongan negara.

No. Soalan: PT12 & PT27

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD SALAM [PT12]

YANG BERTHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN meminta MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN [PT27]

SOALAN:

YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD SALAM meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan sejauh manakah cadangan *Centre for Strategic and Policy Studies* (CSPS) dalam '*White Paper On Making Brunei Darussalam The Preferred Holiday Destination For All By 2025*' yang diterbitkan pada tahun September 2015, yang mengenal pasti empat kawasan berpotensi termasuk Jerudong dan Kampung Ayer, telah diambil kira dalam perancangan kemajuan pelancongan.

YANG BERTHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan strategi jangka panjang dan perancangan MPRT dalam fasa 3 (2029-2030) pelan MPRT, bagi membangunkan produk pelancongan Islam yang menarik. Ini memerlukan sokongan yang padu dari semua Kementerian bagi memastikan pelaksanaan projek berjaya, walau bagaimanapun mengambilkira negara berpotensi besar dalam pelancongan Islam dengan akses kepada 2 bilion penduduk Muslim global.

JAWAPAN:

Kementerian menghargai dan mengiktiraf visi menyeluruh yang digariskan dalam *White Paper* tersebut bagi menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi percutian pilihan menjelang 2025. Walaupun beberapa inisiatif strategik yang dikemukakan di dalam *White Paper* berkenaan, seperti *Jerudong Integrated Leisure Destination* dan *National Arts and Performance Creative Theatre*, memerlukan pelaburan besar daripada sektor swasta serta dorongan keusahawanan, terdapat juga aspek lain yang telah pun giat dilaksanakan.

Sebagai contoh, pembangunan eko-resort, pelancongan berasaskan komuniti, serta kemudahan yang mempromosikan produk tempatan, kedai makan, dan perniagaan tempatan telah pun dilaksanakan, walaupun tidak semestinya dalam bentuk kluster seperti yang dinyatakan dalam kertas cadangan tersebut. Inisiatif-inisiatif ini merupakan komponen penting dalam strategi pelancongan negara dan sedang

dilaksanakan secara berperingkat. Kerajaan, dengan kerjasama perniaga tempatan, terus menggalakkan pertumbuhan eko-pelancongan serta memperkenalkan keunikan produk tempatan kepada pelancong.

Selain itu, Kementerian juga telah melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan infrastruktur dan kemudahan pelancong di Kampong Ayer dan sekitarnya. Antaranya termasuk mengemaskini panduan laluan pelancong seperti *Bandar Seri Begawan Heritage Trail* dan *Kampong Ayer Walking Trail*, serta pembinaan laluan konkrit yang lebih selamat di Kampong Ayer. Panduan *Audio Guide* melalui *QR code* telah diperkenalkan di Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampong Ayer pada 2024. Papan tanda maklumat pelancongan juga dipasang di laluan konkrit dan jeti tumpuan untuk memberikan pengalaman visual dan sejarah. Selain itu, menaiktaraf Galeri Kebudayaan Kampong Ayer dengan projek Fasa 1 telah selesai pada 2024 dan Fasa 2 dijangka siap pada 2026. Projek lain termasuklah pemasangan papan tanda di jeti untuk menyokong aktiviti pelancongan menyelusuri sungai.

PELANCONGAN PENDIDIKAN

Dari segi pelancongan pendidikan, antara usaha yang sedang dijalankan adalah memperkukuh kerjasama dengan universiti antarabangsa dan tempatan bagi menarik lebih ramai pelajar dan penyelidik untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pendidikan yang unik. Selain itu, inisiatif dengan agensi pelancongan dan institusi kebudayaan juga dipergiat untuk memperkenalkan pakej pelancongan yang menampilkan keunikan warisan Islam dan institusi pendidikan negara.

Negara Brunei Darussalam menawarkan pengalaman pembelajaran yang mendalam yang mempamerkan biodiversiti, warisan budaya, dan usaha pembangunan mampannya. Inisiatif ini merangkumi lawatan kajian terancang dan bengkel yang memfokuskan pada topik seperti hutan hujan, seni tradisional, dan budaya Islam. Selain itu, Negara Brunei Darussalam juga menawarkan program pendidikan mempelajari Bahasa Inggeris dan kem musim panas (*summer camp*) yang menjadi tarikan ramai penuntut antarabangsa berbanding destinasi lain di rantau ini, dengan keadaan negara yang aman, selamat, dan hijau. Negara Brunei Darussalam turut mengadakan banyak program pertukaran pelajar dengan negara-negara seperti Singapura, Jepun dan lain-lain, yang memperkukuh kedudukannya sebagai destinasi pendidikan yang menarik.

Penekanan strategik terhadap pelancongan pendidikan ini bukan hanya memupuk pertukaran budaya, tetapi juga memperkukuh kedudukan negara sebagai pusat pengalaman pembelajaran mampan di Asia Tenggara.

Sebagai makluman, Kementerian, melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan telah mengendalikan lawatan suai kenal bagi institut pendidikan dari Jepun pada tahun

2024 dengan tujuan bagi menarik lebih ramai lagi penuntut dari Jepun. Universiti Brunei Darussalam (UBD) pula telah menganjurkan UBD-AUN Summer Camp 2024 selama dua minggu yang mana telah disertai oleh lebih daripada 75 pelajar antarabangsa dari 21 universiti yang termasuk dalam keahlian ASEAN University Network (AUN).

Selain itu, Universiti Teknologi Brunei (UTB) telah menganjurkan *UTB Odyssey 2024* selama 15 hari yang mana telah disertai oleh 12 pelajar antarabangsa terdiri dari negara-negara ASEAN dan Canada. Program ini bertujuan untuk memberikan peserta pemahaman menyeluruh tentang kepelbagaian budaya Negara Brunei Darussalam, alam semula jadi, dan warisan Islam. Peserta-peserta telah menerokai kekayaan budaya Negara Brunei Darussalam melalui pengalaman seperti masakan dari hutan ke pinggan (*jungle-to-plate cuisine*), bengkel kraftangan, serta pendedahan kepada seni, muzik, dan adat puak-puak Brunei. Itinerari juga merangkumi lawatan ke galeri pameran, muzium, dan mercu tanda bersejarah yang memberikan gambaran mendalam tentang warisan Islam dan kepentingan sejarah Brunei.

PELANCONGAN ISLAMIK

Sepertimana yang diketahui, Pelancongan Islamik sememangnya berpotensi besar sebagai salah satu tarikan pelancong yang menarik di negara ini dan seterusnya dapat menyumbang kepada pendapatan negara melalui sektor pelancongan. Negara Brunei Darussalam terkenal dengan keamanan serta keindahan warisan Islamnya. Walaupun sektor ini berada dalam fasa ketiga hala tuju industri pelancongan negara, langkah-langkah awal telahpun diambil untuk mempercepat perkembangannya.

Pada masa ini, terdapat beberapa ejen-ejen pelancongan Islam yang menyediakan pakej-pakej lawatan seperti ke Masjid Omar 'Ali Saifuddien yang terkenal dengan seni bina yang indah dan megah, Jame' Asr Hassanil Bolkiah yang sinonim dengan suasana tenang serta damai, Pusat Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanil Bolkiah yang mempamerkan warisan tradisi kaligrafi Islam yang penting dalam budaya dan sejarah Islam, dan Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanil Bolkiah (BKISHHB) yang berfungsi sebagai pusat kebudayaan dan pameran artifak Islam yang berharga.

Selain lawatan ke masjid-masjid, ejen-ejen yang mempromosikan pakej pelancongan Islam juga menawarkan *Masjid Tour*, pengalaman Ramadhan di Negara Brunei Darussalam, sambutan Hari Raya Aidil Fitri serta peluang untuk menyertai perarakan Sambutan Maulidur Rasul. Para pelancong juga berpeluang menyaksikan pelbagai tradisi Islam tempatan yang masih diamalkan di negara ini yang turut menjadi tarikan sebagai destinasi pelancongan Islam yang ideal. Program Imarah Masjid menjadi daya tarikan pelancong di Negara Brunei Darussalam, memberi peluang untuk melawat dan beribadah di masjid-masjid indah dan bersejarah. Selain itu, Negara

Brunei Darussalam juga merupakan destinasi persinggahan bagi jemaah Umrah dari Indonesia sebelum ke Tanah Suci.

Selain itu, pelancong juga berpeluang melawat tempat-tempat bersejarah yang mendedahkan kisah-kisah permulaan penyebaran Islam di Negara Brunei Darussalam seperti Taman Arkeologi Kota Batu, Muzium Teknologi Melayu Brunei, Pusat Sejarah Brunei dan Muzium Alat Kebesaran Diraja.

Jabatan Kemajuan Pelancongan turut bekerjasama dengan Negara Filipina melalui sebuah memorandum persefahaman yang bertujuan untuk meningkatkan kedatangan pelancong dan menyokong pertumbuhan sektor pelancongan niche seperti pelancongan islam.

No. Soalan: PT10

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH
BINTI SHEIKH HAJI ABD SALAM**

SOALAN:

YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD SALAM meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan jika Kementerian mempunyai pelan mitigasi yang bersifat komprehensif dan 'prediction tools' bagi mengurangkan risiko, impak dan meningkatkan persediaan untuk menangani masalah banjir. Perkara ini mungkin terjadi disebabkan kesan atau impak perubahan iklim tidak dapat dikawal sehingga terdapat peningkatan tahap air di kawasan-kawasan yang rendah yang tidak pernah mengalami banjir.

JAWAPAN:

Secara keseluruhannya, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Saliran dan Pembentungan mempunyai tiga kaedah untuk membuat rancangan pengurangan risiko dan impak banjir di seluruh negara iaitu: kajian-kajian terperinci, *real-time data*, dan pemodelan banjir (*flood modelling*).

Kaedah-kaedah tersebut memberikan maklumat komprehensif kepada Jabatan Saliran dan Pembentungan untuk memahami punca serta mekanisme kejadian banjir untuk mengenalpasti dan seterusnya memberi keutamaan kepada langkah-langkah mitigasi di kawasan yang dikenalpasti berisiko tinggi. Langkah-langkah mitigasi tersebut telah dimasukkan ke dalam perancangan mitigasi banjir di bawah Rancangan Kemajuan Negara ke-11 (RKN11) dan projek-projek yang dirancang di bawah Rancangan Kemajuan Negara ke-12 (RKN12).

KAEDAH 1: KAJIAN-KAJIAN TERPERINCI

Antara inisiatif utama di bawah RKN12 ialah "**Kajian Pelan Induk Saliran Brunei Darussalam dan Kajian Pengurusan Dataran Banjir bagi Sungai Belait dan Temburong**", yang dijadualkan untuk ditawarkan pada 19 Mac 2025 melalui Request for Quotation (RFQ). Kajian komprehensif ini bertujuan membangunkan pelan pengurusan saliran yang mampan untuk menangani isu banjir dan limpahan air hujan berlebihan, dengan mengambil kira kesan perubahan iklim serta perubahan guna tanah.

Skop kajian ini merangkumi semakan semula pelan induk sedia ada, pengemaskinian pangkalan data kawasan mudah banjir serta cadangan penyelesaian pengurusan banjir melalui penambahbaikan infrastruktur saliran yang diperlukan dan penilaian semula sistem saliran semasa. Disamping itu, kajian ini memberi tumpuan kepada

pengurusan dataran banjir bagi Sungai Belait dan Temburong melalui penilaian risiko banjir di kawasan dataran banjir serta cadangan penyelesaian mitigasi banjir secara struktur (fizikal) dan bukan struktur (bukan fizikal).

Selain kajian yang terbaharu ini, salah satu kajian yang pernah dibuat sebelum ini adalah **“Kajian Pelan Pengurusan Tadahan Bersepadu (Integrated Catchment Management Plan) bagi Daerah Belait”** yang disiapkan pada 2016. Kajian ini telah mengenal pasti kawasan-kawasan yang terdedah kepada banjir melalui pengumpulan data dan pemodelan banjir. Hasil kajian tersebut membolehkan perancangan langkah mitigasi untuk telah dilaksanakan di bawah RKN11 seperti **“Projek Menaiktaraf Sungai Utama Dan Anak Sungai Di Kampung Lumut Dan Kawasan Perbandaran Seria”**. Cadangan-cadangan lain dari kajian itu telah dimasukkan ke RKN12 iaitu:

- Pembinaan skim pencegahan banjir dengan stesen pam di muara Sungai Jalan Maulana, Kuala Belait;
- Pembinaan saluran utama menuju ke stesen pam di Kampung Sungai Bera, Seria;
- Kerja-kerja penambahbaikan saluran di Daerah Belait Fasa 1; serta
- Pembinaan stesen pam saluran di Lot F17, Seria.

Di samping projek-projek ini, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Saliran dan Pembetungan turut menggunakan peruntukan belanjawan tahunan untuk menambah baik sistem saluran sedia ada.

Penambahbaikan dan penyelenggaraan berkala melalui kontrak-kontrak penggal giat dilaksanakan berasaskan dapatan kajian terdahulu, bagi memastikan sistem saluran berfungsi optimum dan langkah mitigasi dirancang berkesan. Usaha berterusan Kerajaan ini telah menunjukkan impak positif dengan pengurangan kawasan berisiko banjir dari 328 km persegi pada tahun 2020 kepada 285 km persegi pada tahun 2024.

KAEDAH 2: REAL-TIME DATA

Dari segi *‘prediction tools’* dan sistem amaran awal, Jabatan Saliran dan Pembetungan telah memasang **32 stesen turunan hujan** di seluruh negara yang mencatatkan data turunan hujan secara *real-time*. Data ini membantu menilai corak hujan serta mengesan trend peningkatan hujan yang boleh meningkatkan risiko banjir di sesuatu kawasan.

Selain itu, paras air sungai di kawasan kritikal dipantau secara masa nyata menggunakan peranti Internet of Things (IoT) di lokasi strategik seperti Sungai

Kedayan dan Sungai Damuan. Inisiatif ini akan diperluas secara berperingkat. Sebagai Contoh, lebih banyak sensor paras air akan dipasang melalui **“Projek Drainage Data Management Support System Fasa 1 di bawah inisiatif Next Generation Weather Analysis, Forecast and Warning Integrated System”** dibawah kendalian Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam.

Melalui kerjasama dengan Jabatan Kajicuaca, Jabatan Saliran dan Pembetulan mempunyai akses kepada ramalan cuaca terkini secara berterusan bagi mengenal pasti potensi hujan lebat atau ribut yang boleh menyebabkan banjir. Di samping itu, statistik kejadian banjir yang dikumpul oleh Jabatan Kerja Raya digunakan untuk mengenal pasti trend serta kekerapan banjir di kawasan terjejas, membolehkan perancangan mitigasi yang lebih proaktif.

KAEDAH 3: PEMODELAN BANJIR (FLOOD MODELLING)

Dengan kerjasama konsultan tempatan, kawasan yang berisiko tinggi yang sering mengalami banjir telah dikenalpasti oleh Jabatan Saliran dan Pembetulan melalui pemetaan kawasan mudah banjir. Melalui pemetaan ini, kawasan yang kerap banjir telah dikenal pasti. Manakala pemodelan membolehkan unjuran dibuat berdasarkan faktor seperti intensiti hujan, kapasiti sistem saliran, dan kenaikan paras air di kawasan tadahan. Pendekatan ini adalah selaras dengan amalan terbaik antarabangsa dalam menghadapi cabaran banjir, di mana teknologi terkini dan pelan mitigasi strategik serta holistik digunapakai demi melindungi kawasan berisiko serta memastikan kesejahteraan rakyat.

Melalui ketiga-tiga kaedah yang disebutkan di atas, kawasan risiko tinggi yang telah dikenal pasti dan akan diberikan perhatian dalam perancangan mitigasi banjir akan datang adalah:

Daerah Brunei-Muara	○ Kampung Anggerek Desa
	○ Kampung Kapok
	○ Pantai Serasa
	○ Kampung Subok
	○ Mukim Gadong
Daerah Tutong	○ Kampung Sengkarai
	○ Kampung Bakiau
	○ Mukim Rambai

	○ Kampung Bukit Beruang
Daerah Temburong	○ Mukim Bangar
	○ Mukim Bokok
	○ Mukim Labu
	○ Mukim Batu Apoi
Daerah Belait	○ Kampung Sungai Teraban
	○ Mukim Labi
	○ Mukim Bukit Sawat
	○ Mukim Sukang

Sebagai kesimpulan, pendekatan komprehensif, penggunaan alat ramalan canggih, dan pelaksanaan projek mitigasi secara berfasa ini diharap akan meningkatkan tahap kesiapsiagaan negara dalam mengurangkan risiko serta impak banjir, demi keselamatan orang awam dan perlindungan harta benda.

No. Soalan: PT17

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan langkah kementerian boleh menggalakkan atau memudahkan penyerapan insentif untuk mencapai kecekapan tenaga dan inisiatif hijau dalam perancangan projek-projek. Adakah kementerian mempunyai inisiatif atau pelan sokongan yang dapat mendorong pemaju untuk mengintegrasikan amalan mesra alam dalam projek mereka, sekaligus mewujudkan persekitaran yang lebih mampan.

JAWAPAN:

Kementerian Pembangunan telah dan terus melaksanakan beberapa inisiatif untuk menggalakkan dan mempermudah penyerapan amalan kecekapan tenaga dan inisiatif hijau dalam perancangan projek pembangunan.

Selaras dengan Dasar Perubahan Iklim Negara, khususnya strategi yang berkaitan dengan pengurangan *emission* dan kecekapan tenaga, Kementerian telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mendorong pemaju mengintegrasikan amalan mesra alam dalam projek pembangunan mereka. Antara langkah dan pelan sokongan yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- **Pengenalan garis panduan bangunan hijau Brunei Accredited Green Unified Seal (BAGUS):** **Brunei Accredited Green Unified Seal (BAGUS)** adalah sistem pengiktirafan bangunan hijau yang diperkenalkan oleh Kementerian Pembangunan Brunei pada Mac 2016. BAGUS bertujuan untuk menilai dan mengiktiraf bangunan bukan kediaman yang mencapai piawaian tertentu dalam reka bentuk hijau, keberlanjutan alam sekitar, dan penggunaan tenaga yang efisien tanpa menjejaskan keselesaan pengguna.

Pada tahun 2025, Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCI) telah menyediakan Garis Panduan yang lebih terperinci sebagai panduan untuk mendapatkan pengiktirafan BAGUS bagi bangunan-bangunan bangunan Kerajaan sedia ada serta projek-projek bangunan baharu di bawah kategori bangunan Kerajaan, komersial, perumahan bertingkat (seperti pangsapuri) dan perindustrian.

Melalui BAGUS, tahap “kehijauan” atau kelestarian sesebuah bangunan dinilai dan diberikan pengiktirafan dalam empat kategori berbeza berdasarkan markah inisiatif hijau yang diterapkan iaitu: Platinum (tertinggi), Emas (Gold), Perak (Silver) dan *Certified* (asas). Pengiktirafan ini mengambil kira pelbagai aspek seperti reka bentuk cekap tenaga, pengurangan penggunaan air, penggunaan bahan lestari, pengurusan sisa semasa pembinaan, dan sebagainya.

Inisiatif BAGUS juga mengambil kira usaha penghijauan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa seperti Pensijilan *Green Mark* di bawah Building and Construction Authority (BCA), Republik Singapura. Pada 19 Januari 2023, Bangunan Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC) melakar sejarah sebagai bangunan pertama di Negara Brunei Darussalam yang mencapai Pensijilan Hijau taraf Platinum di bawah Pensijilan *Green Mark*. Pencapaian ini membuktikan potensi tinggi dalam pencapaian standard tinggi bangunan hijau di negara ini.

- **Insentif Perancangan Bagi Pemaju Mesra Alam:** Bagi mendorong pemaju untuk mengguna pakai prinsip reka bentuk hijau, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa telah mengintegrasikan insentif khusus dalam prosedur Kebenaran Merancang. Kini, pencapaian pengiktirafan BAGUS diambil kira sebagai salah satu kriteria kelulusan perancangan. Pemaju yang mempunyai projek yang mendapat pengiktirafan BAGUS diberikan insentif tambahan keluasan lantai (*floor area bonus*) melebihi had standard yang dibenarkan mengikut tahap pengiktirafan seperti berikut:

- Pengiktirafan Platinum: Tambahan 20% keluasan lantai dibenarkan melebihi keluasan asal yang diluluskan;
- Pengiktirafan Emas: Tambahan 15% keluasan lantai;
- Pengiktirafan Perak: Tambahan 10% keluasan lantai; dan
- Pengiktirafan *Certified*: Tambahan 5% keluasan lantai.

Insentif ini bermakna pemaju boleh membina ruang lantai lebih besar (contohnya menambah unit atau keluasan kedai/pejabat) daripada kebiasaan sekiranya mereka mencapai tahap bangunan hijau tertentu. Langkah ini memberi motivasi langsung kepada pemaju untuk melabur dalam ciri-ciri hijau kerana mereka mendapat pulangan dalam bentuk nilai hartanah yang lebih tinggi. Disamping itu, ABCi juga sedang merancang untuk menganjurkan Anugerah Pengiktirafan BAGUS bagi memberi penghargaan kepada pemaju dan pemilik bangunan yang berjaya mencapai tahap tinggi dalam pengiktirafan

bangunan hijau. Penganugerahan ini akan memupuk persaingan sihat dalam kalangan industri pembinaan untuk mencapai standard lebih baik dalam amalan mesra alam.

- **Kaedah sokongan lain:** Melalui Dasar Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam dan strategi-strategi kebangsaan ke arah pembangunan mampan, Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim Brunei di bawah Jabatan Perdana Menteri juga menggariskan sasaran dan dasar yang menjadi rujukan dalam pembinaan bangunan, termasuk menggalakkan tenaga lestari dan kecekapan tenaga dalam bangunan serta kempen kesedaran awam. Selain itu, Skim Produk Mampan (*'Sustainable Products Scheme'*) telah diperkenalkan oleh ABCi pada tahun 2022 untuk mendaftarkan bahan dan produk binaan yang mampan bagi menggalakkan penggunaannya. Menurut data yang terkini, lebih daripada 80 produk telah diluluskan di bawah skim ini, termasuk produk-produk tempatan yang mempunyai kesan jejak karbon yang baik.

Dengan pendekatan menyeluruh yang merangkumi garis panduan, pensijilan dan insentif perekonomian, Kementerian Pembangunan telah dan akan meneruskan usaha untuk mewujudkan ekosistem pembinaan hijau di negara ini. Langkah-langkah ini diharap dapat memupuk budaya pembangunan mampan dalam kalangan pemaju tempatan, di mana amalan mesra alam bukan lagi satu pilihan sampingan tetapi menjadi arus perdana dalam setiap projek. Selaras dengan Dasar Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam, usaha-usaha ini adalah selaras dengan matlamat untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau di seluruh negara serta menyediakan persekitaran kehidupan yang lebih sihat dan lestari bagi generasi kini dan akan datang.

No. Soalan: PT21

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN

SOALAN:

YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan perancangan untuk mempercepat dan memperluaskan inisiatif ekonomi kitaran, termasuk insentif kepada perniagaan dan penyepaduannya dalam pelan ekonomi negara. Ini berdasarkan fakta bahawa hampir 46% sisa di tapak pelupusan adalah sisa makanan dan kepentingan ekonomi kitaran selaras dengan SDG12 untuk mengurangkan kebergantungan kepada import, menjana peluang ekonomi, serta menyokong kelestarian alam sekitar.

JAWAPAN:

Kementerian Pembangunan menyokong penuh konsep ekonomi kitaran (*circular economy*) dalam pengurusan sisa, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 12: *Responsible Consumption and Production*. Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) telah merangka perancangan untuk mempercepat dan memperluaskan inisiatif ekonomi kitaran, termasuk menyediakan insentif kepada pihak industri dan menyepadukan konsep tersebut dalam perancangan ekonomi negara. Fokus utama adalah menangani isu sisa pepejal terutamanya sisa makanan yang dianggarkan menyumbang **sekitar 46% sisa di tapak pelupusan** agar dapat dikurangkan dan dijadikan sumber baharu yang bernilai.

Selaras dengan Strategi Pengurusan Sisa di bawah Dasar Perubahan Iklim Negara, yang mensasarkan pengurangan penjejakan sampah kepada 1.0 kg seorang sehari menjelang 2035 serta pengurangan pelepasan metana dari tapak pelupusan, beberapa projek dan inisiatif sedang diusahakan seperti berikut:

- **Pembinaan Loji “Waste to Energy” (WtE):** Salah satu inisiatif utama ialah perancangan penubuhan sebuah loji pelupusan sisa kepada tenaga di negara ini. Projek fasiliti WtE ini bertujuan menukar sisa buangan kepada sumber tenaga boleh diperbaharui melalui teknologi insinerator moden. Insinerator tersebut mampu menghapuskan sisa pada suhu tinggi, seterusnya menjanakan tenaga elektrik hijau daripada haba pembakaran.

Teknologi WtE sedemikian bukan sahaja mengurangkan keperluan tapak pelupusan baharu – dengan drastik mengurangkan volum sisa hingga tinggal

residu abu – malah residu atau hasil sampingan proses pembakaran itu boleh dimanfaatkan dalam industri pembinaan (contohnya sebagai bahan campuran jalan raya atau blok konkrit) dan bidang hortikultur. Ini sejajar dengan konsep “waste-to-resource” di mana sisa dilihat sebagai sumber yang boleh diguna semula.

Melalui kerjasama di antara Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, kajian terperinci bagi projek WtE sedang dijalankan bagi mengenal pasti teknologi sesuai dan tapak lokasi optimum. Model pembiayaan yang bersesuaian turut diteliti termasuk pertimbangan untuk memanfaatkan kaedah *public-private partnership (PPP)* memandangkan kos infrastruktur WtE yang tinggi. Apabila beroperasi, loji WtE ini dijangka dapat mengurus sebahagian besar sisa domestik harian dan menyumbang kepada sasaran tenaga boleh diperbaharui negara.

- **Memperkasa Industri Kitar Semula Tempatan:** Usaha seterusnya ialah membantu mengembangkan dan mempelbagaikan keupayaan syarikat-syarikat kitar semula yang memberi perkhidmatan melalui dasar dan peraturan yang sedia ada serta yang baharu. Ini termasuk memastikan bahawa aktiviti atau pemprosesan sisa buangan yang dilaksanakan memenuhi standard berkualiti mengikut kehendak dan persyaratan yang ditetapkan.
- **Inisiatif Pengurusan Sisa Makanan (“Eco Food Waste Initiative”):** Pada 27 Februari 2025, JASTRe telah melancarkan *Eco Food Waste Initiative*. Inisiatif ini bertujuan menggalakkan amalan pengasingan dan pengkomposan sisa makanan di pelbagai peringkat. Antaralain, garis panduan pengurusan sisa makanan telah diedarkan kepada orang ramai yang merangkumi pelbagai panduan termasuk penyimpanan sisa organik dapur dalam bekas berasingan, kaedah membuat bahan kompos di rumah serta tip mengurangkan pembaziran makanan seperti merancang pembelian dan menyimpan lebihan makanan dengan betul.

JASTRe juga menjalankan kempen kesedaran awam melalui media massa dan bengkel komuniti mengenai cara-cara mengitar semula sisa makanan menjadi bahan kompos. Bahan kompos ini boleh digunakan untuk menyuburkan tanah dan meningkatkan hasil tanaman, sekali gus menyokong agenda sekuriti makanan negara. Dalam jangka panjang, amalan pengkomposan yang meluas dapat mengurangkan jumlah sisa organik yang dihantar ke tapak pelupusan, seterusnya mengurangkan pelepasan gas *methane*.

- **Hala Tuju Brunei Economic Blueprint:** Secara lebih besar, *Brunei Economic Blueprint* dibawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi menggariskan misi

“Towards a Dynamic and Sustainable Economy” (“Ke Arah Ekonomi Dinamik dan Mampan”) yang menekankan kelestarian sebagai prinsip teras bagi pembangunan ekonomi masa depan. Ini bermakna inisiatif seperti penukaran sisa kepada tenaga dan peningkatan kitar semula bukan sahaja dilihat sebagai inisiatif alam sekitar tetapi juga diiktiraf sebagai peluang untuk menghasilkan nilai ekonomi dan pekerjaan baru.

Sebagai contoh, loji WtE akan melibatkan pelaburan asing dan pemindahan teknologi yang sekaligus menyumbang kepada ekonomi negara di samping menyelesaikan masalah sisa. Pada masa yang sama, inisiatif kitar semula yang lebih tinggi di peringkat tempatan boleh mewujudkan industri hiliran (contohnya menghasilkan produk daripada plastik atau kertas kitar semula), menyumbang kepada KDNK dan pelbagaian ekonomi.

Kementerian Pembangunan akan meneruskan usaha dalam peralihan kepada ekonomi kitaran yang bukan sahaja mengurangkan pembuangan sisa ke tapak pelupusan, bahkan menjana peluang ekonomi baharu daripada sisa tersebut. Langkah ini juga selaras dengan matlamat mengurangkan kebergantungan kepada import contohnya, jika kompos dihasilkan dalam negara, keperluan import baja kimia dapat dikurangkan; jika bahan kitar semula digunakan semula, import bahan mentah dapat diijamatkan. Dalam konteks lebih luas, inisiatif ini menyokong Wawasan Brunei 2035 dengan mewujudkan sumber ekonomi yang mampan.

No. Soalan: PT32

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA HAJI
AWANG SUYOI BIN HAJI OSMAN**

SOALAN:

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA HAJI AWANG SUYOI BIN HAJI OSMAN meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan perancangan untuk (i) membangun rumah dibawah Skim Perumahan Negara dengan kaedah yang baru seperti PPP dan (ii) mengenalpasti tapak tanah baru untuk diberikan dibawah Skim Kurnia Tanah Rakyat Jati. RPN telah memudahkan pemilikan rumah dan Alhamdulillah meringankan dari segi penyediaan perumahan. Walaubagaimanapun senarai yang memohon perumahan sudah bertambah, begitu juga kelamaan menunggu.

JAWAPAN:

Penyediaan perumahan di bawah Skim Perumahan Negara (RPN) merupakan salah satu keutamaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat Baginda.

Sehingga hari ini, lebih **31,000 unit rumah** telah disediakan di seluruh negara di bawah Skim Perumahan Negara. Projek-projek perumahan ini dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan sejak RKN Ke-5 hingga RKN Ke-11 dengan perbelanjaan dianggarkan sekitar **BND 4.03 bilion** untuk pembangunan perumahan RPN.

Secara keseluruhannya, Kerajaan menanggung kos purata **BND 130,000 bagi setiap rumah**, dan subsidi Kerajaan ialah dalam lingkungan **50%** bagi setiap rumah. Ini bermakna secara kasar jumlah subsidi Kerajaan semenjak Skim Perumahan Negara dimulakan adalah sekitar **BND 2 bilion**. Perbelanjaan ini jelas menunjukkan komitmen Kerajaan membantu rakyat untuk memiliki rumah mampu milik, selaras dengan Dasar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk membantu golongan rakyat Baginda yang memerlukan bantuan untuk mendapatkan perumahan.

Pada masa ini, tidak dapat dinafikan bahawa permintaan perumahan semakin meningkat tahun demi tahun, dan tempoh menunggu untuk mendapat rumah juga semakin panjang. Oleh itu, Kementerian Pembangunan memberikan tumpuan kepada merangka beberapa pendekatan baharu termasuk meneroka kaedah Public-Private Partnership (PPP) dalam pembangunan perumahan disamping

mengenal pasti tapak-tapak tanah baharu untuk kegunaan perumahan di bawah skim ini. Perkara ini amat penting untuk memastikan kelestarian Skim Perumahan Negara dalam jangka panjang dari segi kewangan dan pada yang sama tetap memenuhi Dasar untuk menyediakan rumah kepada rakyat yang memerlukan bantuan untuk mendapatkan perumahan.

- **Rancangan membangunkan rumah di bawah RPN melalui PPP:** Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan telah mengorak langkah ke arah model PPP dalam pembangunan perumahan. Pada masa ini, Jabatan Kemajuan Perumahan bersama *Brunei Economic Development Board (BEDB)* telah mengenal pasti konsep '*Developer Housing Scheme*' berasaskan PPP.

Melalui konsep ini, Jabatan Kemajuan Perumahan akan bekerjasama dengan pemaju perumahan tempatan yang berkeelayakan untuk membina rumah di atas tanah Kerajaan yang diperuntukkan khas bagi tujuan program ini. Pemohon Skim Perumahan Negara yang layak dan mampu mendapatkan pembiayaan bank akan ditawarkan membeli rumah tersebut secara langsung daripada pemaju swasta. Model ini berbeza daripada kaedah sebelum ini (Kerajaan membiayai pembinaan secara keseluruhan dan menyerahkan rumah) kerana pemaju akan menanggung kos pembinaan dan menjual kepada pembeli RPN pada harga kos (*cost price*) pembinaan. Manakala, Kerajaan akan menyediakan subsidi berbentuk pemberian tanah secara pajakan jangka panjang secara percuma atau pada harga nominal, serta menyediakan infrastruktur asas (jalan, lampu jalan, bekalan air dan bekalan elektrik) di tapak berkenaan. Dengan adanya subsidi tanah dan infrastruktur oleh Kerajaan, harga jualan rumah PPP ini dapat dikekalkan pada paras mampu milik iaitu lebih rendah daripada harga pasaran bagi rumah yang setara.

Skim perumahan secara PPP ini bertujuan untuk meningkatkan kapasiti pembinaan rumah dengan penglibatan dana dan kepakaran sektor swasta, sekaligus mengurangkan beban kewangan Kerajaan. Bagi memastikan keberhasilan konsep ini, Jabatan Kemajuan Perumahan dan BEDB akan mengadakan sesi libat urus bersama institusi kewangan (bank) pada suku kedua tahun 2025.

Dialog ini bertujuan mendapatkan input pihak bank mengenai skema pembiayaan pinjaman kepada pembeli RPN di bawah model PPP sebagai contoh, struktur pinjaman, kadar faedah bersubsidi atau jaminan Kerajaan jika perlu. Disamping itu, sesi taklimat dan perbincangan bersama pemaju-pemaju hartanah tempatan juga akan diadakan pada suku kedua 2025 untuk memaklumkan secara terperinci tentang mekanisme *Developer Housing Scheme* ini serta kriteria pemilihan pemaju.

Jabatan Kemajuan Perumahan akan memastikan hanya pemaju yang berupaya dari segi kewangan dan teknikal dilantik, agar projek berjalan lancar dan pembeli mendapat rumah berkualiti tepat pada masanya. Sebagai permulaan, skim rintis (pilot) berkonsep PPP ini dihasratkan dapat dimulakan di salah satu kawasan RPN dalam masa terdekat setelah semua persiapan dan perjanjian dimuktamadkan.

Dalam jangka panjang, sekiranya model PPP ini berjaya, ia boleh diperluaskan lagi dan menjadi komponen tetap dalam program perumahan negara. Objektif utama adalah untuk mempercepatkan kadar pembinaan rumah baharu setiap tahun (dengan suntikan modal swasta), tanpa menjejaskan matlamat sosial RPN kerana Kerajaan masih memberikan subsidi perumahan. Pada masa sama, Kerajaan dapat memfokuskan peruntukan kepada golongan paling memerlukan dan projek infrastruktur lain, manakala pasaran swasta membantu memenuhi permintaan perumahan secara lebih fleksibel dan inovatif.

- **Tapak-Tapak tanah baharu:** Bermula pada tahun 2010, Kerajaan telah menggabungkan Skim Rancangan Perumahan Negara (RPN) dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati untuk menjadi satu Skim iaitu Skim Perumahan Negara dalam mana, Jabatan Kemajuan Perumahan telah mengenalpasti tapak-tapak tanah baru bagi pembinaan rumah-rumah di bawah Skim Perumahan Negara.

Selepas siapnya pembinaan rumah-rumah teres di tapak Perumahan Negara Kg. Lugu Fasa 2 dan pembinaan rumah-rumah teres di tapak Perumahan Negara Kg. Tanah Jambu Fasa 7 yang sedang berjalan pada masa ini, Jabatan Kemajuan Perumahan mempunyai sebanyak sembilan belas (19) simpanan tapak tanah di seluruh negara yang merangkumi keempat-empat Daerah. Tapak-tapak ini telah diperuntukkan khusus untuk pembangunan perumahan pada masa hadapan bagi Skim Perumahan Negara.

Selain 19 tapak simpanan ini, Jabatan Kemajuan Perumahan bersama Jabatan Perancangan Bandar dan Desa juga sedang meneliti lima (5) tapak tanah baharu untuk dinilai kesesuaiannya sebagai kawasan perumahan RPN. Tapak-tapak baharu ini melibatkan beberapa lokasi di Daerah Brunei dan Muara, Tutong dan Belait, yang dikenal pasti berpotensi tetapi masih di peringkat awal (*inception stage*). Penelitian meliputi kajian kesesuaian tanah, kos penyediaan infrastruktur asas, serta impak kepada alam sekitar dan komuniti setempat. Status semasa lima tapak ini adalah peringkat kajian awal konsep, dan memerlukan melalui proses kelulusan perancangan dan perolehan bajet sebelum boleh diwartakan sebagai tapak RPN baharu.

Dalam konteks rancangan jangka panjang, Jabatan Kemajuan Perumahan juga sedang mengkaji pendekatan konsep rumah jenis *vertical* atau apartmen. Pendekatan ini akan memaksimumkan penggunaan tapak tanah yang terhad dengan lebih efisien disamping menitikberatkan kemampuan pemohon Skim Perumahan Negara.

Cadangan rumah jenis *vertical* atau apartmen ini perlu diterokai dan dikaji sedalam-dalamnya dan dinilai dari pelbagai sudut agar ianya memenuhi keperluan Rakyat untuk jangka masa yang panjang. Kesesuaian dari segi rekabentuk, kos pembinaan yang berpatutan serta kadar subsidi yang rasional adalah diantara faktor-faktor yang perlu diambil kira dalam penilaian bagi cadangan ini.

Sebagai kesimpulan, Kementerian Pembangunan akan terus mengambil tindakan proaktif bagi menangani cabaran penyediaan perumahan masa depan. Ini merangkumi penerokaan model pembiayaan alternatif (PPP) supaya lebih banyak rumah dapat dibina dengan cepat, serta perancangan tapak baharu termasuk potensi pembangunan secara vertikal bagi memanfaatkan tanah secara optimum. Langkah-langkah pembaharuan ini diharap akan mempercepat pencapaian matlamat menyediakan perumahan mencukupi, berkualiti dan mampu milik kepada rakyat, sekaligus meneruskan legasi Skim Perumahan Negara sebagai satu inisiatif kebajikan terunggul di Negara Brunei Darussalam.

No. Soalan: PT43

PERTANYAAN : BERTULIS**DARIPADA : YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF****SOALAN:**

YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan inisiatif dan pelan tindakan penambahbaikan bagi memastikan semua proses lebih efektif, efisien dan segera dalam mendokong negara merealisasikan dasar *ease of doing business* dan menarik lebih ramai lagi pelabur asing (FDI). Terdapat banyak aduan dan maklumat telah di terima daripada pemohon-pemohon termasuk pengusaha bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang dikendalikan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian Pembangun khususnya ABCi, Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan Jabatan Tanah.

JAWAPAN:

Kementerian Pembangunan mengambil berat akan pentingnya untuk mempertingkatkan keberkesanan, kecekapan dan kepantasan proses kerja dalam menyokong dasar *ease of doing business* dan usaha menarik lebih ramai pelabur asing (FDI). Sehubungan itu, pelbagai inisiatif penambahbaikan telah dan sedang dilaksanakan oleh agensi-agensi di bawah kementerian ini khususnya Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCI), Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), dan Jabatan Tanah bagi memudah cara urusan para pemohon, peniaga dan pelabur. Berikut merupakan langkah-langkah utama yang diambil oleh setiap agensi berkaitan:

- **Inisiatif di bawah Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCI):** Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, ABCi telah mengambil langkah transformasi proses untuk meningkatkan kecekapan seperti berikut:
 - **Pencapaian Terkini:** Mengikut statistik terkini, ABCi telah menerima sejumlah 6,701 permohonan sepanjang tahun 2024. Bagi ketiga-tiga proses yang dilaksanakan di ABCi sahaja, jumlah peratus permohonan yang mencapai sasaran menepati TPOR hari bekerja mulai Julai 2023 adalah secara purata sebanyak 88%.

- Penambahbaikan Sistem OneBiz (atas talian): ABCi telah memperkukuh penggunaan platform OneBiz (sistem dalam talian bagi permohonan perniagaan dan pembangunan). Satu fungsi baharu yang diperkenalkan ialah fungsi “*Request Amendment*” dalam sistem OneBiz. Melalui fungsi ini, jika pihak ABCi mendapati terdapat ketidakselarasan atau kesilapan dalam dokumen permohonan yang dikemukakan, pegawai ABCi boleh mengembalikan permohonan secara online kepada *Qualified Person* (QP) (arkitek atau jurutera profesional yang mewakili pemohon) dengan menyertakan ulasan dan pembetulan yang diperlukan. QP kemudiannya boleh membetulkan dan mengemas kini permohonan dengan segera di dalam talian.

Pendekatan ini mengelakkan keperluan pemohon datang berulang kali ke kaunter dan mengurangkan masa menunggu. Fungsi “*Request Amendment*” ini mula dilaksanakan bagi permohonan Borang C (kelulusan memulakan kerja bangunan) dan Permit Menduduki (*Occupation Permit*) pada Jun 2024, dan diperluaskan kepada permohonan Kelulusan Pelan Bangunan mulai Januari 2025. QP telah dimaklumkan mengenai prosedur baharu ini melalui Nota Panduan Industri yang diedarkan – rujukan bil. 2024/IGN/02 (18 Jun 2024) dan 2025/IGN/01 (11 Januari 2025). Hasilnya, banyak permohonan dapat diperbetul dan diluluskan lebih cepat kerana komunikasi antara ABCi dan QP menjadi lebih langsung dan telus.

- ‘Co-location’ Wakil Agensi Teknikal di ABCi: Bermula Januari 2025, beberapa wakil agensi yang terlibat dalam proses permohonan Kerja Tanah telah ditempatkan di pejabat ABCi bagi memudahkan komunikasi dan penyelarasan dalam membuat keputusan bagi permohonan berkaitan dengan kemajuan; bagi penambahbaikan proses jabatan masing-masing dalam hal ehwal kemajuan; bagi mempercepatkan proses iaitu boleh mengurangkan masa dan tempoh memproses kerana lebih fokus kepada proses kemajuan sahaja; dan bagi memudahkan orang ramai / pihak berkepentingan untuk membuat pertanyaan / berurusan.
- Inisiatif di bawah Jabatan Tanah: Jabatan Tanah juga giat melaksanakan usaha mempercepat proses dan mengurangkan kerenah birokrasi, terutama yang berkaitan urusan pelabur dan orang ramai seperti berikut:
 - Penambahbaikan Proses Dalaman: Beberapa poses kerja dalaman Jabatan Tanah telah dikaji semula. Beberapa prosedur kerja dikemas kini dan birokrasi telah dikurangkan. Langkah-langkah ini bertujuan

mempercepatkan proses membuat keputusan dan penyampaian perkhidmatan Jabatan Tanah kepada pelanggan.

Sebagai contoh, permohonan pindah milik tanah yang dikenakan cukai setem sebelum ini dimestikan untuk membuat pembayaran BND 1,000 sebagai deposit awal kepada cukai setem yang akan dikira kemudian setelah selesai penaksiran dibuat. Jika sekiranya cukai setem adalah lebih daripada BND 1,000.00, penerima tanah dimestikan untuk membuat top-up terhadap pembayaran atau jika sekiranya kurang, maka pihak Kerajaan akan membuat pembayaran balik baki perbezaan. Proses ini adalah memakan masa yang sangat lama dan menjejaskan proses kerja pindahmilik tanah.

Sekarang, proses tersebut termasuk pembayaran deposit tidak lagi dibuat dan semua permohonan pindahmilik tanah yang dikenakan cukai setem hendaklah dihadapkan kepada pihak Bahagian Penilaian terlebih dahulu untuk tujuan perkiraan cukai setem. Pemohon akan dimaklumkan jumlah bayaran dan selepas dijelaskan, permohonan pindah milik akan terus dilaksanakan dan dihadapkan ke pihak berkenaan untuk penetapan.

Dalam hal ini juga, bagi memudahkan lagi proses kerja Jabatan, orang awam juga boleh menggunakan perkhidmatan penaksir swasta yang berdaftar di bawah BOVeA dan perkiraan daripada pihak swasta boleh dihadapkan kepada pihak Bahagian Penilaian dan adalah sah digunapakai.

- Kemudahan bagi Pelaburan Asing (FDI): Jabatan Tanah menjelaskan bahawa tiada masalah mengenai dengan *land ownership rule* dalam FDI kerana permohonan adalah kebanyakannya secara pajakan tanah Kerajaan yang diberi hak milik bagi tempoh yang bersesuaian (15-30 tahun). Pajakan tanah ini memberikan hak milik sementara kepada pelabur untuk tempoh yang dipersetujui dan boleh diperbaharui.

Sebagai contoh, sebuah syarikat asing yang ingin membina kilang akan diberikan pajakan tanah perindustrian selama 30 tahun. Dasar ini memastikan pelabur asing tidak perlu memiliki tanah secara kekal (*freehold*) - yang sememangnya tidak dibenarkan bagi mereka – tetapi masih boleh mendapat jaminan penggunaan tanah jangka panjang untuk operasi mereka. Selain itu, tanah-tanah kerajaan yang telah digazetkan di bawah agensi tertentu boleh ditawarkan kepada pelabur asing secara sewaan melalui agensi tersebut. Ini memberikan fleksibiliti

kepada agensi kerajaan untuk memanfaatkan aset tanah bagi menarik FDI.

- Pemilikan hartanah melalui *Strata Title*: Melalui *Strata Title*, warganegara asing dibenarkan memiliki hartanah jenis berstrata (seperti kondominium, pangsapuri atau ruang niaga berstrata) tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Ini bermakna pelabur atau ekspatriat boleh membeli unit-unit bangunan berstrata (biasanya dengan pajakan 99 tahun) sebagai pelaburan atau kediaman. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan daya tarikan Brunei kepada pelabur asing walaupun mereka tidak dibenarkan memiliki tanah secara kekal.
- Inisiatif di bawah Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD): Bagi proses Kebenaran Merancang (*Planning Approval*) dan kawalan pembangunan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah melaksanakan pelbagai penambahbaikan pada tahun 2024, yang terbukti meningkatkan tahap pematuhan TPOR keseluruhan daripada 70% kepada 82% . Antara langkah penambahbaikan yang dilaksanakan adalah:
 - Permohonan atas talian: Permohonan Kebenaran Perancangan kini dikemukakan secara atas talian melalui sistem yang disediakan. Pemohon (atau perunding mereka) boleh mengisi borang dan memuat naik pelan melalui portal tersebut. Sistem ini juga disepadukan dengan modul untuk mendapatkan pengesahan daripada jabatan-jabatan teknikal berkaitan secara elektronik. Sebuah '*dashboard*' pemantauan status juga disediakan supaya pemohon dapat melihat status tindakan terkini. Pendekatan digital ini meningkatkan keterlulusan (*transparency*) proses dan mengurangkan interaksi bersemuka yang tidak diperlukan, seterusnya menjimatkan masa dan kos pemohon.
 - Penyelarasan proses bagi pelan tambahan/ubahsuai bangunan: JPBD telah menyelaras proses kelulusan Kebenaran Merancang bagi projek tambahan dan ubah suai bangunan dengan ABCi. Sebelum ini, pemohon perlu melalui JPBD untuk kelulusan perancangan, kemudian ke ABCi untuk kelulusan pelan bangunan. Kini bagi kerja ubahsuai kecil atau tambahan yang tidak mengubah tatatur perancangan dengan ketara, proses tersebut diselaraskan agar penilaian boleh dibuat serentak. ABCi dan JPBD berkongsi maklumat dan mungkin menjalankan pemeriksaan tapak bersama bagi kes-kes tertentu, supaya keputusan dapat dipercepat. Ini bermakna masa kelulusan secara keseluruhan bagi penambahan/ubahsuai bangunan dapat disingkatkan kerana proses berjalan seiring (*parallel process*).

- Penganjuran Klinik Kemajuan: JPBD secara konsisten menganjurkan “Klinik Kemajuan” bagi membantu pemohon, arkitek dan pemilik tanah berbincang terus dengan pegawai perancang mengenai isu permohonan mereka. Ia memberi ruang kepada pemohon yang menghadapi masalah atau kelewatan untuk mendapat penjelasan dan khidmat nasihat secara langsung. Contohnya, jika pelan ditolak kerana tidak memenuhi garis panduan, pemohon boleh datang ke klinik dan pegawai akan menerangkan apa yang perlu diperbetulkan. Pendekatan ini amat membantu dalam menyelesaikan isu dengan pantas serta mengelakkan permohonan tertangguh terlalu lama akibat masalah yang sebenarnya boleh diselesaikan melalui komunikasi terus.
- Platform semakan status & notifikasi SMS: Di samping penyediaan *dashboard* atas talian bagi semakan status permohonan, JPBD telah memperkenalkan perkhidmatan SMS pemberitahuan. Ini memastikan pemohon sentiasa peka dengan status permohonan tanpa perlu menelefon atau hadir sendiri ke pejabat, sekaligus meningkatkan kepuasan pelanggan.
- Mesyuarat teknikal berkala: JPBD juga mengadakan mesyuarat berkala dengan jabatan-jabatan teknikal melalui platform Komiti Kawalan Kemajuan bagi membincangkan sebarang isu berbangkit berkaitan permohonan atau aduan. Dalam mesyuarat ini, jika ada aduan atau kes permohonan sukar yang memerlukan persetujuan bersama, ia boleh dibincangkan dan diputuskan secara kolektif. Sebagai contoh, isu laluan infrastruktur yang melibatkan tanah kerajaan boleh diselaraskan antara Jabatan Tanah dan JKR dalam mesyuarat tersebut.
- Pemantauan dan Intervensi Terhadap Permohonan Tertangguh: JPBD telah memperkenalkan mekanisme pemantauan khas bagi permohonan yang melebihi tiga bulan tanpa tindakan susulan pemohon. Senarai permohonan sedemikian akan disemak, dan pegawai akan berhubung semula dengan pemohon untuk mengenalpasti langkah ke hadapan. Sekiranya pemohon menghadapi masalah tertentu, JPBD akan mempertimbangkan langkah intervensi yang sesuai untuk menyelesaikan isu tersebut. Tujuan utamanya ialah mengelakkan berlakunya *backlog* permohonan yang tertangguh terlalu lama tanpa penyelesaian yang akhirnya boleh menjejaskan statistik penyampaian perkhidmatan. Dengan pendekatan lebih proaktif ini, JPBD dapat memastikan majoriti permohonan aktif diselesaikan dalam jangka masa munasabah atau dikeluarkan daripada sistem sekiranya tidak lagi diteruskan oleh pemohon.

Secara kesimpulannya, inisiatif-inisiatif penambahbaikan yang dilaksanakan di Kementerian Pembangunan ini menunjukkan sokongan kementerian ke arah agenda *ease of doing business*. Melalui pendigitalan proses, integrasi perkhidmatan, pengurangan birokrasi, dan peningkatan komunikasi dengan pelanggan, perkhidmatan seperti kelulusan bangunan, urusan tanah dan kebenaran perancangan kini menjadi lebih cekap dan mesra pengguna. Ini secara langsung akan membantu Brunei Darussalam meningkatkan kedudukan dan reputasinya sebagai destinasi pelaburan yang kondusif. Langkah-langkah seperti pemendekan masa kelulusan permit pembinaan dan kemudahan pemilikan hartanah bagi pelabur asing turut menyumbang kepada usaha menarik Pelaburan Langsung Asing (FDI) ke negara ini. InsyaAllah, Kementerian Pembangunan akan terus memantau maklum balas orang ramai dan pihak industri terhadap sistem-sistem yang ada, dan sedia melakukan penambahbaikan berterusan untuk memastikan setiap proses di bawah tanggungjawabnya adalah efektif, efisien dan cepat seperti yang dihasratkan.

No. Soalan: PT3

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan hasil kajian mengenai kesan pemakanan terhadap prestasi akademik dan kesihatan pelajar. Sejauh mana School Meal Program boleh menangani isu malnutrisi, memastikan perkembangan fizikal yang sihat dan menyokong kesejahteraan pelajar secara holistik dalam jangka panjang.

JAWAPAN:

Bismillahirrahmanirrahim

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua,

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu koala / saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua atas ruang yang diberikan untuk kaola / saya menjawab pertanyaan bertulis PT3 yang diajukan.

Kementerian Pendidikan amat mengambil berat terhadap kesejahteraan dan kesihatan pelajar terutamanya dalam pemberian kemudahan makanan. Kementerian Pendidikan telah melaksanakan beberapa inisiatif School Meal Program seperti Skim Rancangan Permakanan Sekolah (RPS), Program Harapan dan Anak Harapan. Usaha ini adalah sama seperti komitmen yang telah diusahakan oleh negara-negara luar seperti Finland dan Singapura yang menitik beratkan pemberian kemudahan permakanan kerana percaya dengan memberikan kemudahan makanan akan dapat memastikan setiap pelajar mendapat nutrisi yang mencukupi untuk pertumbuhan dan kesejahteraan pelajar serta pembelajaran yang optimum.

Kementerian Pendidikan belum dapat membuktikan kesan atau impak kemudahan permakanan terhadap prestasi akademik memandangkan terdapat banyak faktor lain yang melibatkan pencapaian akademik pelajar seperti program-program intervensi, program-program sokongan pembelajaran, program-program pemantapan kaedah pembelajaran, serta pelbagai lagi inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan di sekolah-sekolah termasuk juga faktor lain seperti ketersediaan sumber-sumber pendidikan dan kualiti guru.

Walaubagaimanapun, kajian Kementerian Pendidikan telah mendapati bahawa dengan memberikan kemudahan permakanan melalui Program Harapan dan Anak Harapan, 20 buah sekolah daripada 25 buah sekolah pada tahun 2024 telah mampu meningkatkan kehadiran pelajar dan telah mencapai kadar kehadiran 90% atau lebih (2 sekolah menengah, 18 sekolah rendah). Manakala, 17 daripada 19 sekolah Anak Harapan mencapai kadar kehadiran 90% atau lebih.

Penyelidikan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan melalui kajian *focus group discussion* bersama pelajar dan guru di beberapa buah sekolah di bawah Program Harapan telah mendapati bahawa pemberian kemudahan permakanan ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan permasalahan pelajar yang sering mengadu sakit gastrik akibat kelaparan di waktu pagi. Ini telah menunjukkan akses kepada makanan dapat membantu kesihatan dan kecergasan pelajar.

Bagi memastikan pelajar menerima kemudahan permakanan yang sihat dan seimbang, Kementerian Kesihatan telah menyediakan satu garis panduan yang dinamakan “Panduan Penjualan & Penyajian Makanan dan Minuman Sihat di Sekolah” yang telah dikeluarkan pada tahun 2018 yang menekankan terhadap saiz hidangan makanan dan cara penyediaan makanan sihat. Penggunaan garis panduan ini adalah selari dengan usahasama Multi-sectoral Taskforce For Health yang diterajui oleh Kementerian Kesihatan sebagai pendekatan “Whole of Nation”, khususnya di bawah bidang fokus “Giving Every Child The Best Start In Life” yang bertujuan untuk meningkatkan kesihatan pelajar sekolah. Kementerian Pendidikan mendukung inisiatif ini melalui pembekalan permakanan menerusi Skim Rancangan Permakanan Sekolah, Program Harapan, Anak Harapan dan pemantauan permakanan yang dijual di kantin-kantin sekolah dengan mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

Bagi memastikan penyediaan kemudahan makanan adalah dijamin keselamatannya dari sebarang bahaya seperti keracunan yang akan memberikan komplikasi kesihatan kepada pelajar-pelajar sekolah, Kementerian Pendidikan juga telah menyediakan “Prosedur Operasi Standard (SOP) Keracunan Makanan di Sekolah-Sekolah Kerajaan di Seluruh Negara Brunei Darussalam” (MOE, 2021).

Selain daripada penyediaan garis panduan-garis panduan berkenaan, Kementerian Pendidikan juga akan sentiasa memastikan syarikat atau vendor dipilih adalah yang benar-benar layak dan mematuhi peraturan-peraturan dalam penyediaan makanan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan.

Inshaa Allah, Kementerian Pendidikan akan terus memantau dalam memastikan pelaksanaan *school meal program* ini dilaksanakan dengan berkesan, dan peraturan-peraturan dalam penyediaan kemudahan permakanan adalah teratur dan

dipatuhi. Semua ini dihasratkan agar pelajar mendapat akses permakanaan yang sihat dan seimbang dan permakanaan tersebut membantu perkembangan fizikal pelajar dan menyokong kesejahteraan dan kesihatan pelajar secara holistik dalam jangka panjang.

No. Soalan: PT30**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA HAJI
AWANG SUYOI BIN HAJI OSMAN****SOALAN:**

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA HAJI AWANG SUYOI BIN HAJI OSMAN meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan hasil penilaian program program dan kursus kursus yang dikendalikan kepada guru guru dan bagaimana mengukur keberkesanan kepada kualiti guru. Sejauh manakah hasilnya menunjukkan peningkatan dalam pembelajaran dan pencapaian pelajar di semua peringkat secara inklusif?

JAWAPAN:**Bismillahirrahmanirrahim****Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua,****Ahli-Ahli Yang Berhormat,****Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.**

Terlebih dahulu koala / saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua atas ruang yang diberikan untuk kaola / saya menjawab pertanyaan bertulis PT30 yang diajukan.

Program pembangunan profesional bertujuan untuk meningkatkan kompetensi, kemahiran pedagogi, profesionalisme serta kualiti pengajaran bagi memastikan para guru sentiasa berkembang selaras dengan perubahan dunia pendidikan. Guru merupakan tunjang utama dalam sistem pendidikan, dan peningkatan keupayaan mereka akan memberi impak positif kepada pencapaian pelajar serta kualiti pendidikan negara. Justeru itu, program pembangunan profesional guru merupakan inisiatif / agenda utama Kementerian Pendidikan selaras dengan Matlamat ke-tiga (3) dalam Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2023 – 2027 iaitu Membina Sumber Tenaga Manusia.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2024, Akademi Pemimpin dan Guru Brunei Darussalam (BDLTA) telah menjalankan sebanyak 116 program pembangunan profesional yang disertai oleh seramai 8,313 orang peserta yang terdiri daripada guru-guru sekolah dan institusi pendidikan Kerajaan dan swasta di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

PENILAIAN PROGRAM & KURSUS

Berdasarkan kaji selidik yang dijalankan kepada para peserta bagi menilai keberkesanan program perkembangan professional dalam mencapai objektif dan pemindahan pengetahuan (*knowledge transfer*) kepada para peserta telah menunjukkan tahap kepuasan yang sangat tinggi dimana:

- 99.56% peserta bersetuju bahawa objektif kursus dinyatakan dengan jelas
- 99.56% bersetuju bahawa kandungan kursus menyokong objektif
- 99.45% bersetuju bahawa objektif tercapai pada akhir kursus
- 99.23% peserta mengakui telah memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diharapkan
- 99.12% bersetuju bahawa mereka dapat mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh

Sementara hasil kaji selidik sama ada para peserta memperolehi dan dapat mengapikasi pengetahuan serta kemahiran juga memberikan maklum balas yang sangat positif, dimana:

- 99.23 % peserta bersetuju memperoleh pengetahuan dan kemahiran baharu;
- 99.12 % peserta berupaya untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran;
- 98.68 % peserta memperolehi pengetahuan melalui interaksi dengan peserta lain.

IMPAK KEPADA KUALITI PENGAJARAN

Alhamdulillah, berdasarkan data Penilaian Prestasi Guru (Teachers Performance Appraisal) telah menunjukkan peningkatan ketara dengan peratus guru yang memperolehi Gred 3 (tahap baik) ke atas meningkat dari 95.3% pada 2020 kepada 99.1% pada tahun 2024, manakala peratus guru yang memperolehi Gred 4 (tahap sangat baik) ke atas telah meningkat dari 21.9% pada tahun 2020 kepada 44.9% pada tahun 2024.


Tren Peningkatan Guru Mencapai Gred 3 dan 4 ke atas Penilaian Prestasi Guru (Teachers Performance Appraisal)

Tahun	Peratus Guru Mencapai Gred 3 dan ke atas	Peratus Guru Mencapai Gred 4 dan ke atas
2020	95.3%	21.9%
2021	96.7%	24.1%

2022	97.6%	29.9%
2023	98.9%	40.4%
2024	99.1%	44.9%

Berdasarkan analisis trend dari 2020 hingga 2024, peningkatan ini membuktikan bahawa:

- Program latihan profesional guru telah meningkatkan kemahiran pedagogi tenaga pengajar, sekaligus menyumbang kepada peningkatan kualiti pengajaran dan pencapaian pelajar di semua peringkat.
- Strategi pembelajaran berbeza (differentiated learning), penggunaan teknologi, dan intervensi berasaskan data telah meningkatkan keberkesanan pengajaran.



Selain itu, bidang fokus 5.1 dalam BTS-TPA yang berkaitan dengan perkembangan amalan profesional guru juga **menunjukkan peningkatan ketara** dimana peratus guru yang mencapai Gred 4 ke atas bagi bidang ini meningkat sebanyak **20.9%**, daripada 40.4% pada tahun 2020 kepada 61.3% pada tahun 2024. Peningkatan ini menunjukkan lebih ramai guru melaksanakan refleksi sebagai budaya profesional mereka. Mereka juga lebih aktif dalam mengemaskini pengetahuan, berkolaborasi untuk pembangunan profesional serta menyokong inisiatif pendidikan baharu.

Di samping itu melalui salah satu analisis kaji selidik PISA (Programme for International Students Assessment) yang dikendalikan oleh Organization for Economic Cooperation and Development (OECD) mengenai dengan kualiti latihan guru. Beberapa indicator boleh dirujuk, seperti indikator pencapaian pelajar dalam ujian PISA. Pencapaian pelajar dalam PISA mencerminkan sejauh mana keberkesanan pengajaran yang mereka terima. Dalam konteks Brunei, peningkatan skor dalam PISA 2022 memberi petunjuk bahawa pelajar-pelajar adalah diajar oleh guru-guru yang terlatih dan berkualiti tinggi. Sehubungan itu latihan dan professional pembangunan guru memainkan peranan penting dalam menyampaikan pengajaran yang lebih efektif dan seterusnya meningkatkan pencapaian akademik pelajar.

Secara ringkasnya hasil penilaian ini menunjukkan bahawa latihan guru yang berkualiti tinggi mampu memberi kesan positif terhadap pencapaian pelajar secara inklusif di semua peringkat pendidikan. Kejayaan Brunei dalam meningkatkan skor PISA 2022 menandakan bahawa program pembangunan profesional guru yang dijalankan telah membuahkan hasil.

No. Soalan: PT14

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH
BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN**

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan strategi dan dasar baharu yang boleh diperkenalkan untuk memastikan sumber pengajaran dan pembantu guru yang mencukupi dalam pendidikan inklusif. Pendidikan inklusif memastikan pelajar istimewa OKU membesar bersama rakan sebaya dengan sokongan guru, namun, ramai guru tidak terlatih dan tiada pembantu guru untuk memberi tumpuan kepada pelajar ini.

JAWAPAN:

Bismillahirrahmanirrahim

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua,

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu koala / saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua atas ruang yang diberikan untuk kaola / saya menjawab pertanyaan bertulis PT14 yang diajukan.

Kementerian Pendidikan telah melaksanakan **Dasar Pendidikan Inklusif** sejak tahun 1997, yang mana kanak-kanak atau pelajar-pelajar berkeperluan khas diberi peluang untuk belajar bersama-sama dengan rakan-rakan sebaya mereka di aliran perdana, samada di peringkat sekolah rendah atau sekolah menengah. Dasar ini bertujuan untuk memastikan semua pelajar, tanpa mengira keupayaan mereka, mendapat akses kepada pendidikan berkualiti dalam persekitaran yang menyokong perkembangan akademik, sosial, dan emosi mereka. Dalam Pendidikan Inklusif ini, adalah sangat penting bagi setiap pihak sentiasa terbuka dan sedia mendukung tanggungjawab masing-masing untuk memastikan setiap kanak-kanak berkeperluan khas ini mempunyai peluang untuk hidup sebagaimana kanak-kanak yang lain hingga mereka mampu hidup berdikari dan berjaya seperti orang lain.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat mengenai strategi dan dasar baharu yang diperkenalkan untuk memastikan sumber pengajaran dan pembantu guru yang mencukupi dalam Pendidikan Inklusif, Kementerian Pendidikan telah dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menyokong pelajar berkeperluan khas (SEN),

termasuk penyediaan sumber pembelajaran yang khusus dan disesuaikan dengan keperluan mereka yang dilaksanakan melalui peruntukan tahunan kewangan yang disalurkan kepada Jabatan Pendidikan Khas.

Disamping itu, Jabatan Pendidikan Khas juga mewujudkan Tabung IKHLAS. Hasil kutipan daripada tabung ini digunakan untuk menyediakan pelbagai sumber pembelajaran, termasuk pembaca skrin (screen reader), alat input alternatif seperti sistem penjejakan mata (eye-tracking systems) dan papan kekunci khas (specialized keyboards). Selain itu, ia turut membiayai alat komunikasi alternatif bagi pelajar yang mengalami kesukaran bertutur, termasuk teknologi terkini seperti peranti pembelajaran digital, alat komunikasi augmentatif, serta bahan bantu mengajar yang menyokong pembelajaran berstruktur dan inklusif.

Kementerian Pendidikan juga telah mewujudkan **Digital Resource Management System**, yang mana di dalam sistem ini telah dimuatkan lebih 300 bahan-bahan pembelajaran digital sebagai rujukan guru-guru Pendidikan Khas, ibu bapa dan pelajar berkeperluan khas. Sebanyak 6 episod bahan media juga telah dihasilkan melalui TV Pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan dan pelbagai sumber pengajaran (*loose items*) telah diedarkan ke 68 buah sekolah terpilih bagi memenuhi keperluan pelajar-pelajar berkeperluan khas termasuklah peralatan khusus (*specialized items*).

Kementerian Pendidikan menyedari akan kepentingan terhadap pemedulian dan bantuan pelajar-pelajar berkeperluan khas ini. Oleh itu, usaha sedang giat dilaksanakan untuk menambah jumlah pembantu guru dalam Pendidikan Inklusif ini agar kebajikan dan kesejahteraan pelajar terjaga. Ke arah ini, Jabatan Pendidikan Khas telah bekerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi untuk menawarkan **Kursus Pensijilan Dalam Pendidikan Khas**. Alhamdulillah, Setakat ini, seramai 6 guru telah menamatkan kursus pada 2022, diikuti 5 guru pada 2023, dan 15 guru pada 2024.

Di samping itu, seramai 23 pegawai pelajaran dalam bidang Pendidikan Khas telah diambil melalui program Perantis, iaitu seorang (1) dari Kohort 1 pada tahun 2019, tiga (3) orang dari Kohort 3 pada tahun 2021, dan 19 orang dari Kohort 4 pada tahun 2022. Melalui pengambilan Skim Perantisan Perkhidmatan Awam (SKIPPA) pula, seramai 115 guru telah ditempatkan di sekolah rendah dan menengah kerajaan, dengan 71 orang di sekolah rendah dan 44 orang di sekolah menengah.

Latihan Perkembangan Profesional juga terus dilaksanakan oleh Jabatan Pendidikan Khas bagi mempertingkatkan kemahiran guru-guru dalam menangani pelajar-pelajar berkeperluan khas. Sebagai contoh Special Educational Needs Support Educator (SENSE) dilaksanakan dengan melibatkan 17 orang guru-guru sekolah kerajaan, 40 orang guru sekolah swasta dan 150 orang guru agama dari sekolah Kerajaan dan

Swasta. Penempatan sementara 27 orang interns (pelatih) mahasiswa-mahasiswi dari Institusi Pengajian Tinggi ke sekolah-sekolah juga sedikit sebanyak dapat membantu pihak sekolah dalam melaksanakan Dasar Pendidikan Inklusif ini dengan lebih baik.

Perancangan Jabatan Pendidikan Khas dalam pengambilan pembantu guru melalui inisiatif **Program Pembantu Guru Berkontrak** juga akan dilaksanakan sebaik menerima kebenaran yang mana melalui program ini guru-guru yang telah bersara akan diambil untuk berkhidmat semula selaku pembantu guru bagi memenuhi keperluan sekolah-sekolah yang memerlukan.

Kementerian Pendidikan juga telah mengambil langkah bagi penambahbaikan **Dasar Garispandu Pendidikan Khas** dengan terbitan Buku Rangka Kerja Pendidikan Khas pada tahun 2022. Keperluan sumber pengajaran dan pembantu guru adalah mengikut Rubrik Priority Level yang telah digariskan dalam Buku Rangka Kerja Pendidikan Khas.

Pelajar berkeperluan khas dalam Pendidikan Inklusif yang telah berjaya meneruskan pendidikannya ke peringkat kemahiran dan ke Peringkat Institusi Pengajian Tinggi adalah seramai 170 semenjak tahun 2018 sehingga 2023.

Berdasarkan kepada data yang diberikan ini dapat memberikan gambaran kepada kementerian Pendidikan bahawa Dasar Pendidikan Inklusif ini berjaya dan dapat mencapai hasratnya. Kanak-kanak atau pelajar-pelajar berkeperluan khas untuk belajar bersama-sama dengan rakan-rakan sebaya mereka di aliran perdana. Walaupun jumlah ini hanya sedikit berbanding dengan jumlah pelajar berkeperluan khas dalam Pendidikan inklusif tetapi sekurang-kurangnya mereka mampu dan berjaya sama seperti pelajar biasa.

Kementerian Pendidikan akan terus komited dalam memastikan pelajar berkeperluan khas mendapat akses kepada pendidikan yang inklusif, komprehensif, dan berkualiti. Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan ini, pelbagai inisiatif akan terus dilaksanakan, termasuk penyediaan prasarana, sumber pengajaran dan pembelajaran yang sesuai, latihan profesional untuk tenaga pengajar, serta pengukuhan sokongan di sekolah melalui penempatan guru dan pembantu guru yang terlatih. Selain itu, kerjasama dengan institusi pengajian tinggi, agensi-agensi Kerajaan dan swasta akan terus diperkukuh bagi memastikan setiap pelajar berkeperluan khas berpeluang mencapai potensi penuh mereka.

No. Soalan: PT25

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERTHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN

SOALAN:

YANG BERTHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan berkenaan potensi negara untuk menjadi pusat pemulihan data serantau dan perancangan Kementerian bagi memastikan infrastruktur digital dan rangkaian mampu menyokong negara sebagai pusat pemulihan data serantau. Adakah ini termasuk di dalam perancangan Masterplan Digital Kementerian?

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin di atas soalan mengenai potensi negara sebagai pusat pemulihan data serantau.

Dalam perkara ini, sukacita dimaklumkan bahawa Negara Brunei Darussalam telah meneroka peluang industri Pusat Data sejak beberapa tahun kebelakangan. Melalui entiti seperti Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) dan lain-lain, beberapa pihak berkepentingan telah terlibat dalam meneliti cadangan bagi pembangunan Pusat Data di negara ini termasuk sebagai pusat pemulihan data serantau.

Sebagai contoh, semasa lawatan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi ke syarikat Microsoft di Singapura pada bulan Oktober 2024 telah juga mengemukakan cadangan bagi syarikat berkenaan untuk mempertimbangkan penggunaan kemudahan-kemudahan atau mewujudkan *data centre* di Negara Brunei Darussalam antaranya bagi menghoskan aplikasi-aplikasi serta perkhidmatan *cloud* mereka. Ini juga mengambil kira penggunaan aplikasi-aplikasi Microsoft di negara ini adalah tinggi.

Walaupun, antara elemen utama yang diperlukan dalam cadangan-cadangan tersebut adalah *base customer volume* untuk menjadikannya berdaya maju. Dalam hubungan ini, syarikat-syarikat tersebut masih berpendapat bahawa saiz pasaran tempatan termasuk permintaan tempatan (iaitu *local demand*) yang masih merupakan satu cabaran jika mengambil kira saiz pasaran yang kecil.

Dengan itu, pada masa ini *Unified National Networks* (UNN) kini menerajui beberapa projek bagi pembangunan industri ini. Di antara usaha-usaha pihak UNN adalah termasuk projek-projek berikut di bawah yang mana juga dipasarkan di luar negara:

- Pelancaran Borneo-IX pada tahun 2021 sebagai infrastruktur bagi Pertukaran data Internet antarabangsa yang neutral, membolehkan Penyedia Perkhidmatan Internet, penyedia rangkaian penghantaran kandungan, penyedia Perkhidmatan *cloud*, dan pengendali rangkaian bertukar data dengan lebih cekap. Penyediaan ini meningkatkan lagi kesalinghubungan dengan mengurangkan *latency* dan memperbaiki kelajuan pemindahan data bagi pengendali rangkaian domestik dan serantau.
- Penyediaan fasiliti dan perkhidmatan *Data Centre* bertempat di tiga (3) lokasi iaitu Telephone House Sumbiling, Tungku Submarine dan Telisai bertujuan untuk menyokong usaha pendigitalan negara.

Sehubungan itu, pihak Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi akan terus bekerjasama dengan pihak berkepentingan untuk menggalakkan pembangunan industri Pusat Data. Ini merangkumi potensi Negara Brunei Darussalam sebagai pusat pemulihan bencana serantau yang mana boleh memanfaatkan dari segi keamanan, kestabilan, dan persekitaran selamat di negara ini.

Dalam hal ini juga, pihak Kementerian akan terus meneliti infrastruktur utama yang merangkumi kesalinghubungan antarabangsa seperti *under-sea cables* serta infrastruktur tenaga yang mana pusat data memerlukan permintaan kuasa tenaga yang tinggi.

No. Soalan: PT11

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH
BINTI SHEIKH HAJI ABD SALAM**

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD SALAM meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan rancangan Kementerian untuk memastikan perlindungan menyeluruh tapak-tapak dibawah Akta Barang-Barang Purbakala dan Harta Terpendam Penggal 31, yang boleh dimanfaatkan sebagai tarikan pelancongan dan pusat penyelidikan. Terdapat empat tapak telah dicadangkan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada tahun 2013, apakah status terkini permohonan tersebut dan langkah-langkah yang diambil untuk memenuhi kriteria yang ditetapkan UNESCO?

JAWAPAN:

[Soalan telah dijawab oleh Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan]

1. Terima kasih kepada **Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam atas pertanyaan** mengenai dengan **rancangan Kementerian untuk memastikan perlindungan menyeluruh tapak-tapak di bawah Akta Barang-Barang Purbakala dan Harta Terpendam Penggal 31, yang boleh dimanfaatkan sebagai tarikan pelancongan dan pusat penyelidikan**
2. Negara Brunei Darussalam komited dalam usaha memelihara dan mengangkat warisan budaya serta sejarah ke peringkat antarabangsa. Pencalonan ke Tapak Warisan Dunia UNESCO memerlukan pematuhan kepada kriteria yang ketat di bawah Konvensyen UNESCO 1973. Dari empat tapak yang dicalonkan, hanya Tasek Merimbun yang setakat ini memenuhi kehendak konvensyen tersebut, namun masih terdapat beberapa persiapan yang perlu disediakan sebelum dapat dimasukkan ke dalam senarai tentatif UNESCO.
3. Selain UNESCO, Negara Brunei Darussalam juga mengambil pendekatan yang lebih luas dalam penjagaan warisan dunia. Masjid Omar Ali Saifuddien telah dicalonkan sebagai Tapak Warisan Dunia Islam ICESCO dan kini masih dalam penelitian. Dalam peringkat serantau pula, terdapat beberapa warisan budaya yang sedang dalam perbincangan untuk disenaraikan di bawah Senarai Warisan Budaya ASEAN. Ini mencerminkan usaha berterusan dalam memastikan khazanah budaya Brunei mendapat pengiktirafan sewajarnya.

-
4. Alhamdulillah, kejayaan telah dicapai apabila Kebaya dicalonkan sebagai Warisan Dunia Tidak Ketara 2024 bersama Malaysia, Indonesia, Singapura, dan Thailand. Insya-Allah, pada tahun-tahun mendatang, lebih banyak warisan budaya negara kita akan diketengahkan dalam senarai antarabangsa, selaras dengan usaha KKBS untuk memperkukuh identiti dan warisan budaya Brunei Darussalam di persada dunia.
 5. Sekian sahaja yang dapat diulaskan. Terima kasih.

No. Soalan: PT15

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah kerajaan dalam memperkasakan komuniti untuk menangani kesan bencana secara berdikari, dengan penyediaan bantuan seperti pinjaman faedah rendah untuk membaiki rumah yang terjejas dan kerja-kerja pembaikan. Ini kerana perubahan iklim nyata serta memberi kesan kepada kehidupan seharian, dan peningkatan kekerapan dan keterukan bencana alam kos pemulihan, sering tidak dilindungi insurans.

JAWAPAN:

1. Terima kasih kepada **Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin atas pertanyaan** mengenai dengan **langkah kerajaan dalam memperkasakan komuniti untuk menangani kesan bencana secara berdikari.**
2. Dimaklumkan bahawa setakat ini, pihak Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) tidak menyediakan bantuan pinjaman faedah rendah bagi membaikpulih rumah-rumah yang terjejas akibat bencana.
3. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku kejadian bencana, JAPEM akan menghulurkan bantuan dalam bentuk kewangan, catuan makanan, dan barangan keperluan asas untuk meringankan beban mangsa. Namun, bantuan ini tidak bertujuan untuk menggantikan kerosakan rumah atau harta benda yang terjejas akibat kejadian tersebut.
4. Selain itu, bantuan penempatan sementara turut disediakan bagi mangsa yang kehilangan tempat tinggal atau rumah mereka tidak lagi selamat untuk didiami, tertakluk kepada ketersediaan ruang.
5. Sehubungan itu, pemilik rumah **sentiasa disarankan dan digalakkan** untuk mendapatkan perlindungan insurans. Sepertimana juga insurans kenderaan dapat memberikan perlindungan kewangan sekiranya berlaku kemalangan, apatah lagi insurans rumah kerana ia dapat memberikan perlindungan terhadap kerugian harta benda atau kewangan akibat kejadian yang tidak dijangka.

-
6. Berkenaan cadangan pinjaman faedah rendah bagi membaik pulih rumah mangsa bencana, perkara ini memerlukan penyelidikan dan pertimbangan yang sewajarnya. Hal ini kerana pinjaman kewangan boleh membebankan mangsa dalam jangka masa panjang, terutama bagi mereka yang mungkin tidak berkemampuan untuk membayar balik pinjaman kepada pihak kerajaan atau institusi kewangan.
 7. Selain JAPEM, Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB) serta Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah (YSHHB) turut menyediakan bantuan kewangan kepada individu yang ditimpa musibah, tertakluk kepada syarat kelayakan masing-masing.
 8. Sekian sahaja yang dapat diulaskan. Terima kasih.

No. Soalan: PT26

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERTHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN

SOALAN:

YANG BERTHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan rancangan Kementerian untuk mengembangkan industri kreatif, khususnya dalam memanfaatkan keunikan budaya tujuh puak jati Brunei. Ini memandangkan kekayaan warisan budaya Negara melalui tujuh puak jati yang dapat dimanfaatkan untuk mengembangkan industri kreatif yang tidak hanya melestarikan warisan budaya, tetapi juga memberikan peluang ekonomi bagi masyarakat.

JAWAPAN:

1. Terima kasih kepada **Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** atas pertanyaan mengenai dengan rancangan Kementerian untuk mengembangkan industri kreatif, khususnya dalam memanfaatkan keunikan budaya tujuh puak jati Brunei.
2. Negara Brunei Darussalam mempunyai kebudayaan dan kesenian yang unik dan berpaksikan kepada Melayu Islam Beraja dengan nilai-nilai dan cara hidup yang mencerminkan tatasusila dan warisan budaya Brunei. Puak Jati Brunei tidak dinafikan memainkan peranan penting dalam pembangunan sosio-ekonomi, khususnya melalui pelancongan budaya yang menonjolkan keunikan adat resam, seni bina, pakaian tradisional, makanan, serta seni persembahan mereka. Dikongsikan, data menunjukkan bahawa **lebih 231,000 pelawat** telah mengunjungi galeri, perpustakaan, dan tapak-tapak bersejarah di seluruh negara, membuktikan minat yang tinggi terhadap warisan budaya Brunei.
3. Dalam usaha memanfaatkan keunikan budaya tujuh puak jati Brunei selari dengan perkembangan industri kreatif, Kementerian telah dan akan terus melaksanakan festival dan pameran tradisi dan kesenian budaya. Dalam pada itu, Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan juga ada menawarkan produk buatan tangan dan giat meningkatkan jualan produk dalam pasaran tempatan dan antarabangsa melalui pameran dan penyertaan dalam kegiatan antarabangsa.
4. Bagi memastikan industri kebudayaan dan kreatif berkembang mampan di negara ini, Kementerian memberi tumpuan kepada strategik inisiatif seperti pemberian bantuan kewangan dan fasiliti kepada **lebih 50 pengusaha dan penggiat seni budaya** untuk memastikan kesinambungan industri kebudayaan dan kreatif. Di

samping itu, kerjasama strategik dengan puak-puak etnik, Jabatan Kemajuan Pelancongan, dan Jabatan-Jabatan Daerah juga giat dilaksanakan dalam penganjuran **21 program kebudayaan** yang telah menarik **lebih 6,000 peserta**.

5. Seperti yang dinyatakan dalam ulasan peramba / kaola / saya sebelum ini bahawa kejayaan **pengiktirafan pencalonan Kebaya sebagai Warisan Tidak Ketara Dunia UNESCO** adalah hasil usaha bersama antara pelbagai puak etnik di rantau ini, termasuk Brunei. Inisiatif ini menunjukkan bagaimana identiti budaya boleh dikongsi oleh pelbagai komuniti serantau, serta kepentingan kerjasama dalam memartabatkan warisan budaya di peringkat global.
6. Dengan usaha berterusan ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan agensi-agensi berkepentingan yang lain menerusi pendekatan senegara yakin bahawa pelestarian dan pelancongan budaya akan terus berkembang dan menyumbang kepada ekonomi negara serta memastikan warisan budaya Brunei kekal relevan, berdaya saing dan dihargai oleh generasi akan datang.
7. Sekian sahaja yang dapat diulaskan. Terima kasih.

No. Soalan: PT38

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN
PENGIRAN HAJI ALIUDDIN**

SOALAN:

YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah atau tindakan yang telah dijalankan atau pemantauan yang dibuat dalam menangani isu tempat letak kereta bagi berkeperluan khas (kerusi roda), ini kerana didapati ada sesetengah individu tidak cakna dalam perkara ini dan meletakkan kereta ditempat khas tersebut.

JAWAPAN:

[Soalan telah dijawab oleh Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan]

1. Terima kasih kepada **Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin atas pertanyaan** mengenai dengan **langkah atau tindakan yang telah dijalankan atau pemantauan yang dibuat dalam menangani isu tempat letak kereta bagi berkeperluan khas (kerusi roda).**
2. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) amat prihatin terhadap hak dan kepentingan orang kelainan upaya (OKU) di negara ini. Melalui Jawatankuasa Khas Isu Orang Kelainan Upaya di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial, KKBS bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan dari kalangan persatuan-persatuan orang kelainan upaya untuk memastikan bahawa golongan OKU diberikan peluang yang sama dalam pelbagai aspek kehidupan disamping menyokong dan memperkasa golongan ini untuk mencapai potensi yang maksimum bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang inklusif dan progresif.
3. Salah satu inisiatif yang diusahakan ialah mewujudkan persekitaran yang lebih inklusif dan mesra OKU dengan memperbaiki dan memperluaskan aksesibiliti golongan OKU bagi memudahkan pergerakan dan meningkatkan kualiti hidup mereka. Antara usaha di bawah inisiatif ini ialah memastikan tempat-tempat letak kereta khas bagi golongan OKU disediakan di bangunan-bangunan kerajaan dan komersial. Tempat letak kereta yang boleh diakses ini memastikan individu yang mempunyai cabaran mobiliti seperti OKU berkerusi roda, mempunyai akses yang lebih mudah dan dekat dengan pintu masuk bangunan dan lif serta ruang letak kereta yang lebih besar untuk menampung alat mobiliti, sejajar dengan Konvensyen hak-hak Orang Kurang Upaya (*Convention on the Rights of Persons*

with Disability (Article 9)), iaitu Aksesibiliti Ke arah Komuniti (*Accessibility Towards an Accessible Community*) yang boleh diakses.

4. Untuk makluman Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, ruangan letak kereta OKU khusus direka bentuk bagi kemudahan OKU dengan ciri-ciri tertentu mengikut *Different Abilities Design Guidelines* (DADG) yang dikeluarkan oleh *Authority for Building Control and Construction Industry* (ABCI), Kementerian Pembangunan pada tahun 2018.
5. KKBS mengambil maklum bahawa ada kalanya tempat-tempat letak kereta khas OKU ini telah disalahgunakan oleh orang awam iaitu orang yang bukan berkerusi roda. Dalam erti kata lain, walaupun tempat letak kereta tersebut jelas mempunyai lambang OKU, namun ada yang bukan dari golongan memerlukan telah mengambil kesempatan atau kesenangan meletakkan kereta disana disebabkan ianya kosong atau hampir dengan pintu masuk. Perkara ini mencerminkan kurangnya kesedaran dan keprihatinan segelintir masyarakat kita terhadap kesejahteraan OKU.
6. Ke arah ini, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) sentiasa giat berkolaborasi bersama rakan-rakan strategik dalam meningkatkan advokasi hak tempat letak kereta OKU bagi golongan OKU yang memerlukan. Pada tahun 2024, Kumpulan We.Kare, yang terdiri daripada enam orang pegawai *Executive Development Programme for Middle Management Officers* (EDPMMO) telah melaksanakan satu projek kesedaran tersebut, yang merangkumi pemberitaan hak-hak tempat letak kereta bagi golongan OKU melalui video ringkas, radio, 50 keping poster yang dipaparkan di beberapa tempat awam seperti bangunan-bangunan Kerajaan serta tempat membeli-belah, Program Rampai Pagi, dan menyediakan dua tempat letak kereta OKU baharu di Masjid Suri Seri Begawan, Kampong Manggis Madang pada 18 Julai 2024. Majlis penyediaan tempat letak kereta OKU berkenaan juga merangkumi taklimat mengenai kepentingan adanya tempat letak kereta OKU yang telah disampaikan oleh JAPEM melalui Bahagian Orang Kelainan Upaya dan Kementerian Pembangunan melalui ABCi.
7. Ke arah mempertingkatkan lagi kawalan penggunaan letak kereta OKU di negara ini, dimaklumkan bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi sedang merangka **Pelekat Kenderaan Orang Kelainan Upaya (OKU) yang** dihasratkan sebagai pengenalan rasmi bagi kenderaan yang dipandu atau dinaiki oleh OKU, selaras dengan Objektif 2 dibawah bidang Fokus 3 Pelan Tindakan Orang Kelainan Upaya iaitu "Memastikan sistem sokongan dan prasarana dukungan yang mesra OKU". Selain untuk memudahkan urusan harian mereka untuk meletakkan kenderaan di tempat yang disediakan khusus untuk OKU, pelekat rasmi ini juga

akan memastikan hak aksesibiliti OKU dihormati serta mengelakkan penyalahgunaan tempat letak kereta OKU oleh orang ramai.

8. Alhamdulillah sukacita juga dikongsikan bahawa sebuah Taskforce Pelekat Kenderaan Orang Kelainan Upaya (OKU) telah ditubuhkan pada Oktober 2024 yang mana antara bidang tugas Taskforce ini ialah untuk mencadangkan langkah untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman tentang program pelekat kenderaan kepada semua pengguna jalan raya dan lapisan masyarakat di negara ini termasuk dalam kalangan OKU.
9. Adalah diharap, penyediaan Pelekat Kenderaan OKU ini bukan sahaja akan meningkatkan aksesibiliti untuk kemudahan OKU meletakkan kereta dengan selesa dan selamat tanpa sebarang halangan atau kekeliruan, malah ianya juga boleh membantu mengurangkan penyalahgunaan tempat letak kereta khas oleh individu yang tidak layak serta meningkatkan kesedaran masyarakat tentang keperluan khas golongan OKU dan pentingnya menyediakan ruang yang lebih mesra dan mudah diakses untuk mereka.
10. Sekian sahaja yang dapat diulaskan. Terima kasih.